

**KAJIAN PSIKOLOGI HUMANISTIK WATAK MARDIAH
DALAM NASKHAH *POKOK KARYA* JOHAN JAAFFAR**

ENGKU NOR ZALIFAH BINTI ENGKU ABDUL RASED

**FAKULTI SENI KREATIF
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2021

**KAJIAN PSIKOLOGI HUMANISTIK WATAK MARDIAH
DALAM NASKHAH *POKOK KARYA* JOHAN JAAFFAR**

ENGKU NOR ZALIFAH BINTI ENGKU ABDUL RASED

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SENI
PERSEMBAHAN (DRAMA)**

**FAKULTI SENI KREATIF
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2021

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **ENGKU NOR ZALIFAH BINTI ENSKU ABDUL RASED**

No. Matrik: **17103125**

Nama Ijazah: **SARJANA SENI PERSEMBAHAN (DRAMA)**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

KAJIAN PSIKOLOGI HUMANISTIK WATAK MARDIAH DALAM NASKHAH

POKOK KARYA JOHAN JAAFFAR

Bidang Penyelidikan: Drama

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta tela dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah seutu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

**KAJIAN PSIKOLOGI HUMANISTIK WATAK MARDIAH DALAM
NASKHAH *POKOK KARYA* JOHAN JAAFFAR**

ABSTRAK

Kajian mengenai watak dan perwatakan mempunyai perkaitan yang rapat dengan ilmu psikologi. Aspek psikologi membatasi tingkah laku, pemikiran dan kegiatan yang dilakukan oleh watak dalam sesebuah naskhah. Tingkah laku dan pemikiran ini merupakan data yang menjadi petunjuk kepada keadaan jiwa dan mental watak. Kajian psikologi watak ke atas karya-karya seni di Malaysia kebanyakannya bertumpu kepada watak-watak dalam karya prosa sementara sangat sedikit fokus diberikan kepada kajian watak dalam drama. Manakala teori yang digunakan banyak bertumpu pada teori klasik seperti Sigmund Freud. Pengkaji percaya terdapat satu pendekatan lain yang boleh diteroka untuk membincangkan psikologi watak dan perwatakan iaitu Teori Psikologi Humanistik oleh Abraham Maslow. Teori ini menyarankan lima tingkat hierarki keperluan watak yang perlu dilalui oleh manusia sebelum mencapai ciri-ciri unggul dan aktualisasi diri. Justeru, pengkaji memulakan sebuah penyelidikan berkaitan psikologi watak Mardiah dalam naskhah drama *Pokok* karya Johan Jaaffar menerusi kerangka teoritikal Maslow ini. Mardiah merupakan watak seorang wanita yang telah mengalami pelbagai peristiwa tragik dalam hidupnya, tetapi akhirnya memilih untuk tidak mengalah malah bangkit sebagai manusia yang lebih baik, mencari kesempurnaan hidup dalam caranya sendiri. Objektif penyelidikan ini adalah untuk menganalisis aspek emosi serta konflik watak Mardiah dalam mengemukakan simbol keunggulan seorang wanita. Aspek tersebut akan diinterpretasi melalui pengalaman watak Mardiah yang akhirnya mencapai kesempurnaan dan aktualisasi diri. Kajian ini adalah sebuah kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan sebagai pendekatan menganalisis serta menginterpretasi watak Mardiah. Data dikumpul melalui pembacaan teliti serta temu bual. Maklumat yang

diperoleh kemudiannya diklasifikasikan berdasarkan lima hierarki keperluan watak seperti yang terkandung dalam Teori Psikologi Humanistik Maslow. Hasil kajian ini telah mengangkat watak Mardiah sebagai simbol wanita unggul yang memiliki potensi diri tertinggi. Penemuan potensi tertinggi dalam watak Mardiah ditandai menerusi tiga aspek penting iaitu: aspek emosi, konflik watak dan simbol keunggulan watak Mardiah. Melalui proses pengalaman dan kerendahan hati yang dimiliki Mardiah, wataknya berhasil menuju ke arah aktualisasi pada pengakhiran hidupnya kerana dia mampu melepasi masa-masa sukar yang berlaku akibat perlakuan dirinya sendiri mahupun pengaruh persekitaran. Teori Psikologi Humanistik Abraham Maslow berhasil memaparkan potensi diri, keunggulan dan kesempurnaan watak Mardiah.

Kata kunci: Abraham Maslow, Johan Jaaffar, Psikologi humanistik, Watak, Naskhah *Pokok*

KAJIAN PSIKOLOGI HUMANISTIK WATAK MARDIAH DALAM

NASKHAH POKOK KARYA JOHAN JAAFFAR

ABSTRACT

The study of character and characterization is closely related to the science of psychology. Psychological aspects limit the behaviors, thoughts and activities performed by the characters in a script. These behaviors and thoughts are data that are indicative of the psyche and mental state of the character. The study of character psychology on works of art in Malaysia mostly focuses on the characters in prose works while very little focus is given to the study of characters in drama. While the theory used is largely focused on classical theories such as Sigmund Freud. Researchers believe there is another approach that can be explored to discuss the psychology of character and characterization which is the Theory of Humanistic Psychology by Abraham Maslow. This theory suggests five levels of a hierarchy of character needs that human beings must go through before achieving superior characteristics and self-actualization. Thus, the researcher started a research related to the psychology of Mardiah's character in Johan Jaaffar's play Pokok through Maslow's theoretical framework. Mardiah is the character of a woman who has experienced various tragic events in her life, but eventually chooses not to give up and even rises up as a better human being, seeking the perfection of life in her own way. The objective of this research is to analyze the emotional aspects as well as the conflict of Mardiah's character in presenting the symbol of a woman's superiority. These aspects will be interpreted through the experience of Mardiah's character who eventually achieves perfection and self-actualization. This study is a qualitative with content analysis design as an approach to analyze and interpret the character of Mardiah. Data were collected through close readings as well as interviews. The information obtained is then classified based on five hierarchies of character needs as contained in Maslow's Theory of Humanistic Psychology. The results of this study have

elevated the character of Mardiah as a symbol of superior women who have the highest self-potential. The discovery of the highest potential in the character of Mardiah is marked through three important aspects namely: the emotional aspect, the conflict of character and the symbol of the superiority of the character of Mardiah. Through the process of experience and humility that Mardiah has, her character managed to move towards actualization at the end of her life because she was able to get through the difficult times that occurred due to her own behavior or the influence of the environment. Abraham Maslow's Theory of Humanistic Psychology successfully displays the self-potential, excellence and perfection of Mardiah's character.

Keywords : Abraham Maslow's, Johan Jaaffar's, humanistic psychology, character, Pokok

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT yang telah mengurniakan kasih sayang dan rahmatNYA dalam memudahkan serta menyelesaikan penyelidikan yang bertajuk *Kajian Psikologi Humanistik Watak Mardiah dalam Naskhah Pokok karya Johan Jaaffar* sebagai salah syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Seni Persembahan (Drama).

Penyelidikan ini tidak akan selesai dengan baik tanpa dorongan dan bimbingan dari semua pihak. Oleh itu saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) kerana telah menaja saya sepanjang pengajian di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Penghargaan terima kasih ini juga untuk Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (DBP) atas kerjasama menyediakan bahan-bahan penyelidikan yang diperlukan. Ucapan terima kasih serta rasa hormat juga kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Seni kreatif Universiti Malaya Dr. Farideh Alizadeh, Dr. Marlenny Deen Erwan Dr. Rosdeen Suboh dan Cik Raja Farah Raja Hadayadanin yang telah banyak membimbing, melimpah ilmu yang sangat bernilai sehingga saya dapat mencapai keberhasilan dalam menyelesaikan penyelidikan ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih buat kakitangan Fakulti Seni Kreatif, Universiti Malaya.

Ucapan setinggi terima kasih dan kasih sayang buat penyelia iaitu Dr. Marlenny Deen Erwan yang tidak pernah jemu memberikan ilmu, nasihat, dorongan dan motivasi. Jasa dan curahan ilmu yang diberikan sangat berharga buat saya. Terima kasih Dr. Marlenny, moga Allah membalas jasa dan budi baiknya. Penghargaan ini saya abadikan untuk almarhum ayahanda yang sentiasa menjadi pendorong untuk saya terus menimba ilmu. Pesanan terakhir yang sentiasa tersemat di hati saya “ *Belajar menuntut pengorbanan, jangan berhenti bila lelah, tapi terus lah kerana dalam kelelahan ada nikmat yang Allah kurniakan untuk orang yang belajar*”. Buat bonda yang tercinta, terima kasih atas setiap doa yang dititipkan setiap saat buat saya.

Ucapan terima kasih ini juga buat sahabat-sahabat saya yang sentiasa menjadi penasihat, pendorong dan sentiasa memberi semangat untuk terus berjuang menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga buat rakan-rakan Fakulti Teater ASWARA yang sering memberi semangat serta nasihat dalam saya menyiapkan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih ini juga saya rakamkan buat guru saya, Rosminah binti Mohd Tahir kerana banyak memberi ilmu dan tunjuk ajar serta setinggi penghargaan buat Haliza Misbun yang banyak memberi maklumat kepada saya sebagai responden dalam kajian penyelidikan ini. Penghargaan ini juga tidak lupa saya titipkan buat keluarga yang sentiasa memberi motivasi untuk saya terus berjuang menyelesaikan pengajian ini. Tanpa dorongan mereka tidak mungkin saya mampu menyelesaikan hasil kerja ini.

Teristimewa buat suami tercinta Tengku Hamzah dan anak tunggal saya Tengku Nur Iffah Zaira. Pengorbanan mereka sangat istimewa dalam hati saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Terima kasih kerana memahami setiap laku dan kata, terima kasih kerana memberi ruang dan masa tanpa ada keluhan dari kalian. Perjuangan ini tidak akan berhasil tanpa cinta dan kasih sayang kalian. Moga kajian ini akan memberi manfaat hendaknya. Jika ada yang kurang datangnya daripada saya.

ISI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN.....	ii
ABSTRAK.....	iii
<i>ABSTRACT</i>	v
PENGHARGAAN.....	vii
ISI KANDUNGAN.....	ix
SENARAI JADUAL.....	xiii
SENARAI RAJAH.....	xiv
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar belakang kajian.....	5
1.2.1 Sinopsis naskah <i>Pokok</i>	6
1.2.2 Latar belakang penulis.....	7
1.3 Permasalahan kajian.....	10
1.4 Persoalan kajian.....	15
1.5 Objektif kajian.....	15
1.6 Skop dan batasan kajian/limitasi kajian.....	15
1.7 Kerangka teoritikal.....	17
1.7.1 Psikologi humanistik Maslow.....	19
1.7.2 Biografi Abraham Maslow.....	19
1.7.3 Teori keperluan hierarki Maslow.....	21
1.7.4 Hierarki keperluan dasar manusia.....	26
1.7.5 Sifat karakteristik dalam setiap keperluan.....	27
1.8 Kepentingan kajian.....	28
1.9 Rumusan.....	29

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan.....	31
2.2 Kajian psikologi watak dalam naskhah.....	31
2.3 Kajian psikologi humanistik Abraham H.Maslow.....	42
2.4 Kajian perbandingan dan perbahasan mengenai teori humanistik Maslow sebagai mazhab ketiga.....	48
2.5 Rumusan.....	52

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan.....	55
3.2 Reka bentuk kajian.....	56
3.2.1 Analisis kandungan.....	57
3.2.2 Kerangka konseptual.....	59
3.2.3 Instrumen kajian.....	62
3.2.4 Justifikasi kajian.....	65
3.3 Teknik pengumpulan data.....	66
3.4 Teknik analisis data.....	69
3.4.1 Pembacaan teliti	70
3.4.2 Prosedur analisis data.....	72
3.5 Rumusan.....	75

BAB 4: ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan.....	77
4.1.1 Watak dan perwatakan Mardiah.....	77
4.2 Data analisis watak Mardiah.....	83
4.3 Aspek emosi watak Mardiah.....	83
4.3.1 Kesedihan.....	87
4.3.2 Kekecewaan.....	89

4.3.3 Ketakutan.....	92
4.3.4 Kemarahan.....	95
4.3.5 Ketenangan jiwa.....	97
4.3.6 Kasih sayang.....	99
4.4 Aspek konflik jiwa watak Mardiah.....	102
4.4.1 Konflik dalaman Mardiah.....	106
4.4.2 Konflik Mardiah dan keluarga.....	109
4.4.3 Konflik Mardiah dan Tuk Kaya.....	113
4.5 Simbol keunggulan watak Mardiah.....	116
4.5.1 Memiliki kemampuan melihat dunia nyata secara efisien.....	120
4.5.2 Merasa tenang meskipun hidup dalam kesusahan.....	122
4.5.3 Kecekalan jiwa.....	124
4.6 Proses aktualisasi Mardiah.....	126
4.6.1 Mampu bertahan pada pendirian.....	129
4.6.2 Hubungan peribadi yang kuat.....	131
4.6.3 Kesempurnaan.....	133
4.7 Dapatan kajian.....	135
4.7.1 Emosi watak Mardiah.....	135
4.7.2 Konflik watak Mardiah.....	140
4.7.3 Simbol keunggulan watak Mardiah.....	143
4.7.4 Proses aktualisasi Mardiah.....	145
4.8 Rumusan.....	148
 BAB 5: HASIL DAN PERBINCANGAN	
5.1 Pengenalan.....	151
5.2 Hasil kajian.....	151
5.2.1 Persoalan kajian 1.....	151

5.2.2 Persoalan kajian 2.....	153
5.3 Diskusi.....	154
5.4 Cadangan penyelidikan masa hadapan.....	155
5.5 Penutup.....	156
BIBLIOGRAFI.....	158
LAMPIRAN.....	164

Universiti Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 4.2: Aspek emosi Mardiah dilihat berdasarkan keperluan hierarki yang disarankan oleh Maslow.....	84
Jadual 4.3: Konflik jiwa watak Mardiah sepertimana yang disarankan oleh dengan melihat keperluan hierarki Maslow.....	103
Jadual 4.4: Simbol keunggulan watak Mardiah berdasarkan struktur psikologi manusia yang disarankan oleh Maslow.....	118
Jadual 4.5: Proses aktualisasi Mardiah.....	127

Universiti Malaysia

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1: Keperluan hierarki Maslow yang digunakan sebagai kaedah dalam melihat psikologi watak Mardiah. Sumber Bob Poston.....	24
Rajah 3.1: Proses kajian kualitatif yang dijalankan. Sumber Bryman (2008).....	55
Rajah 3.2: Kerangka konseptual.....	61
Rajah 3.3: Proses pengumpulan data mengenai watak Mardiah dalam naskhah <i>Pokok karya</i> Johan Jaaffar.....	66
Rajah 3.4: Aliran dalam pembacaan teliti (<i>close reading</i>) sumber David Schur (1998).....	69
Rajah 3.5: Prosedur analisis data yang memperlihatkan peringkat dalam melaksanakan proses analisis data mengikut kaedah pendekatan psikologi sastera.....	72
Rajah 4.1: <i>Character Bone Structure</i> yang telah disarankan oleh Lajos Egri.....	77

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Watak ialah sesuatu objek atau pelaku. Watak juga adalah objek yang mengembangkan tema dan persoalan serta plot melalui aksi, tindakan, dialog dan konflik. Seperti yang dinyatakan oleh Echols dan Shady dalam Minderop (2013: 2), definisi watak atau dalam bahasa Inggeris *character* bermaksud orang, masyarakat dan tokoh dalam naskhah. Manakala perwatakan atau dalam bahasa Inggeris *characterzation* bermakna gambaran watak dalam naskhah. Perkaitan watak dan perwatakan adalah satu hal yang terkait antara satu sama lain. Aspek perwatakan lebih kepada sifat-sifat watak. Antara sifat-sifat yang terdapat dalam perwatakan ialah perwatakan fizikal dan perwatakan pemikiran. Perwatakan fizikal menjurus kepada bentuk badan, bentuk rupa, warna kulit ataupun jantina. Perwatakan pemikiran pula lebih kepada sifat yang melibatkan jiwa atau perasaan iaitu, berani, takut, sedih, gembira dan sebagainya. Watak dan perwatakan mempunyai perkaitan yang rapat dengan psikologi. Ini kerana psikologi membatasi manifestasi dan ekspresi dari jiwa atau mental yang merupakan tingkah laku, pemikiran dan kegiatan yang dilakukan.

Sehubungan dengan itulah pendekatan psikologi diberi pemaknaan untuk mempelajari mengenai watak yang menepati aspek kejiwaan, emosi, pemikiran dan tingkah laku manusia. Watak juga pelaku yang mendukung dan menghidupkan sesebuah naskhah. Oleh itu, kedua-dua aspek ini sangat berhubung kait kerana dalam diri manusia mempunyai unsur-unsur psikologi yang disedari ataupun tidak disedari. Menurut ahli falsafah, psikologi berkembang daripada bidang falsafah dan biologi. Dalam Minderop

(2011: 8), menjelaskan perkataan psikologi berasal daripada Yunani Greek dengan gabungan dua perkataan iaitu *psyche* (psiko) yang bermaksud jiwa, rohani atau mental dan *logos* (logi) bermaksud kajian atau ilmu, jadi psikologi diberi pengertian kajian atau ilmu jiwa, rohani atau mental.

Pendekatan psikologi watak disebut juga pendekatan kejiwaan watak dan perwatakan. Mendekati naskhah dengan memahami aspek dalaman watak dengan cara mencari dorongan untuk menembusi alam pemikiran watak. Kebiasaanya watak-watak akan muncul dengan penuh keyakinan, jiwa yang kuat dan bermotivasi. Kesemua itu adalah medan analisis pendekatan psikologi. Pendekatan yang disebut dengan psikologi juga memberi penekanan kepada aspek kejiwaan dalam kajian naskhah. Menurut Mana Sikana (2008: 127), aspek kejiwaan sudah menjadi teras penciptaan karya sastera sejak zaman Greek, iaitu 2000 SM. Ini kerana Mana Sikana menjelaskan bahawa kekuatan karya Aristophanes selalu dihubungkan dengan unsur pendalaman daripada sudut kejiwaan watak-wataknya, begitu juga kekuatan karya-karya Shakespeare. Dalam buku beliau, Mana Sikana juga menyatakan bahawa karya-karya Shakespeare bergantung kepada penerapan unsur-unsur psikologi, sehingga watak-wataknya benar-benar hidup dan berkesan seperti Hamlet dan Macbeth.

Aspek psikologi watak ini berkait rapat dengan Mardiah dalam naskhah *Pokok* karya Johan Jaaffar. Pergolakan jiwa yang berlaku ke atas Mardiah mencerminkan emosi, tingkah laku serta pemikirannya yang sentiasa bergelut dengan pengalaman masa lalu. Selain daripada itu, hubungan Mardiah dan watak-watak lain juga mempunyai konflik yang tersendiri. Konflik ini menjadikan jiwa Mardiah sentiasa gelisah dan tidak tenang. Setiap tindakan Mardiah adalah disebabkan daripada refleks jiwa melalui peristiwa yang di alaminya. Hal ini meletakkan satu interpretasi bahawa watak Mardiah menuntut keperluan asas bagi mencapai aktualisasi dirinya. Di samping itu Mardiah perlu

memenuhi setiap keperluan hierarki Maslow untuk meletakkan dirinya dalam puncak kesempurnaan hidup.

Sebagai sebuah karya kreatif naskhah drama seringkali dikaitkan dengan gejala kejiwaan, sikap dan tingkah laku manusia. Oleh sebab itu pengkaji mengaitkan psikologi sastera dalam penyelidikan ini kerana psikologi sastera merupakan dua cabang ilmu yang berdiri atas psikologi dan sastera. Menurut Siswantoro (2011: 29), menjelaskan bahawa istilah psikologi membawa maksud kajian jiwa, manakala sastera pula ialah sebuah karya seni seperti drama, puisi dan novel. Walaupun kedua-dua istilah ini mempunyai perbezaan tetapi ilmu ini memiliki satu takrifan penyatuan antara manusia dan kehidupan sebagai menuju kepada matlamat. Selain daripada itu juga, psikologi mempunyai perkaitan rapat dengan manusia. Hal ini kerana psikologi kejiwaan mempelajari tentang tingkah laku serta pemikiran manusia. Hal ini membuktikan bahawa psikologi memberi tumpuan kepada manusia dalam dunia nyata, manakala sastera pula tertumpu kepada manusia dalam dunia khayalan. Dengan itulah, ia akan melihat pemahaman yang luas dalam penyelidikan sastera dengan menggunakan pendekatan psikologi.

Dengan demikian psikologi sastera adalah sebuah pendekatan kajian ke atas naskhah yang memandang karya itu sebagai aspek kejiwaan. Menurut Endraswara (2011: 96), melalui naskhah terdapat dialog yang merupakan pengungkapan kepada jiwa watak. Watak dalam naskhah merupakan objek dari satu kejiwaan dan pemikiran pengarang. Kajian psikologi sastera meneliti perwatakan tokoh secara psikologi dan melihat aspek pemikiran dan perasaan pengarang ketika menciptakan watak tersebut. Oleh sebab itu pendekatan psikologi sastera memiliki kelebihan kerana lebih menumpukan aspek watak dan perwatakan. Maka dengan itu, kajian penyelidikan ini akan tertumpu kepada kegiatan, tindakan, perbuatan watak yang kelihatan, tidak kelihatan, yang disedari, mahupun tidak disedari. Termasuk cara watak berdialog, berfikir, melakukan sesuatu,

cara berinteraksi serta emosi terhadap sesuatu yang datang dari luar dirinya ataupun dari dalam dirinya.

Dalam konteks penyelidikan ini psikologi dilihat dalam sebuah penghasilan drama. Ini adalah kerana naskhah drama disebut sebagai gejala kejiwaan. Tingkah laku dan pemikiran dalam naskhah merupakan data yang menjadi penunjuk kepada keadaan jiwa atau mental watak. Hal ini kerana dalam naskhah drama mengangkat masalah hidup dalam kehidupan. Perbincangan melalui masalah kehidupan ini dikaitkan dengan keperluan demi meneruskan kelangsungan hidup. Dalam memenuhi keperluan tersebut, tingkah laku sangat menentukan kecenderungan manusia agar mencapai kehidupan yang memuaskan.

Melalui naskhah drama *Pokok* karya Johan Jaaffar, pengkaji melihat sebuah paparan kehidupan menerusi watak-watak yang kompleks. Sebagaimana yang terdapat dalam naskhah *Pokok*, watak Mardiah perlu mengharungi pelbagai konflik demi memenuhi tuntutan keperluan jiwa yang sarat dengan himpitan perasaan. Pengalaman lampau pengarang diterjemahkan dalam naskhah *Pokok* bagi menghidupkan watak-watak dengan mencari keperluan jiwa untuk mencapai peningkatan yang memuaskan. Kehendak watak Mardiah dalam naskhah ini terkait rapat dengan aspek psikologi humanistik. Dalam konteks ini, psikologi humanistik memenuhi keperluan asas yang dapat menjadikan manusia lebih optimis memandang kehidupan sendiri dan kehidupan orang lain. Selain daripada itu ia mengangkat penghargaan kepada diri sendiri yang merupakan motivasi bagi memenuhi setiap keperluan-keperluan tersebut.

Berdasarkan pada kajian psikologi humanistik oleh Abraham Maslow, keinginan Mardiah memenuhi keperluan tersebut merupakan keperluan dalam meletakkan potensi diri untuk mencapai aktualisasi diri. Maslow (1954: 11), menyatakan manusia perlu dilengkapi dengan kerangka keperluan tersebut bagi mencapai peningkatan diri. Hal ini yang menuntut pengkaji untuk menjalankan penyelidikan analisis dari aspek psikologi ke

atas watak Mardiah. Ini adalah kerana faktor intrinsik dan ekstrinsik mempengaruhi tingkah laku dan pemikiran watak.

Sehubungan dengan itu penyelidikan ini telah mengangkat mengenai aspek psikologi humanistik Maslow yang menuntut manusia memenuhi keperluan fisiologi iaitu keperluan yang paling bawah dalam teori hierarki yang diperkenalkan oleh Maslow beserta dengan keperluan lain. Ini adalah bagi memenuhi tuntutan dalam kehidupan untuk mencapai aktualisasi diri. Dalam kajian Minderope menurut Maslow (2011: 17-17), tingkah laku manusia ditentukan oleh kecenderungan individu untuk mencapai tujuan utama, ini kerana kehidupan manusia lebih bahagia dan sekaligus dapat mencapai aktualisasi diri. Perhubungan psikologi humanistik yang jelas dalam watak Mardiah dapat dilihat melalui pengucapan dialog, tindak balas serta tingkah lakunya. Ini kerana Mardiah sering melabelkan dirinya seorang yang kurang bernasib baik. Apabila perkara ini sering dibangkitkan dalam pengucapannya, jelas memperlihatkan Mardiah mencari motivasi dalam dirinya sendiri. Pencarian ini meletakkan Mardiah seorang yang optimis untuk mencapai tahap kesempurnaan dalam kehidupan. Di akhir penyelidikan ini pengkaji akan mengemukakan bagaimana watak Mardiah adalah sebuah watak yang mencapai aktualisasi diri sepertimana yang disarankan oleh Maslow.

Bahagian seterusnya memperlihatkan latar belakang kajian penyelidikan yang mana menyentuh topik mengenai sinopsis naskhah *Pokok* karya Johan Jaaffar dan latar belakang penulis iaitu Johan Jaaffar.

1.2 Latar belakang kajian

Pada bahagian ini pengkaji akan mengemukakan beberapa perkara utama dalam latar belakang kajian untuk diketahui secara khusus. Aspek-aspek penting ini menjelaskan mengenai sinopsis naskhah *Pokok* serta maklumat tentang naskhah ini dengan serba ringkas. Dalam pada itu pengkaji juga akan menyentuh latar belakang

penulis naskhah *Pokok* iaitu Johan Jaaffar untuk dijadikan sebagai rujukan dalam tujuan menganalisis dan menginterpretasi watak Mardiah.

1.2.1 Sinopsis naskhah *Pokok*

Naskhah drama *Pokok* karya Johan Jaaffar diterbitkan pada September 2017 dalam majalah Dewan Sastera terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Naskhah ini berjaya di pentaskan di Auditorium Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur pada 7 hingga 16 Disember 2018. Persembahan ini merupakan Teater Perdana yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) serta Balang Rimbun Sdn.Bhd. Persembahan teater *Pokok* karya Johan Jaaffar diarahkan oleh U-Wei Hj Saari, pengarah filem tersohor. Pelakon yang terlibat dalam persembahan ini adalah Haliza Misbun, Ebby Saiful, Rahim Jailani dan Buyung Zasdar.

Naskhah drama *Pokok* karya Johan Jaaffar mengisahkan pasangan suami isteri, Mardiah dan Darwis. Mereka berdua tinggal di pinggir hutan. Rumah mereka dipayungi sebatang pokok raksasa yang bukan sahaja melindungi mereka tetapi juga boleh mengancam keselamatan. Pokok juga menjadi simbol atau pelambangan kehidupan mereka yang dikelilingi manusia seperti Tuk Kaya iaitu tuan tanah tempat mereka tinggal. Lelaki ini juga menjadi pelindung mereka berdua dan menjadi punca kegelisahan Mardiah. Mardiah sering mendesak Darwis berpindah dari hutan tempat mereka tinggal bagi mengelak daripada Tuk Kaya.

Sejak Mardiah mengandung hinggalah saat dia sedang menunggu kelahiran anak pertamanya, Mardiah sering mengajak Darwis untuk keluar dari hutan tempat mereka tinggal. Mardiah bukan hanya memikirkan perihal mereka berdua sahaja tetapi untuk anak yang bakal dilahirkan. Mardiah tidak mahu mengulangi kesilapan ayahnya yang tidak mampu mengubah kehidupan mereka sehingga Mardiah terjebak dalam kancuh yang tidak bermoral. Keinginan Mardiah adalah untuk memberi kehidupan yang selesa

dan pendidikan yang baik untuk anaknya. Mardiah tidak mahu anaknya mewarisi kemiskinan Darwis dan menjadi bekas banduan sepertinya.

Mardiah juga memujuk kawan baik Darwis iaitu Amud agar mempengaruhi Tuk Kaya supaya menghalaunya dari hutan tersebut. Dalam masa yang sama, Mardiah tahu bahawa Amud adalah orang kepercayaan Tuk Kaya. Namun begitu Amud berada dalam keadaan yang serba salah kerana Tuk Kaya memerlukan khidmat Darwis bagi membantu Tuk Kaya yang ingin memajukan hutan tersebut sebagai tempat rekreasi serta membina rumah penginapan untuk pengunjung. Amud memberitahu Mardiah bahawa Darwis adalah orang yang akan menjaga tempat tersebut apabila dibangunkan secara komersial. Ini menjadikan Mardiah semakin gelisah. Mardiah tidak sanggup untuk berhadapan dengan Tuk Kaya. Bagi Mardiah dia tidak perlukan kemewahan untuk bahagia, baginya keselesaan dan ketenangan bersama Darwis menjadikan Mardiah seorang wanita yang sempurna. Keluhuran dan keikhlasan Darwis membuatkan hati Mardiah lembut dan mula mempercayai lelaki selepas keluar dari penjara. Walaupun tingkah laku Mardiah agak kasar dengan Darwis namun dia menyayangi Darwis yang menjadi salah satu penyebab serta dorongan untuk Mardiah berubah bagi mencapai kehidupan yang sempurna.

Pada malam sebelum Mardiah melahirkan anak, Mardiah masih lagi mengajak Darwis untuk keluar daripada hutan tersebut namun Darwis agak keberatan. Mardiah meluahkan segala isi hatinya pada Darwis agar berubah untuk mendapat penghidupan yang baru, setelah masyarakat sekitarnya memandang serong kepadanya hanya kerana Mardiah seorang bekas banduan. Itulah permintaan terakhir Mardiah terhadap Darwis namun permintaan itu tidak sempat ditunaikan kerana Mardiah meninggal dunia sewaktu melahirkan anak.

1.2.2 Latar belakang penulis

Tan Sri Johan Jaaffar bukan satu nama asing dalam dunia penulisan drama dan juga seni persembahan. Selain daripada itu juga beliau dikenali sebagai seorang tokoh

korporat. Beliau pernah menyandang jawatan tertinggi di Media Prima Berhad sebagai Pengerusi. Walaupun begitu, beliau lebih gemar dikenali sebagai Penulis dan Budayawan. Sepanjang karier beliau, beliau telah memenangi Hadiah Karya Sastera (Hadiah Sastera Perdana) dalam tiga kategori berbeza iaitu drama adaptasi, drama asli dan cerpen. Johan Jaaffar mempunyai pengalaman yang luar biasa sebagai seorang insan seni. Pengalaman sepanjang kehidupan beliau diterjemahkan dalam bentuk karya sastera. Beliau bukan sahaja menikmati pengalaman unik itu tetapi beliau juga berkarya dengan pengalaman beliau. Itu yang menjadikan karya-karya beliau sentiasa relevan dan hidup walaupun dibawa arus zaman.

Pengalaman lampau beliau diterjemahkan dalam naskhah *Pokok* bagi menghidupkan watak-watak yang kompleks. Seperti watak Mardiah dalam naskhah ini yang perlu mengharungi konflik serta permasalahan jiwa. Konflik jiwa yang sarat dengan himpitan perasaan itulah menuntut watak Mardiah bagi mencapai kepuasan diri. Johan Jaaffar mempunyai pengalaman yang nyata (*imitation of life*) dalam mencipta watak Mardiah. Pengalaman beliau dalam dunia kewartawanan amat luas. Sewaktu beliau sedang menyiapkan siri rencana "*Bila Malam Bertambah Malam*", menuntut beliau menyusuri lorong-lorong, rumah urut, rumah pelacuran serta Kelab Dangdut. Daripada banyak manusia yang beliau temui, terdapat seorang wanita bernama Ji yang menarik perhatian beliau.

Wanita bernama Ji bekerja sebagai *Bartender* di sebuah Pub Jalan Pahang. Beliau mendapat tahu bahawa Ji adalah seorang bekas banduan yang pernah terlibat dalam kes rompakan dan dadah. Beliau memandang Ji adalah seorang yang baik hati, prihatin dan suka menolong. Walaupun pada luarannya Ji kelihatan celupar dan kasar. Namun sikap itu tidak menghalang beliau untuk bergaul secara dekat. Namun perkenalan singkat itu hanya berlaku selama sebulan sahaja. Ini kerana selepas itu beliau tidak lagi mendengar kisah tentang Ji. Dengan demikian beliau terjemahkan watak Ji dalam cerpen beliau yang

bertajuk “*Potret Seorang Anu Sebagai Anu*” dan tersiar dalam Majalah Dewan Sastera pada tahun 1983. Beliau gemar menyajikan pembaca berdasarkan kisah pengalaman beliau sendiri dengan menyuntik elemen dramatik dalam penghasilan naskhah drama. Elemen-elemen inilah yang menjadikan karya beliau segar dan mempunyai nilai motivasi.

Sehubungan dengan itu, pelambangan pada judul naskhah meletakkan satu komposisi dalam diri beliau sebagai penulis. Judul *Pokok* mempunyai makna yang tersendiri kerana pokok adalah satu jelmaan memori beliau yang sangat kuat. Keindahan dalam naskhah ini adalah sebuah perjalanan beliau yang panjang. Oleh sebab itu, lahirnya naskhah ini bagi mencerminkan sebuah paparan kehidupan menerusi watak-watak yang kompleks dalam mengharungi permasalahan kehidupan. Selain daripada itu, naskhah *Pokok* adalah simbol mengenai sistem kekuasaan serta melihat kepada gelagat kapitalis dan juga satu impian ke arah perubahan yang lebih baik.

Johan Jaaffar sangat sinonim dengan sejarah panjangnya dalam menghasilkan karya berbentuk absurd. Beliau salah seorang pelopor teater absurd yang telah banyak menghasilkan karya-karya seperti, *Kotaku Oh Kotaku*, *Angin Kering*, *Sang Puteri*, *Dia* dan *Pemain*. Namun naskhah *Pokok* tampil dengan genre realisma. Perbezaan ini muncul selepas beliau menghasilkan naskhah *Asiah Samiah* yang telah memenangi Hadiah Sastera pada tahun 2003. Naskhah *Pokok* memberi sesuatu pengalaman yang luar biasa kerana naskhah ini berbentuk realisma. Namun penghasilan beliau tidak mengecewakan pembaca kerana terdapat banyak elemen keindahan terutama dalam penciptaan watak. Hal ini dibuktikan melalui bab empat (4) iaitu analisis dan dapatan kajian yang akan membincangkan mengenai watak dan perwatakan Mardiah.

Bahagian seterusnya akan mengemukakan mengenai permasalahan yang terdapat dalam kajian penyelidikan ini.

1.3 Permasalahan kajian

Melihat kepada perkembangan karya-karya seni di Malaysia, kajian mengenai psikologi watak hanya tertumpu kepada kajian yang menggunakan pendekatan teori psikoanalisis Sigmund Freud, teori keperibadian Alfred Adler serta teori Carl Jung. Sepertimana yang dilihat dalam tesis penyelidikan oleh Rosanita Hussin (2018), dalam kajian ilmiahnya, Rosanita menggunakan pendekatan psikoanalisis Sigmund Freud yang mengupas psikologi keperibadian terhadap kanak-kanak. Manakala Ooi Boon Keat (2003), menjelaskan keperibadian atau tingkah laku penagih dadah dengan menggunakan pendekatan teori psikologi individu yang dipelopori oleh Alfred Adler. Melalui kajian penyelidikan tersebut, tesis sarjana beliau membincangkan bahawa teori psikologi individu daripada Adler ini memberikan penjelasan yang mendalam terhadap tingkah laku setiap individu. Kebanyakan teori-teori tersebut menjadi pilihan para sarjana sebagai pendekatan dalam penyelidikan ilmiah mengenai psikologi watak. Teori-teori yang dinyatakan mempunyai pengaruh yang besar kepada para sarjana untuk meneroka ke alam batin dan dalaman manusia. Ini secara tidak langsung adalah untuk memahami unsur kemanusiaan dan sikap hidup yang merupakan suatu pendekatan yang merangsangkan. Keberkesanan yang dapat dilihat dalam penggunaan teori-teori tersebut adalah untuk memerhati ke dalaman watak dari segi kejiwaan, tingkah laku, aspek makna dan pemikiran watak.

Pendekatan ini dianggap dapat meneliti jiwa manusia secara mendalam dan terperinci. Sehubungan dengan itu, penemuan yang terdapat dalam teori-teori tersebut adalah membincangkan tema kemanusiaan yang berhubung dengan konflik batin manusia. Mana Sikana (1998: 145), menurutnya walaupun pendekatan ini diterima umum sebagai pendekatan yang memberangsangkan dalam menyorot aspek kejiwaan, tetapi terdapat juga golongan yang cuba menentanginya. Para penentang tersebut berpendapat bahawa pendekatan ini hanya sebagai alat atau kemahiran mendalami jiwa manusia

namun Mana Sikana menegaskan bahawa pendekatan ini masih relevan dan senantiasa diaplikasi dalam kajian watak dan perwatakan.

Sehubungan dengan itu, kebanyakan pelajar-pelajar seni persembahan drama di Malaysia sentiasa didedahkan dengan psikoanalisis Sigmund Freud dalam pengkajian watak dan perwatakan. Ini kerana setelah pengkaji meneliti beberapa gagasan yang terdapat dalam karya-karya beliau ianya hanya menumpukan kepada konflik batin manusia sahaja. Namun pengkaji percaya terdapat satu pendekatan lain yang lebih bermanfaat untuk diteroka. Pendekatan ini akan dapat membangun motivasi pelajar teater, penyelidik, penulis-penulis muda serta masyarakat dalam memahami psikologi watak dan perwatakan melalui pendekatan psikologi sastera berdasarkan teori psikologi humanistik Maslow. Hal ini kerana dalam psikologi humanistik mempunyai beberapa keperluan yang dapat menuju kepada aktualisasi diri atau kesempurnaan hidup. Di samping mengenal serta memahami watak dalam naskhah drama, mereka akan mendapat kemahiran untuk membina dorongan serta memperolehi motivasi yang tinggi dari segi rohani dan jasmani. Keperluan ini menjadi satu kepentingan kepada mereka yang terlibat dalam seni persembahan serta masyarakat dalam membina dorongan dan sekaligus memperolehi motivasi dalam kehidupan bagi mencapai tahap kesempurnaan.

Hal ini dapat dilihat melalui keperluan yang disediakan oleh Maslow (1954), bahawa setiap manusia yang dilahirkan mampu mengikut keperluan-keperluan yang akan membolehkan manusia itu untuk terus berkembang, membesar dan mencapai tahap aktualisasi diri. Oleh yang demikian hal ini akan membentuk pemikiran serta emosi dan tingkah laku Mardiah dalam meletakkan potensinya dalam posisi atau keadaan yang baik. Perkara ini juga didapati daripada kajian lepas yang menggunakan pendekatan humanistik sebagai alat bantu bagi mengkaji tahap keperluan seseorang untuk mencapai tahap aktualisasi diri. Pendekatan ini menarik minat pengkaji untuk melihat kepentingan aktualisasi diri secara mendalam terhadap watak Mardiah. Kepentingan aktualisasi diri

yang dimaksudkan adalah melihat aspek-aspek yang terkandung dalam watak Mardiah untuk tampil unggul atau lebih jelas melihat nilai kecemerlangan diri melalui rintangan serta cabaran dalam meletakkan kehidupan watak ditahap yang sempurna. Dalam pada itu juga keperluan ini dapat memperlihatkan nilai optimis serta kemampuan Mardiah memiliki motivasi yang tinggi, kesan daripada dorongan diri sendiri dan Darwis. Selain daripada itu juga keperluan humanistik akan melihat hak Mardiah dalam mengambil sesuatu tindakan bagi menentukan potensi dirinya.

Berdasarkan penjelasan di atas, kajian penyelidikan ini memperlihatkan psikologi sastera sebagai tunjang utama dalam meneliti psikologi watak Mardiah dalam naskhah *Pokok* karya Johan Jaaffar dengan berlandaskan teori psikologi humanistik Maslow. Perkaitan ini dijelaskan oleh Minderop (2010: 59), yang menyatakan dengan mempelajari psikologi sastera sebenarnya sama halnya dengan mempelajari manusia dari sisi dalamnya. Menurut Minderop lagi, meneliti psikologi sastera adalah satu perkara yang menarik kerana kita memahami sisi jiwa manusia dengan mendalam. Oleh itu pengkaji melihat psikologi sastera menjadi satu kepentingan kepada individu yang terlibat secara langsung dalam bidang sastera seperti drama, filem, puisi dan novel. Kepentingan ini adalah satu keinginan atau pengetahuan untuk memahami lebih jauh mengenai latar belakang kejiwaan watak serta sebab dan akibat yang menimpa watak. Dalam pernyataan Minderop (2010: 1), menyatakan bahawa keinginan inilah yang mendorong pakar psikologi dan sastera untuk menggali perkaitan antara karya sastera dan ilmu psikologi. Selain daripada itu pendekatan psikologi sastera akan dapat memberi maklum balas kepada pengkaji tentang masalah perwatakan yang dikembangkan.

Sehubungan dengan itu juga, memenuhi keperluan yang dituntut oleh watak Mardiah akan memberi kecenderungan bagi mencapai tujuan untuk menuju kesempurnaan. Hal ini dapat dilihat pada kecenderungan setiap diri manusia itu juga berbeza untuk mencapai kesempurnaan dalam kehidupan. Melalui keperluan yang

disediakan oleh Maslow, penyelidikan ini akan melihat manusia mempunyai kualiti serta potensi untuk berkembang ke arah mencapai tahap aktualisasi diri mengikut kemampuan setiap individu. Potensi untuk mengaktualisasikan diri terbentuk sejak lahir dengan bergantung kepada kekuatan individual dan sosial yang dapat memajukan atau menghalang aktualisasi diri.

Pengkaji melihat pendekatan humanistik yang telah dibuat daripada kajian lepas memperlihatkan satu fenomena yang dapat membangun jiwa dan mental manusia. Frank G. Goble (1987: 22), dijelaskan dalam kajian ilmiah Syamsu Yusuf, pemikiran Maslow ini disebut psikologi humanistik. Ini adalah kerana pendekatan humanistik memiliki minat yang eksklusif terhadap tingkah laku manusia. Khususnya yang berkait rapat dengan *free will* iaitu kemahuan yang bebas serta potensi untuk mengembangkan dirinya. Hal ini telah dibincangkan oleh Syamsu Yusuf bahawa hakikatnya manusia dalam konsep psikologi humanistik dipandang sebagai makhluk yang kreatif dengan nilai dan pilihan sendiri secara genetik dan kekuatannya.

Justeru itu, pengkaji ingin membuktikan bahawa keperluan ini akan memperlihatkan aktualisasi diri watak Mardiah. Selain itu keperluan aktualisasi diri ini, memperlihatkan secara wajar ciri-ciri yang terdapat dalam diri manusia, seperti berkemampuan untuk melihat diri sendiri, mempunyai perasaan yang sentiasa dihargai, kreatif, mempunyai sikap yang demokratik, mempunyai hubungan *interpersonal*, bersikap sopan santun serta pergaulan yang ramah. Pada dasarnya manusia yang sempurna tidak semestinya mencapai ciri-ciri aktualisasi diri sekaligus. Jika manusia itu mencapai kesemua ciri-ciri yang dikatakan oleh Maslow ia dikenali sebagai manusia yang unggul seperti Maryam dalam kisah Al-Quran. Keperluan aktualisasi diri berada diperingkat yang paling atas. Setiap manusia itu mempunyai hal yang berbeza dalam mengisi keperluan ini kerana ia merangkumi kebolehan menggunakan sepenuhnya

potensi yang dimiliki. Manusia yang berjaya mencapai peringkat aktualisasi diri akan memiliki keyakinan diri yang tinggi serta kepuasan dalam kehidupan.

Oleh yang demikian pengkaji memilih untuk menggunakan watak Mardiah dalam naskhah *Pokok* karya Johan Jaaffar sebagai bahan penyelidikan. Hal ini dilihat bahawa watak Mardiah mempunyai kekuatan jiwa serta emosi untuk menuju ke arah aktualisasi diri atau kesempurnaan. Kekuatan watak Mardiah dilihat sempurna apabila Mardiah terpaksa berhadapan dengan pelbagai ancaman, konflik jiwa kerana di pengaruhi oleh faktor budaya, faktor sosial, faktor peribadi serta faktor ekonomi demi memenuhi keperluan dasar bagi mencapai aktualisasi diri. Oleh sebab itu pengkaji memilih watak Mardiah sebagai bahan penyelidikan dalam kajian ini. Pengkaji percaya bahawa pada akhir penghidupannya, Mardiah berhasil mencapai aktualisasi diri yang sempurna. Pengkaji juga melihat hal yang terbesar dalam diri Mardiah adalah faktor dorongan serta motivasi yang meletakkan kesempurnaan dalam watak Mardiah. Dengan perspektif ini akan dapat diketahui lebih jauh apakah dorongan serta motivasi watak Mardiah dalam mengaktualisasikan dirinya.

Pengkaji memilih watak Mardiah dalam naskhah *Pokok* karya Johan Jaaffar kerana ia adalah sebuah naskhah yang menekankan aspek kemanusiaan serta motivasi. Pengkaji lebih cenderung menggunakan pendekatan humanistik kerana pengkaji ingin mengangkat sisi psikologi Mardiah dalam naskhah *Pokok*. Pengkaji juga melihat pendekatan psikologi humanistik penting dalam penyelidikan ini bagi memberi pemahaman yang jelas kepada pelakon, pelajar, penulis muda, penyelidik serta masyarakat. Pendekatan ini akan membentuk keperibadian seseorang agar mencapai aktualisasi diri dalam kehidupan. Maka dengan itu pengkaji akan menggunakan kerangka teori psikologi sastera berdasarkan pendekatan teori psikologi humanistik Maslow dengan kaedah kualitatif untuk menganalisis serta memberi interpretasi terhadap watak Mardiah dengan lebih jelas.

Bahagian seterusnya menjelaskan mengenai persoalan kajian serta objektif kajian dalam penyelidikan ini.

1.4 Persoalan kajian

- 1.4.1 Bagaimanakah watak Mardiah dipaparkan sebagai simbol wanita unggul yang memiliki potensi tertinggi?
- 1.4.2 Apakah proses yang berlaku dalam watak Mardiah untuk mencapai aktualisasi diri?

1.5 Objektif kajian

- 1.5.1 Menganalisis aspek emosi serta konflik watak Mardiah dalam memperlihatkan simbol keunggulan seorang wanita.
- 1.5.2 Menginterpretasikan pengalaman watak Mardiah sebagai sebuah watak yang sempurna sehingga akhirnya mencapai aktualisasi diri.

1.6 Skop dan batasan kajian / limitasi kajian

Secara khususnya penyelidikan ini akan menyentuh watak Mardiah dalam naskhah *Pokok* karya Johan Jaaffar. Pengkaji memilih watak Mardiah sahaja dalam penyelidikan ini kerana watak Mardiah memberi gambaran yang kuat dalam aspek memenuhi keperluan hierarki Maslow. Hal ini kerana pengkaji melihat motivasi yang tinggi dalam diri Mardiah untuk memenuhi aktualisasi diri. Sehubungan dengan itu motivasi Mardiah boleh dilihat dalam aspek kekurangan dan juga perkembangan watak. Dalam pada itu juga pengkaji melihat motivasi pada Mardiah adalah disebabkan dorongan untuk melakukan sesuatu tindakan bagi mencapai kepuasan serta aktualisasi diri.

Oleh yang demikian pengkaji hanya menumpukan penyelidikan ke atas watak Mardiah sahaja, kerana pencapaian Mardiah untuk menuju aktualisasi menimbulkan pelbagai konflik yang menarik minat pengkaji untuk meneroka dengan lebih mendalam. Ini kerana sebelum Mardiah mencapai aktualisasi diri, watak Mardiah perlu berhadapan dengan pelbagai tuntutan keperluan setiap peringkat. Selain daripada itu juga, terdapat nilai estetika dalam perkembangan watak Mardiah. Perkembangan inilah potensi yang dimiliki oleh Mardiah kerana nilai-nilai motivasi yang mendorongnya untuk bertindak dalam mencapai aktualisasi diri.

Limitasi kajian yang terdapat dalam penyelidikan ini adalah pengkaji menghadapi kesukaran mendapatkan sumber yang berkaitan dengan kajian ini. Di samping itu juga sumber yang ada amat terhad bilangannya. Kekurangan sumber dalam penyelidikan ini adalah disebabkan kerana masih belum ada kajian yang spesifik dijalankan ke atas naskhah *Pokok* Johan Jaaffar. Namun begitu terdapat beberapa artikel daripada laman sesawang Ku Seman serta laman sesawang Johan Jaaffar. Sumber-sumber yang diperolehi daripada internet ini sekurang-kurangnya dapat membantu pengkaji dalam memahami watak Mardiah dari pelbagai perspektif. Oleh kerana kekurangan hasil kajian yang dilakukan maka pengkaji menghadapi kekangan dalam kajian literatur. Namun begitu pengkaji telah membuat penyelidikan ke atas kajian literatur atau kajian lepas dengan menggunakan psikologi watak dengan aplikasi pendekatan psikologi humanistik Maslow dalam naskhah drama, filem serta kisah yang terdapat dalam Al-Quran yang mempunyai watak-watak yang unggul.

Di samping itu terdapat juga kekangan lain yang dihadapi pengkaji dalam menjalankan kajian ini adalah semasa proses pengumpulan data. Kekurangan untuk mendapatkan sumber utama daripada beberapa responden tidak dapat dilaksanakan. Namun begitu pengkaji hanya memperolehi data utama daripada pelakon Haliza Misbun yang memainkan peranan sebagai Mardiah. Walaubagaimana pun data yang diperolehi

daripada Haliza Misbun dapat membantu pengkaji menjalankan penyelidikan ke atas watak Mardiah.

Bahagian seterusnya akan melihat kepada kerangka teoritikal yang digunakan dalam kajian penyelidikan ini bagi melihat pencapaian Mardiah dalam proses menuju aktualisasi diri.

1.7 Kerangka teoritikal

Pemilihan kerangka teoritikal berdasarkan psikologi humanistik Maslow berlandaskan teori psikologi sastera. Hal ini adalah untuk menganalisis serta menginterpretasi aspek emosi, konflik watak Mardiah serta simbol keunggulan dan proses pengalaman Mardiah dalam mencapai aktualisasi diri dalam naskhah *Pokok* karya Johan Jaaffar. Pendekatan teori psikologi sastera dijadikan dasar untuk mengkaji psikologi watak Mardiah dengan mengaplikasikan teori psikologi humanistik Maslow untuk diangkat dalam kajian penyelidikan. Sepertimana yang digambarkan melalui naskhah bahawa watak Mardiah memperlihatkan peningkatan kepada perkembangan manusia.

Oleh yang demikian pendekatan psikologi dan sastera mempunyai hubungan yang saling terkait antara satu sama lain. Secara etimologi, psikologi diberi pemaknaan kajian jiwa atau kajian yang mempelajari jiwa dan rohani manusia. Hal ini yang dituntut oleh watak Mardiah dalam naskhah *Pokok*. Menurut Ratna (2008: 342), psikologi sastera adalah satu cabang untuk memahami aspek-aspek kejiwaan yang terkandung dalam sesebuah karya sastera, ini kerana sastera dan psikologi saling bergantung antara satu sama lain. Minderop (2010: 59), juga ada menyatakan bahawa mempelajari psikologi mempunyai persamaan dengan mempelajari manusia dari sisi dalamnya. Di sini pengkaji melihat persefahaman psikologi sastera akan memperlihatkan pencapaian aktualisasi diri pada pengakhiran kehidupan Mardiah.

Justeru itu kajian tentang karya sastera melalui pendekatan psikologi haruslah didahului dengan teori-teori sastera yang relevan dengan topik kajian yang dijalankan. Maksudnya di sini ialah kajian analisis teks sastera mencerminkan watak dan perwatakan yang mengalami masalah psikologi perlu diberi penumpuan yang jelas. Karya sastera bukan setakat mengkaji mengenai teks sahaja namun menjadi bahan penyelidikan yang melibatkan perwatakan watak rekaan, pengarang karya dan juga pembaca. Walaupun begitu dalam penyelidikan ini pengkaji akan menumpukan pemerhatian yang teliti terhadap psikologi watak Mardiah dalam naskhah *Pokok* karya Johan Jaaffar. Dengan demikian psikologi sastera adalah satu pendekatan yang menumpukan perhatian terhadap watak Mardiah dalam prosesnya mencapai aktualisasi diri. Sehubungan dengan itu pengkaji perlu menemukan gejala yang tersembunyi atau yang disembunyikan oleh penulis iaitu dengan memanfaatkan teori psikologi humanistik yang dianggap relevan dalam penyelidikan bersifat kemanusiaan.

Sehubungan dengan itu, pengkaji melihat watak Mardiah juga perlu dibincangkan melalui *Character Bone Structure* yang diasaskan oleh Lajos Egri. Hal ini kerana pendekatan melalui struktur watak yang dikemukakan oleh Lajos Egri akan memaparkan tiga bahagian penting iaitu fisiologi, sosiologi dan psikologi dalam watak Mardiah. Menurut Lajos Egri dalam buku tulisan beliau iaitu *The Art Of Dramatic Writting* (1923), telah menjelaskan bahawa hal utama yang perlu diambil kira dalam menganalisis watak dan perwatakan Mardiah iaitu fisiologi yang mengandungi elemen seperti *sex, age, height and weight, colour of hair, eyes and skin, posture, apperance, defects and heredity*. Manakala sosiologi pula ialah *class, occupatian, education, home life, religion, race and nationality, place in comunity and amusement and hobbies*. Dalam bahagian psikologi pula ialah *sex life and moral standards, personal premise and ambition, frustration and chief disappointments, temperament, attitude toward life, complexes, extrovert, introvert,*

ambivert, abilities and iq. Struktur ini akan membantu pengkaji melihat watak dan perwatakan Mardiah dengan lebih terperinci.

Seterusnya dalam bab ini akan dibincangkan kerangka teoritikal yang diaplikasi dalam kajian penyelidikan ini.

1.7.1 Psikologi humanistik Maslow

Pengkaji menggunakan teori keperluan psikologi humanistik dalam penyelidikan ini. Teori humanistik ini diasaskan oleh Abraham Maslow serta Carl Rogers. Namun begitu pengkaji memilih psikologi Abraham H. Maslow ini kerana kerja-kerja beliau dalam bidang psikologi keperluan hierarki mempunyai kesan mendalam terhadap pemahaman motivasi manusia. Menurut Rumini (1993), beberapa teori Maslow didasarkan bahawa manusia mempunyai dorongan positif untuk terus berkembang dan kekuatan-kekuatan yang menentang atau menghalang perkembangan. Ahli falsafah humanistik tidak percaya bahawa manusia didorong oleh kekuatan naluri (psikoanalisis) atau kecergasan. Manusia mempunyai kreativiti untuk mencapai kesedaran dan kebijaksanaan mereka. Teori humanistik menggalakkan perkembangan peribadi dan mengajar manusia bagaimana untuk memenuhi potensi dan tanggungjawab mencapai matlamat mereka.

1.7.2 Biografi Abraham Harold Maslow

Abraham Maslow adalah tokoh psikologi humanistik yang tersohor di Amerika Syarikat. Beliau dikenali sebagai tokoh yang muncul dengan teori mazhab ketiga selepas psikoanalisis dan behaviorisme. Abraham Harold Maslow di lahirkan di Mahanttan pada 1 April 1908. Kemudian beliau dibesarkan di Brooklyn, New York. Beliau adalah anak sulung dari tujuh adik beradik. Maslow membesar dalam persekitaran Yahudi ortodok. Sehubungan dengan itu ayah beliau iaitu Samuel Maslow sangat mengutamakan pendidikan untuk anak-anaknya. Perhatian yang khusus diberi kepada Maslow adalah

kerana pada awal kanak-kanak Maslow sudah memperlihatkan keintelektualanya. Walaupun Samuel jarang berada disamping Maslow namun hubungannya sangat rapat dengan anaknya. Berlainan pula hubungan Maslow dengan Rose Schilosky Maslow iaitu ibunya yang menjadikan Maslow kemurungan. Maslow tidak mempunyai hubungan yang baik dengan ibunya.

Meskipun Maslow tidak dibesarkan dengan nilai kasih sayang seorang ibu, beliau tetap menegakkan tinggi nilai-nilai kebaikan walaupun beliau tidak pernah merasainya daripada orang yang melahirkan beliau. Rose Schilosky Maslow adalah seorang wanita yang taat dalam beragama. Oleh sebab itulah ibunya sering menakut-nakutkan beliau tentang wujudnya hukuman dari Tuhan. Ketika masih kecil Maslow membuat keputusan untuk menguji ancaman atau perintah ibunya dengan sengaja melakukan hal-hal yang dilarang. Pada waktu itu tidak ada satu pun hukuman dari Tuhan yang menimpa beliau. Mulai dari pengalaman tersebut Maslow mula belajar dan dan tidak mempercayai agama. Namun begitu beliau mengangkat tinggi nilai-nilai yang dimiliki manusia iaitu kebaikan, kejujuran, kesederhanaan, keadilan dan nilai lainya yang dianggap sebagai potensi untuk mencapai aktualisasi diri.

Oleh kerana minat dan sifat intelektual yang dimiliki beliau, Maslow telah memperolehi B.A di University of Winconsin pada tahun 1930, manakala dalam MA pada tahun 1931 dan Ph.D pada tahun 1934. Sehubungan dengan itu beliau juga pernah menyandang jawatan sebagai Presiden kepada Persatuan Psikologi Amerika. Oleh kerana minat yang mendalam dalam kajian psikologi mengenai manusia, beliau banyak terlibat dengan ahli psikologi yang lain seperti Alfred Adler, Eric Fromm, Kurt Koffka serta ramai lagi. Kemunculan beliau dalam dunia psikologi pada tahun 1950 telah memberi pengaruh yang besar dalam konsep keperibadian semulajadi manusia. Dengan demikian lahirnya karya-karya yang bersifat motivasi serta mendorong dalam menentukan hala tuju kehidupan. Antara karya-karya beliau adalah *Motivation and Personality* (1954),

Toward Psychology Being (1968), *Religions, Value and Peak Experiences* (1964), *A Theory of Metamotivation: The Biological Rooting of The Value Life* (1967).

1.7.3 Teori keperluan hierarki Maslow

Menurut Maslow (1984: 88), berpendapat bahawa untuk menyelidiki kesihatan psikologi, kita harus mempelajari manusia yang sihat dalam hal kesihatan psikologi. Penegasan Maslow ini kerana setelah menyelidiki manusia yang mempunyai kesihatan psikologi maka akan tercapai kesimpulan bahawa orang yang memiliki kesihatan psikologi seharusnya memiliki keperluan untuk mencapai aktualisasi diri. Justeru itu teori Abraham Maslow mengenai motivasi memiliki konsep bahawa manusia di motivasikan oleh satu keperluan dasar yang bersifat sama, tidak berubah dan berasal dari sumber genetik dan naluri.

Secara khususnya Maslow berandaian bahawa manusia ialah makhluk yang mempunyai potensi yang unik, baik secara fitrah sehingga manusia mempunyai hak dalam merealisasikan diri sendiri agar tercapai aktualisasi diri. Menurut Maslow dalam kutipan General Press (2019: 20), manusia membuat kesimpulan bahawa semua manusia dilahirkan dengan keperluan-keperluan yang memiliki naluri. Namun begitu terdapat keperluan universal yang mendorong kita untuk membesar dan berkembang bagi mengaktualisasi diri. Jadinya, potensi untuk berkembang dan kesihatan psikologi wujud sejak lahir. Selain daripada itu Maslow juga menekankan bahawa meskipun manusia dipengaruhi oleh pengalaman masa kanak-kanak yang malang atau kurang baik, manusia akan dapat berubah, berkembang dan mencapai tahap kesihatan psikologi yang tinggi.

Sehubungan dengan itu pengkaji melihat watak Mardiah dalam naskhah *Pokok* dipengaruhi oleh pengalaman lampainya. Oleh disebabkan Mardiah hidup dalam kegelisahan sewaktu di penjara kerana Mardiah tidak memiliki keberanian untuk bersuara apabila ditindas atau dipergunakan oleh orang lain. Namun begitu keinginan Mardiah ingin dilihat berkuasa dan dihormati pernah menjadi matlamat hidupnya. Walaupun

keinginan itu tidak dipenuhi oleh Mardiah sepenuhnya kerana Mardiah memilih untuk menjadi pemerhati. Namun dorongan dan pengajaran yang Mardiah perolehi dalam penjara membantu Mardiah untuk mencapai motivasi agar menjadi lebih baik.

Dalam naskhah *Pokok* watak Mardiah menggambarkan satu perjuangan untuk menuju ke arah proses aktualisasi diri. Secara lahiriah semua manusia memiliki perjuangan atau kecenderungan yang dibawa sejak lahir untuk mengaktualisasikan diri atau memiliki kesempurnaan dalam penghidupan. Namun begitu Maslow juga pernah menyatakan bahawa tidak ada kehidupan yang sempurna namun memiliki motivasi dan dorongan yang tinggi boleh menjadikan manusia itu sentiasa optimis dalam setiap hal. Ini kerana sekecil kebaikan itu akan memberi satu penghidupan yang baik pada yang memerlukan. Itulah perkara yang ingin pengkaji teroka pada diri Mardiah dalam naskhah *Pokok* karya Johan Jaaffar.


Berdasarkan pembacaan pengkaji dalam buku terbitan Maslow *Motivation and Personality* (1984: 27), kemunculan teori humanistik ini bukan mempertikaikan teori yang sedia ada serta bukan membentuk satu teori psikologi tandingan. Usaha yang diasaskan oleh Maslow adalah memperluaskan konsep mengenai keperibadian manusia untuk mencapai peningkatan yang lebih tinggi. Ini kerana humanistik adalah sebagai orientasi teori yang menekankan kualiti manusia yang unik. Secara khususnya ia berkait dengan *free will* iaitu kemahuan yang bebas dan potensi untuk mengembangkan diri ke arah yang lebih baik. Dalam pada itu humanistik menurut Maslow juga memandang manusia adalah makhluk yang mempunyai hak serta peluang dalam membuat pilihan.

Justeru itu psikologi ini memberi penumpuan yang khusus untuk mengkaji kualiti-kualiti manusia iaitu sifat-sifat dan kemampuan yang dimiliki manusia. Pada dasarnya manusia mempunyai kemampuan yang sangat abstrak, daya imaginasi, kebebasan berkehendak serta bertanggungjawab. Sehingga manusia boleh dikatakan sebagai *self determining* yang mempunyai kemampuan sepenuhnya dalam menentukan

tujuan yang ingin dicapai dan melakukan perubahan mengikut motivasi dan dorongan yang diperolehi dari pengalaman serta persekitaran budaya. Ini kerana tujuan hidup manusia menurut psikologi adalah untuk mencapai makna dan kepuasan hidup yang abadi.

Oleh kerana naskhah drama *Pokok* karya Johan Jaaffar ini memiliki aspek kemanusiaan serta kejiwaan maka teori keperluan psikologi humanistik akan digunakan dalam penyelidikan ini. Dalam teori psikologi humanistik ini terkandung lima keperluan peningkatan yang diperlukan oleh manusia. Keperluan pertama adalah keperluan fisiologi, kedua keperluan keselamatan, ketiga keperluan kasih sayang, keempat keperluan penghargaan sendiri atau harga diri dan kelima keperluan kesempurnaan sendiri atau aktualisasi diri. Kelima-lima keperluan ini adalah sebuah motivasi untuk manusia dalam memperlihatkan potensi diri serta mencapai kepuasan dalam memenuhi tuntutan kehidupan. Pengkaji melihat keperluan paling bawah dalam hierarki ini adalah satu hal penting yang perlu dipenuhi bagi memperkembangkan potensi watak Mardiah. Hal ini kerana menurut Maslow jika keperluan paling bawah tidak dapat dicapai dengan baik maka akan berlaku pergolakan konflik dalam diri sendiri mahupun dengan persekitaran.

Sehubungan dengan itu juga tidak semua keperluan perlu dipenuhi pada masa yang sama. Hanya satu keperluan yang akan mendominasi personaliti manusia. Keperluan ini adalah bergantung kepada keperluan-keperluan lain yang telah dipenuhi. Menurut Maslow (1954), keutamaan keperluan ini boleh berubah-ubah mengikut situasi. Gambarajah di bawah menunjukkan aliran keperluan Maslow bagi menghasilkan peringkat keperluan manusia untuk mencapai potensi keperluan dalam watak Mardiah. Seterusnya berdasarkan lima keperluan tersebut, pengkaji menjelaskan lima prinsip keperluan hierarki yang disarankan oleh Maslow.



Rajah 1.1: Keperluan hierarki Maslow yang digunakan sebagai kaedah dalam melihat psikologi watak Mardiah. (Sumber Bob Poston)

I. Keperluan fisiologi

Sebuah keperluan yang paling asas atau bawah dari setiap keperluan manusia. Keperluan ini melingkupi keperluan tempat tinggal, seks, makan, minum, tidur, rehat yang mencukupi dan oksigen. Setiap manusia akan berusaha untuk memenuhi keperluan asas ini. Minderop (2010: 286), menurut Maslow, kegagalan memenuhi keperluan-keperluan asas akan menimbulkan pelbagai masalah dalam kehidupan.

2. Keperluan keselamatan

Pada pendapat Maslow, keperluan ini sangat penting pada peringkat kanak-kanak dan orang dewasa yang mengalami masalah kejiwaan. Kanak-kanak memerlukan rutin, kestabilan dan persekitaran yang aman. Manakala orang dewasa pula, keperluan ini dapat dipenuhi dengan adanya undang-undang dalam masyarakat. Ini dapat membantu memenuhi keperluan kedamaian, ketenangan dan bebas daripada perasaan gelisah yang boleh mengancam nyawa, fizikal dan emosi.

3. Keperluan kasih sayang

Minderop (2010: 321), menurut Maslow keperluan memenuhi keinginan seks juga adalah salah satu cara bagi menyatakan kasih sayang. Sekiranya keperluan

ini tidak dapat dipenuhi manusia akan rasa gelisah, kecewa dan tidak tenteram. Selain daripada itu keperluan ini menuntut sebuah perhubungan yang baik dikalangan keluarga dan sahabat-sahabat terdekat.

4. Keperluan penghargaan sendiri atau harga diri

Keperluan peringkat keempat adalah merupakan keperluan untuk mendapatkan pengiktirafan terhadap diri sendiri, penghormatan daripada orang lain, rasa dikenali dan mendapat kejayaan sosial. Keperluan harga diri dibahagikan kepada dua bahagian iaitu penghargaan terhadap diri sendiri dan penghargaan yang diberikan oleh orang lain. Jika keperluan ini dapat dipenuhi dengan sebaiknya, ia boleh menjadikan individu itu memiliki keyakinan untuk lebih berdaya.

5. Keperluan aktualisasi diri

Maslow (1971: 56), menyatakan bahawa permaknaan aktualisasi diri ialah satu perkembangan dan manfaat secara meluas, sama ada dari segi bakat, kualiti yang dimiliki serta potensi-potensi yang ada. Maka dengan itu Maslow menegaskan bahawa, individu yang dapat mencapai aktualisasi diri merupakan individu yang melalui proses perkembangan dengan sempurna. Maslow juga menjelaskan tidak ada manusia yang sempurna di dunia ini. Keperluan aktualisasi ini biasanya berlaku pada peringkat pertengahan umur serta enam puluh tahun atau lebih.

Abraham Maslow menganggap motivasi ini sebagai sesuatu yang kompleks, di mana tingkah laku yang diperlihatkan oleh manusia mempunyai keunikan yang tersendiri. Hal ini yang boleh didapati terhadap watak Mardiah dalam memenuhi keperluan asas untuk menentukan kesempurnaan dalam mencapai matlamat. Pembentukan psikologi watak Mardiah mempunyai perkaitan dengan teori humanistik. Menurut Maslow (1954), beliau percaya manusia mempunyai potensi untuk menguruskan kehidupan kerana Maslow yakin bahawa manusia itu dilahirkan dengan baik dan unik, sehingga manusia mempunyai hak dalam merealisasikan jati dirinya agar dapat mencapai aktualisasi diri.

Pergolakan jiwa Mardiah yang sentiasa mendesak Darwis untuk berpindah dari pinggir hutan dan mencari tempat tinggal yang selesa, adalah untuk mendapatkan hak ke atas anak yang bakal dilahirkan. Mardiah menuntut keperluan rasa aman ini kerana pokok yang menaungi rumah mereka hanya menunggu masa untuk tumbang. Mardiah merasa terancam dan tidak selamat. Selain daripada itu, pokok juga adalah satu pelambangan kepada kekuasaan yang menyebabkan jiwa Mardiah tidak tenteram. Emosi Mardiah terhimpit antara kehendak dan keinginan. Di mana kehendak itu adalah menjadi matlamat utama Mardiah, manakala keinginan Mardiah adalah memenuhi setiap keperluan peningkatan dalam hidup sehingga mencapai kesempurnaan.

Kajian Maslow mendapati semakin tinggi keperluan individu, semakin berkurangan pergantungan kepada persekitaran sosial. Ini kerana individu menggunakan pengalaman lampau bagi menentukan emosi serta tingkah lakunya. Sementara itu persekitaran sosial adalah faktor desakan dalam mencapai kemahuan ini. Disebabkan itu Maslow menamakan keperluan peringkat yang paling bawah adalah sebagai keperluan yang memenuhi kekurangan dan keperluan yang paling atas sebagai peringkat perkembangan.

Melalui penelitian dalam buku Maslow *Toward A Psychology of Being* (1962) memperlihatkan bahawa kepentingan sebuah hierarki dalam kehidupan manusia. Keperluan itu mempunyai beberapa karakteristik. Perkara ini dinyatakan bagi melihat persoalan serta objektif yang terkandung dalam watak Mardiah semasa proses mencapai aktualisasi diri. Hal berikut dinyatakan oleh Maslow seperti berikut:

1.7.4 Hierarki keperluan dasar manusia

- a. Motivasi adalah dorongan diri seseorang untuk melakukan suatu tingkah laku. Penyebab terdalam yang menggerakkan tingkah laku manusia itulah yang menjadi persoalan utama motivasi.

- b. Psikologi humanistik memandang motivasi utama manusia untuk bertingkah laku adalah untuk memenuhi keperluan bertingkat dan aktualisasi diri.
- c. Tujuan hidup manusia menurut psikologi adalah mencapai hidup yang penuh makna atau kepuasan abadi. Manusia dalam hidup sering tidak merasa puas dengan apa yang diperolehi kerana ia akan muncul keperluan lain yang didasari oleh nafsu. Di sebabkan itulah keperluan hierarki ini penting dalam kehidupan manusia.
- d. Keperluan tertinggi manusia iaitu aktualisasi diri inilah menjadi motivasi utama manusia bertingkah laku.
- e. Maslow menganggap manusia memiliki perjuangan atau kecenderungan sejak kecil untuk mencapai aktualisasi diri.

1.7.5 Sifat karakteristik dalam setiap keperluan

- a. Keperluan yang paling rendah dalam hierarki merupakan keperluan yang kuat serta mempunyai potensi dan juga keutamaan. Sementara yang lebih tinggi merupakan keperluan yang paling lemah,
- b. Keperluan yang paling tinggi muncul pada peringkat terakhir dalam kehidupan manusia. Keperluan fisiologi dan keselamatan akan muncul pada usia yang awal. Keperluan penghargaan sendiri pula muncul pada usia remaja. Sementara keperluan aktualisasi diri pada usia dewasa.
- c. Keperluan yang lebih tinggi kurang diperlukan dalam rangka mempertahankan hidup sehingga perkara yang memuaskan dapat diabaikan. Kegagalan dalam memuaskan keperluan ini tidak akan menimbulkan krisis dalam hidup manusia. Namun jika gagal dalam memenuhi keperluan paling bawah akan mengakibatkan keclaruan, kekalutan dan tidak akan merasa aman dalam diri manusia.

- d. Walaupun keperluan yang lebih tinggi kurang diperlukan dalam rangka *survival* namun keperluan itu memberikan sumbangan terhadap *survival* itu sendiri serta perkembangan. Keperluan yang didapati daripada keperluan yang lebih tinggi dapat meningkatkan kesihatan serta *growth of being needs*.
- e. Kepuasan dalam keperluan yang lebih tinggi amat bermanfaat dari segi fizikal dan psikologi. Situasi ini akan melahirkan rasa bahagia, aman dan bermakna.
- f. Kepuasan keperluan lebih tinggi memerlukan situasi eksternal yang lebih baik daripada kepuasan keperluan yang lebih rendah.

Pada penyelidikan ini, pengkaji menggunakan lima keperluan hierarki dalam psikologi humanistik yang diasaskan oleh Maslow. Tujuan pengkaji menggunakan pendekatan humanistik Maslow adalah kerana teori mengenai keperluan hierarki Maslow sangat relevan dalam menganalisis serta menginterpretasi psikologi yang dialami oleh watak Mardiah dalam naskhah *Pokok* karya Johan Jaaffar.

1.8 Kepentingan kajian

Penyelidikan ini akan dapat memberi manfaat kepada pelakon untuk turut memahami psikologi humanistik. Dalam pada itu mereka akan memahami kehendak naskhah untuk membawa aspek psikologi dalam sesuatu watak. Hal ini memberi satu kepentingan kepada pelakon dalam mencipta watak secara khusus. Sebagaimana yang dinyatakan oleh ahli sarjana bernama Newman (2015: 26), telah menjelaskan bahawa konsep memahami akan terbentuk dalam simbol ataupun perkataan, kerana ia dikatakan sebagai pemahaman yang terbentuk daripada pengalaman. Sebenarnya manusia terdedah dengan pelbagai cara yang wujud dalam kehidupan sosial tetapi mereka menghadapi

kesukaran untuk menjelaskan secara teratur. Dengan demikian, psikologi humanistik ini boleh dijadikan sumber rujukan untuk pelakon dalam mengkaji watak dan perwatakan.

Berdasarkan hasil penyelidikan ini juga akan membantu pelajar-pelajar seni persembahan drama untuk melihat sesuatu karya yang baik akan menghasilkan satu watak yang kuat. Ini kerana pelajar-pelajar akan mendapat pendedahan yang baharu dalam menganalisis watak dan perwatakan. Dengan demikian pelajar akan menjadi lebih kreatif dalam pembinaan watak berdasarkan pemahaman mereka mengenai psikologi humanistik. Keperluan ini akan memberi manfaat kepada pelajar-pelajar seni persembahan drama dalam mengeksplorasi sesuatu watak. Selain daripada itu, penyelidikan ini akan dapat memberi manfaat untuk membantu masyarakat. Hal ini kerana keperluan asas yang terdapat dalam hierarki Maslow penting bagi mencapai aktualisasi diri.

Sehubungan dengan itu juga penyelidikan ini dapat membantu penulis-penulis muda untuk melihat lima keperluan hierarki Maslow dalam membina karya yang bersifat motivasi serta humanistik. Dalam masa yang sama, penulis-penulis akan dapat membongkar jiwa manusia realiti kemudian diterjemahkan mengikut potensi watak ciptaan mereka dengan psikologi humanistik.

1.9 Rumusan

Bab ini telah menegaskan bahawa pendekatan psikologi humanistik yang digambarkan oleh Abraham Maslow adalah satu keperluan hierarki yang perlu dipenuhi oleh setiap manusia. Dapat dirumuskan di sini bahawa keperluan hierarki ini adalah bertujuan untuk manusia memiliki keperluan psikologi yang sihat. Sepertimana yang diperlukan Mardiah dalam mencapai keperluan aktualisasi diri. Namun begitu pendekatan psikologi humanistik Maslow ini juga akan melihat proses-proses Mardiah menuju ke arah aktualisasi diri pada pengakhiran hidupnya. Pada bab ini juga telah

dijelaskan pengetahuan asas mengenai keperluan-keperluan yang perlu dipenuhi oleh Mardiah. Selain daripada itu, pengkaji juga telah menjelaskan sinopsis naskhah *Pokok* bagi memberi pemahaman mengenai plot cerita dalam naskhah tersebut. Manakala latar belakang penulis iaitu Johan Jaaffar turut diberi perhatian dalam bahagian pengenalan. Seterusnya pada bab dua akan mengemukakan kajian-kajian lepas mengenai psikologi watak serta melihat kepentingan psikologi humanistik Maslow terhadap potensi dan juga kemampuan manusia dalam memenuhi setiap keperluan hierarki.

Universiti Malaya

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Dalam bahagian ini pengkaji mengemukakan soroton kajian-kajian lepas yang membincangkan topik-topik mengenai kajian psikologi humanistik watak dalam naskhah drama. Sehubungan dengan itu juga pengkaji membincangkan juga mengenai teori psikologi humanistik Maslow yang dijalankan oleh sarjana dengan menggunakan pendekatan atau kaedah yang berbeza. Bagi memastikan peletakkan dan penggunaan sumber rujukan dengan betul, maka ianya telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu kajian psikologi watak dalam naskhah drama, kajian teori psikologi humanistik Maslow dan kajian perbandingan dan perbincangan mengenai teori humanistik Maslow sebagai mazhab ketiga.

2.2 Kajian psikologi watak dalam naskhah drama

Sebuah kajian psikologi sastera yang ditulis oleh Wanti (2019), telah membincangkan mengenai *Analisis Keperibadian Dan Konflik Batin Watak Utama dalam Novel Critical Eleven Karya Ika Natasha*. Kajian ini telah menekankan aspek psikologi terhadap watak utama iaitu Ale dan Anya yang mempunyai konflik jiwa. Sehubungan dengan itu kaedah analisis deskriptif diaplikasikan dalam penyelidikan ini bagi menganalisis secara kritikal mengenai watak utama. Oleh yang demikian pendekatan teori struktural dan teori psikoanalisis Sigmund Freud dijadikan landasan teori bagi mengenalpasti psikologi watak Ale dan Anya.

Kajian ini juga meletakkan psikologi sastera sebagai pendekatan untuk mempelajari serta mengetahui hal-hal mengenai keperibadian watak. Dalam hal ini akan

mengungkap siapa watak dalam cerita, bagaimana watak yang digambarkan dalam cerita sehingga ia dapat memberi gambaran yang jelas kepada pembaca. Berdasarkan penelitian pengkaji, penyelidikan ini memberi penumpuan kepada psikologi sastera dalam menganalisis psikologi watak. Hal ini adalah kerana psikologi sastera mempunyai perkaitan yang rapat dengan gejala kejiwaan dan konflik dalaman. Oleh sebab itu pengkaji melihat kajian ini meletakkan kesesuaian teori psikoanalisis Sigmud Freud sejajar dengan pendekatan yang digunakan.

Sehubungan dengan itu hasil daripada kajian ini telah menemui konflik dalaman watak Ale dan Anya disebabkan berlakunya pertentangan antara keinginan dan rasional. Ini juga membuktikan bahawa seseorang yang mempunyai ego yang lemah maka ia akan terjebak dengan konflik jiwa. Daripada hasil penelitian pengkaji, penyelidikan ini mendapati aspek psikologi yang menonjol pada kejiwaan Anya adalah disebabkan Ego. Ini terjadi oleh rasa Ego Anya yang sangat besar dibandingkan dengan ego Ale yang menjadikan ketidaksefahaman sentiasa berpusat pada Anya. Selain daripada itu juga, konflik yang mempengaruhi Ale adalah berpunca daripada luar dirinya. Pengaruh luar yang menyebabkan kecelaruan dalam jiwa Ale adalah konflik dia bersama ayahnya. Hal ini berlaku apabila Ale telah menolak keinginan ayahnya dalam memilih cita-citanya. Kesimpulan yang boleh dirumuskan dalam penyelidikan ini ialah pendekatan psikologi sastera dengan menggunakan teori psikoanalisis dan struktural berhasil memperlihatkan nilai-nilai moral dan mesej yang dapat memberi inspirasi kepada pasangan yang sudah berkahwin untuk menyelesaikan masalah dalam rumahtangga.

Sebuah kajian mengenai *Konflik Kejiwaan Dalam Novel Interlok Karya Abdullah Hussain (1996)*, di bincangkan dalam *International Journal of the Malay World Civilisation (2015)* oleh Nur Farakhanna. Penyelidikan ini memberi penumpuan kepada aspek psikologi kerana ia berkait rapat dengan watak yang sering mengalami konflik jiwa dan cabaran dalam hidup. Oleh yang demikian kajian ini telah membahaskan konflik

watak Maniam dengan menggunakan kaedah perpustakaan dengan melihat kepada sumber-sumber yang berbentuk tulisan seperti, teks, jurnal ilmiah dan novel Interlok (1996). Manakala pendekatan yang diaplikasikan dalam penyelidikan ini mempunyai tiga pendekatan teori iaitu, teori psikoanalisis Sigmund Freud, teori psikologi humanistik Maslow dan teori psikologi Islam. Ketiga-tiga pendekatan ini dilihat memainkan peranan penting dalam melihat watak Maniam sebagai pencetus serta kegagalan mengawal konflik yang mengakibatkan Maniam berada dalam tekanan konflik yang dihadapi. Sehubungan dengan itu penganalisaan ini bertujuan bagi melihat ketiga-tiga unsur pendekatan yang menyumbang kepada watak Maniam dalam novel Interlok.

Dalam kajian ini juga turut menjelaskan mengenai motivasi dan tingkah laku yang berlaku secara tidak langsung bermula dari kegagalan mengawal ego Maniam dan dorongan id yang mendesak. Hal ini berlaku di bawah kesedaran atau *unconscious* menyebabkan ego Maniam bertindak mengikut hati yang amarah. Ini memperlihatkan super ego yang terdapat dalam jiwa Maniam tidak kukuh. Melihat dari sudut psikologi Islam, kegagalan Maniam melawan nafsu atau ego menyebabkan Maniam dihalau dari kawasan tempat tinggalnya. Pengkaji melihat perkaitan antara ego dan nafsu berada ditahap sedar supaya Maniam dapat membendung rasa marah yang menjadikan punca konflik berlaku dalam dirinya.

Perasaan marah ini timbul kerana Maniam tidak berjaya mengawal rasa cemas atau *anxiety* yang menyelubungi jiwanya. Keadaan ini menjadi semakin terdesak apabila Maniam berniat untuk mencederakan Supiah kerana menyebarkan mengenai perkahwinan pertamanya. Maniam takut dengan tanggapan masyarakat terhadap dirinya. Di sini pengkaji melihat kekuatan daya akal Maniam di kawal oleh nafsu. Perspektif Islam sendiri menyarankan agar menggunakan akal sebelum bertindak iaitu berfikir dengan sebaik-baiknya. Namun begitu apabila Maniam keluar dari kawasan tempat tinggalnya, Nur Farahkhanna memperlihatkan hierarki Maslow bagi menjelaskan keperluan untuk

Maniam mencapai tahap kesempurnaan. Atas dorongan serta motivasi untuk berubah, Maniam berusaha bersungguh-sungguh melawan tentangan konflik dalam jiwanya. Maniam berjaya menghadapi konflik yang berlaku dalam jiwanya sebelum ini dengan menerapkan nilai-nilai murni dalam proses mengubah tingkah laku serta pemikiran.

Justeru itu dapat dilihat keberkesanan ketiga-tiga pendekatan iaitu pendekatan psikoanalisis, pendekatan humanistik Maslow serta pendekatan psikologi Islam masih relevan digunakan untuk mengkaji sejauhmana konflik jiwa yang berlaku pada watak Maniam. Secara khususnya ketiga-tiga pendekatan ini mampu mewujudkan nilai-nilai yang dapat memberi pengajaran kepada pembaca. Hal ini kerana pendekatan-pendekatan ini dapat merealisasikan watak Maniam dalam melihat potensi, kelemahan, kecenderungan dan juga memperlihatkan Maniam berupaya mengatasi masalah yang dihadapi.

Kajian oleh Muhammad Imam Turmudzi (2014), dalam jurnal sastera Indonesia membincangkan mengenai *Watak Dan Perwatakan Tokoh Jumena Martawangsa Dalam Naskhah Drama Sumur Tanpa Dasar Karya Ariffin C.Noer*. Kajian ini telah bertujuan untuk menggambarkan watak Jumena adalah watak yang sering mencetus konflik, faktor yang mempengaruhi keperibadian Jumena dan fungsi Jumena sebagai watak yang menjadi pencetus masalah. Kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini bersifat kualitatif deskriptif. Penyelidikan ini juga telah memberi penumpuan terhadap konflik Jumena dengan adiknya, isteri dan orang-orang sekeliling.

Hal ini terjadi akibat pengalaman lampau Jumena yang dibesarkan sebagai anak gelandangan. Sejak kematian ibu bapanya, Jumena dibesarkan oleh seorang pengemis tua dan tidak mendapat kebahagiaan sejak kecil kerana kesan daripada kesusahan hidup di jalanan menjadikan sikapnya seorang yang keras hati serta rajin berkerja untuk mengubah nasibnya.

Dengan demikian, Jumena tidak dapat menikmati zaman kanak-kanak seperti orang lain. Kesunyian Jumena dipenuhi dengan mencari duit bagi keperluan hidup. Ini adalah antara faktor-faktor yang mempengaruhi watak Jumena sebagai pencetus konflik terhadap watak-watak lain dalam naskhah. Pengkaji melihat antara faktor yang mempengaruhi Jumena dalam tingkah lakunya mempunyai dua perkara iaitu faktor peribadi dan faktor situasi. Pertama ialah faktor peribadi yang melibatkan faktor biologi dan faktor sosiologi. Kedua adalah faktor situasi yang meliputi faktor suasana tingkah laku dan faktor budaya.

Faktor-faktor di atas adalah hal yang paling besar membentuk psikologi Jumena. Pertama adalah merupakan faktor peribadi, semasa kecil Jumena perlu mencari sendiri keperluan makan, minum, duit serta tempat tinggal. Oleh kerana itu apabila dewasa Jumena lebih bersifat kedekut untuk berbelanja dan Jumena lebih gemar menabung. Jumena juga takut jikalau isterinya mengambil semua harta yang dikumpulkannya dengan titik peluhnya sendiri. Perasaan ini sentiasa berlegar difikiran Jumena akibat kesan hidup dalam kesusahan dan juga berhadapan dengan persaingan untuk mendapatkan duit serta pekerjaan, mengakibatkan Jumena kurang bersosial dengan masyarakat sekeliling.

Faktor kedua adalah faktor suasana perilaku yang memberi kesan besar dalam pembentukan sifatnya. Pembesaran Jumena yang hidup bersama gelandangan memberi impak yang tidak sihat kepada dirinya. Pergaulan dengan orang-orang yang kasar dan kotor telah meletakkan Jumena menjadi seorang yang pendiam serta sentiasa memandangi keburukan orang lain. Hal ini terkesan pada Jumena sehingga dewasa. Walaupun Jumena telah berkahwin lebih dari empat kali namun tingkah lakunya tetap sama. Sikap acuhnya terhadap orang lain menyebabkan Jumena tidak disenangi oleh masyarakat setempat. Sehubungan dengan itu juga, Jumena seorang yang keras kepala dan suka mengawal hal peribadi orang lain dalam segala urusan.

Maka dengan itu, secara keseluruhan penyelidikan ini telah berhasil memperlihatkan watak Jumena yang sering menjadi pencetus kepada konflik dan masalah kepada orang sekeliling adalah berpunca daripada situasi pembesarannya. Berdasarkan kepada jenis-jenis tingkah laku atau keperibadian melalui teori Jalaludin Rakhmad memperlihatkan watak Jumena adalah seorang yang mudah putus asa. Hal ini jelas digambarkan dalam penyelidikan ini kerana ciri-ciri orang yang mudah putus asa adalah, berfikiran negatif, pemaarah, mencari kesalahan orang lain, sentiasa meremehkan orang lain serta takut untuk berhadapan dengan kenyataan hidup.

Noorbaksh Hooti (2011), dalam jurnal kajian penyelidikan dan bahasa di Fakulti Kesenian Iran, menjelaskan mengenai *Quest For Identity In Tennessee Williams "The Streetcar Named Desire"*. Kajian ini membincangkan gabungan aspek psikologi dan sosial dalam pencarian diri watak Blanche melalui karya Williams. Faktor yang mempengaruhi watak Blanche dalam mencari dirinya yang hilang ialah faktor psikologi dan faktor sosial. Hal ini yang menjadikan isu seperti rasa bersalah, tingkah laku seksual dan perkembangan budaya. Oleh yang demikian, Blanche mula mempunyai konflik dengan dirinya sendiri dan juga watak-watak lain seperti Stella, Stanley dan Mitch. Blanche berkhayal antara ilusi dan realiti. Konflik itu digambarkan oleh Tennessee Williams akibat refleks daripada kehidupan sosial di Amerika yang sentiasa berpegang kepada slogan *epigramatic*.

Sifat perwatakan Blanche boleh dikategorikan sebagai *anakronisme*. Hal ini kerana Blanche seorang yang tidak mampu untuk melupakan masa lampaunya yang tragis serta tidak mahu berubah seiring dengan waktu. Ini yang menyebabkan Blanche sentiasa berada dalam dunia kegemilangannya. Faktor ini meletakkan sifat Blanche yang ketagih alkohol serta aktiviti seks bebas bagi menghilangkan kesedihan dalam dirinya. Rasa bersalah atas kematian suaminya akibat bunuh diri juga menjadi faktor perubahan tingkah laku Blanche. Blanche sentiasa membuat perbandingan kedudukannya dengan orang lain.

Penilaian inilah yang mengakibatkan Blanche mengalami tekanan perasaan. Hal ini terjadi kerana Blanche banyak kehilangan sesuatu yang bernilai dalam dirinya seperti rumah ayahnya di Bell Reve yang menjadi kebanggaannya selama ini.

Dalam Kajian ini juga menjelaskan sikap Blanche yang berubah menjadi *nymphomaniac*. Tingkah laku seksual ini terjadi kerana Blanche ingin melepaskan rasa bersalah terhadap dirinya sendiri. Namun tanpa Blanche sedari, tingkah laku itu yang telah merosakkan sifatnya sebagai wanita. Selain daripada itu juga keperluan seksual yang melampau mampu melawan rasa takut dalam diri Blanche. Blanche menghukum dirinya sendiri disebabkan oleh pengkhianatan yang dilakukan suaminya. Blanche gemar mencari pasangan seksual yang lebih muda sebagai simbol keinginan untuk mencari dirinya yang hilang. Pencarian identiti Blanche adalah *anakronisme* iaitu merujuk kepada kehilangan masa lalunya. Perbincangan ini memperlihatkan *The Streetcar Named Desire* sebuah krisis identiti watak Blanche melalui beberapa perspektif. Faktor sosial dan psikologi mempengaruhi perwatakan Blanche seperti yang dinyatakan.

Secara umumnya kajian penyelidikan ini tidak membincangkan pencarian identiti watak Blanche dalam konteks falsafah. Hal ini kerana kajian oleh Noorbaksh Hooti telah menyelidiki pencarian identiti melalui konteks materialistik tentang kedudukan sosial manusia. Maka dengan itu analisis identiti mengenai Blanche bergantung pada situasi kehidupan watak. Oleh yang demikian perbincangan falsafah telah dikurangkan dan lebih menumpukan pada pelbagai situasi dari kehidupan seharian yang memainkan peranan penting dalam proses Blanche merealisasikan diri.

Penulisan kajian ilmiah Azhari Fauzan, Ade Surya, Muthia dan Ranita (2014), membincangkan mengenai *Konflik Batin Tokoh Lev Glebovich Ganin Dalam Novel "Mashen'ka Karya Valdmir Nabokov*, bertujuan untuk mengemukakan maklumat mengenai manusia yang bersifat sangat kompleks dalam menghadapi permasalahan kehidupan. Sehubungan dengan itu, metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah

bersifat penyelidikan kualitatif analitik. Justeru itu prosedur penyelidikan berdasarkan kepada data-data yang berbentuk tulisan. Oleh itu kajian ini menumpukan kepada keinginan watak yang saling bertentangan untuk menguasai diri sehingga mempengaruhi tingkah laku dan pemikiran Ganin. Gambaran mengenai watak Ganin dalam novel ini ialah seorang bekas tentera Rusia yang pernah berperang di Krimea Utara. Perwatakan Ganin diperlihatkan seorang lelaki yang tenang, sabar dan pendiam. Ini kerana Ganin sentiasa mengingati masa lalunya semasa berkhidmat sebagai tentera.

Henry Clay Smith dalam Azhari Fauzan (1963), telah menyatakan bahawa konflik memiliki tiga pola dasar. Pertama ialah *approach conflict* membawa maksud berusaha untuk mencapai tujuan diantara dua keperluan yang mempunyai nilai yang sama. Kedua adalah *avoidance conflict* iaitu perlu membuat pilihan salah satu antara dua yang mempunyai sifat negatif atau tidak menyenangkan. Namun harus memilih salah satu diantaranya. Ketiga pula ialah *approach avoidance conflict* iaitu terdapat dua pilihan yang sama menarik perhatian namun perlu membuat keputusan untuk memilih pilihan tersebut. Hal ini yang terjadi dalam pembentukan peribadi watak Ganin. Ini kerana manusia pada umumnya memiliki keinginan dalam diri sendiri yang tidak terungkap. Keinginan itu seringkali tidak sesuai dengan kenyataan namun demikian keinginan itu juga seringkali mendorong manusia melakukan sesuatu yang bertentangan dengan keyakinan diri.

Justeru itu kajian ini melihat psikologi watak Ganin melalui teori psikoanalisis Sigmund Freud yang membahaskan keperibadian atau tingkah laku serta pemikiran Ganin. Sehubungan dengan itu watak Ganin telah memperlihatkan ketidakseimbangan salah satu aspek keperibadian atau konflik jiwa. Faktor konflik jiwa ini yang dialami Ganin mempunyai dua perkara yang mempengaruhinya iaitu konflik akibat kebencian dan konflik akibat hasrat cinta. Kebencian yang menyebabkan tingkah laku Ganin adalah kerana naluri *id* telah mendominasi *ego* dan *super ego*. Selain daripada itu juga kebencian

ini hasil daripada emosi cemburu yang mengganggu kesedaran Ganin. Seterusnya ia boleh menimbulkan konflik batin Ganin dan ini menimbulkan kekalutan serta kekacauan dalam hidupnya.

Dalam pada itu juga, kajian ini melihat watak Ganin merupakan seorang lelaki yang pengecut kerana tidak mampu untuk membuat keputusan dengan cepat dan tepat. Situasi ini menyebabkan Ganin sentiasa cemas dan gelisah. Ini terjadi akibat daripada pekerjaan masa lalunya iaitu berkhidmat dalam tentera. Kesan daripada latihan dan peperangan menyebabkan Ganin seorang yang teliti dalam membuat keputusan. Oleh sebab itulah, pengkaji melihat watak Ganin berada dalam kelompok watak bulat kerana watak ini sentiasa mengalami perubahan dalam setiap plot cerita. Selain daripada itu watak Ganin sentiasa memberi kejutan yang tidak diduga oleh pembaca.

Penulisan jurnal yang ditulis oleh Mashlahatul Wahidah (2016), telah membincangkan mengenai *Konflik Batin* serta cara mengatasinya. Kajian ini menekankan konflik batin terhadap watak utama iaitu Huang Qiuxia disebut sebagai objek dalam masalah psikologi. Berdasarkan pada penelitian pengkaji, Mashlahatul telah menggunakan pendekatan psikologi Kurt Lewin yang memberikan perhatian khusus terhadap aspek kejiwaan watak Huang Qiuxia dalam mengenalpasti konflik kejiwaan yang dihadapi oleh watak. Selain daripada itu cara mengatasi konflik, penulis mengambil gaya saranan yang telah dikemukakan oleh Johnson. Metodologi yang digunakan oleh penulis adalah kaedah kualitatif serta pendekatan kajian bersifat analisis deskriptif dengan menggambarkan pengalaman watak dalam menyelesaikan konflik yang dialaminya.

Berdasarkan penelitian pengkaji, konflik dalaman yang terjadi dalam diri watak utama disebabkan oleh dirinya sendiri. Maka dengan itu timbul konflik daripada rangsangan luaran akibat daripada pertentangan dan keinginan dalaman watak untuk menguasai diri sendiri. Hal inilah yang mempengaruhi tingkah laku, tindakan serta

pemikiran watak tersebut. Sehubungan dengan itu Mashlahatul telah mengklasifikasikan konflik kepada beberapa bahagian dan cara mengatasinya melalui pendekatan teori Lewin, gaya Johnson dan juga kaedah psikologi sastera. Psikologi sastera ini menjadi satu komponen penting dalam penyelidikan karya sastera. Hal ini adalah kerana karya sastera senantiasanya mempunyai perkaitan rapat dengan kajian psikologi. Menurut Minderop (2013: 54), menyatakan bahawa psikologi sastera merupakan penyelidikan karya sastera yang diyakini mampu menggambarkan proses serta aktiviti yang melibatkan psikologi watak dalam karya sastera. Oleh yang demikian pengkaji melihat penyelidikan ini telah mengungkapkan dua daripada tiga konflik yang disediakan oleh Kurt Lewin. Pemilihan ini berdasarkan kepada jenis konflik yang dialami oleh Huang Qiuxia mengikut kesesuaian watak. Selain daripada itu beliau juga mengaplikasikan kelima-lima gaya yang telah disarankan oleh Johnson bagi mengatasi konflik jiwa yang dialami oleh Huang Qiuxia.

Melalui penulisan jurnal *Humanika* yang ditulis oleh Nur Hikma (2015), telah membincangkan *Aspek Psikologi Tokoh Utama Dalam Novel Sepatu Dahlan Karya Krishna Pabichara: Kajian Psikologi Humanistik Abraham Maslow*. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengemukakan aspek psikologi Dahlan berdasarkan kepada pendekatan psikologi humanistik Maslow. Kaedah yang dijalankan dalam penyelidikan ini merupakan kaedah kualitatif dengan pendekatan analisis deskriptif. Psikologi Dahlan telah dilihat melalui lima prinsip keperluan hierarki Maslow iaitu keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan harga diri dan aktualisasi diri.

Dalam pembacaan pengkaji, peringkat keperluan fisiologi Dahlan berhasil dipenuhi dengan sewajarnya mengikut kemampuan watak. Penghasilan ini dipenuhi atas berkat usaha kakak Dahlan yang sentiasa menyediakan keperluan paling asas agar Dahlan memperolehi ketenangan dalam pembelajaran. Dengan demikian, pemenuhan keperluan fisiologi ini telah mendorong Dahlan untuk terus berusaha dan fokus untuk memenuhi

keperluan yang lain mengikut kemampuan dan potensinya. Manakala tuntutan yang seterusnya menjadi satu tekanan pada Dahlan kerana perasaan takut dan cemas mengancam dirinya akibat ditangkap mencuri tebu. Pengalaman ini menjadikan satu keperluan yang ingin dituntut oleh Dahlan supaya dia dapat merasa selamat daripada tekanan perasaan kesan daripada trauma yang dialaminya. Sebagai manusia yang normal, Dahlan juga mempunyai perasaan ingin disayangi selain daripada keluarganya sendiri. Hal ini mendapati keperluan Dahlan dipenuhi apabila Aisah mengirimitkan surat cinta kepadanya. Justeru itu Dahlan dapat memiliki keperluan kasih sayang daripada Aisah dan ini menjadi dorongan untuk Dahlan terus bekerja keras bagi mendapat kehidupan yang lebih baik.

Dalam kehidupan Dahlan bagi memenuhi keperluan harga diri, dia perlu mendapatkan sepatu baru untuk meningkatkan keyakinan pada dirinya. Hal ini kerana untuk memperolehi penghargaan diri sendiri dan penghargaan daripada orang lain. Maka dengan itu apabila dorongan ini muncul dalam diri Dahlan menyebabkan dia bertekad untuk mencapai aktualisasi diri dalam hidupnya. Atas usaha mempamerkan potensi pada setiap keperluan, menjadikan watak Dahlan berhasil menuju aktualisasi diri dengan mengembangkan segala bakat dan kemampuannya dengan memperolehi ijazah sarjana. Hal ini telah meletakkan watak Dahlan pada posisi yang sempurna hasil daripada motivasi dan dorongan pada setiap keperluan Maslow.

Rumusan penyelidikan ini membuktikan bahawa psikologi humanistik dapat menjadikan manusia itu seorang berwawasan, tidak mudah menyerah kalah, menghargai diri sendiri dan orang lain serta mampu menyelesaikan masalah keperluan yang dialaminya. Berdasarkan pada kajian-kajian lepas, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa bagaimana faktor-faktor luaran serta dalaman mempengaruhi psikologi pada setiap watak yang dikemukakan dalam naskhah drama. Sepertimana yang dikemukakan di atas bahawa faktor-faktor tersebut mendorong terbentuknya konflik, emosi yang tidak stabil atau

kecelaruan emosi, pengaruh budaya serta tekanan hidup. Hal ini menyebabkan watak-watak tersebut dapat digambarkan melalui teori-teori yang bersesuaian dengan kehendak watak.

2.3 Kajian teori psikologi humanistik Abraham Maslow

J.Zalenski dan Raspa (2006), dalam jurnal Perubatan yang bertajuk "*Maslow's hierarchy of needs: A framework for achieving human potential in hospice*". J.Zalenski dan Raspa menyatakan dalam kajian jurnal beliau bahawa teori psikologi humanistik Maslow adalah sebuah teori motivasi dan hierarki. Teori ini sering diterapkan dalam sains perniagaan dan juga sains sosial. Namun jarang dibahaskan dalam penjagaan paliatif. Penjagaan paliatif yang dimaksudkan adalah penjagaan holistik yang merangkumi rawatan mental, fizikal, sosial dan psikologi bagi pesakit kronik. Kajian ini membincangkan kesesuaian dan implikasi lima keperluan hierarki dalam penjagaan paliatif.

Sehubungan dengan itu, pengkaji melihat kajian ini menekankan teori motivasi dan hierarki Maslow bagi mencapai potensi mereka. Pendekatan yang digunakan ke atas penjagaan paliatif bukan sahaja melegakan jiwa serta fikiran mereka. Tetapi dapat memberi peluang yang jelas untuk memenuhi keperluan psikologi, sosial dan rohani mereka. Selain mengelak daripada penyakit yang mereka alami, mereka juga akan mencapai kepuasan pada pengakhiran hidupnya.

Kajian penyelidikan ini menjelaskan bahawa teori psikologi humanistik Maslow merangkumi kajian mengenai keperluan dan tujuan utama manusia yang sesuai dengan pelbagai peringkat manusia. Secara umumnya asas kepada teori motivasi Maslow bahawa keperluan manusia adalah satu hierarki. Hal ini kerana apabila keperluan tidak dapat dipenuhi ia akan menguasai tindakan dan pemikiran seseorang. Apabila ini terjadi maka ia menimbulkan ketidakpuasan yang berpanjangan. Sedangkan seorang pesakit kronik

perlu melalui fasa ketenangan untuk mencapai kepuasan. Oleh sebab itu, dalam kajian ini meletakkan model Maslow sebagai pendekatan agar dapat melihat lebih banyak peluang untuk transendensi. Selain itu juga keperluan ini memperlihatkan rasa kagum mengenai hubungan mereka dengan tuhan, alam semesta serta orang lain.

Oleh yang demikian kajian ini memperlihatkan teori motivasi dan hierarki Maslow sangat sesuai untuk memenuhi keperluan dan mencapai potensi manusia. Melalui pernyataan di atas jelas melihat kepentingan asas itu akan memberi semangat dan motivasi kepada pesakit. Selain daripada itu juga, keperluan ini dapat melenyapkan rasa ketakutan yang melampau. Perasaan takut akan mendominasi tubuh badan mereka sehingga tiada dorongan untuk mencapai motivasi. Namun demikian dengan pendekatan hierarki Maslow ia dapat berfungsi sebagai kerangka teori untuk merangsang intervensi. Dalam pada itu teori ini dapat membantu untuk mengembangkan potensi dalam penjagaan paliatif.

Kajian ini telah menghasilkan model Maslow agar dapat digunakan serta diuji bagi memenuhi keperluan mereka mencapai aktualisasi diri dan juga transendensi. Sehubungan dengan itu, dalam kajian penyelidikan ini menyatakan bahawa jika ketakutan tersebut tidak dapat ditangani dengan baik, maka kemajuan tidak mampu dicapai. Implikasi daripada teori motivasi dan hierarki Maslow mampu melepaskan simptom takut, ekspresi cinta dan harga diri. Ini dapat memberi inspirasi kepada pesakit untuk mencapai aktualisasi diri dan transendensi dalam kehidupan.

Syamsu Yusuf (2003), menerusi kajian penyelidikan ilmiah, beliau telah membincangkan *Psikologi Humanistik Dan Penerapannya Dalam Al- Quran*. Kajian ini telah menggunakan psikologi humanistik Maslow sebagai alat untuk memahami psikologi Maryam yang terdapat dalam Al-Quran. Secara umumnya, dalam pandangan islam manusia dilahirkan dalam keadaan suci atau fitrah. Fitrah yang dimaksudkan adalah suci dari segala dosa dan juga memiliki potensi iaitu ketaatan pada Allah serta

mempunyai kecenderungan kepada kebenaran. Maslow juga berpandangan yang sama bahawa, manusia sejak lahir telah memiliki potensi untuk berkembang menuju kebaikan dan kebenaran. Melalui kajian ini, pernyataan tersebut dibuktikan dengan kebenaran melalui ayat yang diungkapkan dalam surah Al-Raf ayat 172. Ayat ini menyatakan bahawa manusia memiliki kemampuan untuk membezakan antara kebenaran dan kejahatan.

Kajian penyelidikan ini menjelaskan bahawa psikologi humanistik Maslow memandang manusia sebagai individu yang mempunyai potensi tertinggi untuk mencapainya. Dalam pada itu manusia akan didorong oleh dua bentuk motivasi iaitu motivasi kekurangan dan motivasi perkembangan. Menurut kajian ini, umumnya manusia lebih memilih motivasi kekurangan daripada perkembangan kerana terdapat rangsangan dari luar. Rangsangan ini akan mengarahkan untuk memilih mundur. Pengkaji melihat konsep ini diutarakan dalam kajiannya dengan menegaskan melalui ayat dalam Al-Quran dalam surah Al-Tin (95), yang menjelaskan bahawa manusia dijadikan dengan sebaik-baiknya. Manusia yang memilih untuk membentuk tingkah laku agar dapat mencapai aktualisasi diri. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini menyatakan bahawa Al-Quran tidak mencantumkan pernyataan semata-mata mengenai konsep dan keunggulan manusia. Namun Al-Quran yang menentukan manusia-manusia unggul melalui kisah yang terdapat di dalamnya.

Perspektif dalam kajian ini melihat dan mengetahui ciri-ciri manusia unggul berdasarkan Al-Quran dengan bantuan pendekatan psikologi humanistik Maslow. Pendekatan ini dianggap tepat dan boleh digunakan sebagai salah satu perspektif yang baru dalam mengkaji manusia unggul yang disajikan dalam Al-Quran. Syamsu Yusuf telah menyentuh teori aktualisasi dalam psikologi humanistik Maslow mengikut susunan struktur psiko yang disediakan Maslow. Struktur tersebut terdiri daripada raga, jiwa dan rohani. Berdasarkan penelitian pengkaji, aspek jiwa menjadi fokus utama dalam kajian

mengkaji psikologi Maryam berdasarkan kisah Al-Quran. Menurut pandangan Maslow dalam kajian Syamsu Yusuf, jika manusia ingin mencapai peningkatan aktualisasi diri manusia harus memenuhi keperluan berdasarkan struktur psiko. Dalam aspek jiwa yang ditekankan dalam kajian ini mengandungi tiga perkara iaitu fikiran, perasaan dan kemahuan. Ketiga-tiga perkara inilah yang melahirkan karakteristik jiwa manusia yang merupakan nilai-nilai hidup, tanggungjawab, hati nurani serta makna hidup.

Komponen jiwa yang mengandungi fikiran, perasaan dan kemahuan akan membentuk rangkaian keperluan yang tersusun secara bertingkat. Permulaan ini dari keperluan dasar sehingga kepada keperluan utama iaitu aktualisasi diri. Dalam kajian bertingkat ini juga akan menguasai seluruh kehidupan manusia. Pemenuhan lima keperluan ini diterapkan dalam kajian untuk mengkaji psikologi Maryam. Melalui penelitian pengkaji, tingkah laku yang terdapat dalam diri Maryam merupakan aktualisasi dari rangkaian keinginan alam, manusia dan Tuhan. Namun tingkah laku Maryam didominasi oleh keinginan Tuhan sehingga muncul tingkah laku ketaatan dan kepasrahan pada Tuhan.

Sebagaimana yang dinyatakan, Maslow melihat tingkah laku dan keperibadian manusia melalui kecenderungan dalam memenuhi keperluan hidup sehingga mendapat kepuasan. Hal ini kerana tingkah laku dan keperibadian yang matang adalah prilaku yang menuju pada aktualisasi diri yang sempurna. Penjelasan di atas menjelaskan bahawa pernyataan Maslow, mendasarkan teori aktualisasi diri pada sebuah andaian bahawa manusia pada hakikatnya memiliki nilai intrinsik yang berupa kebaikan. Ini kerana perkembangan yang baik sangat ditentukan oleh kemampuan manusia mencapai aktualisasi diri. Namun di sini Maslow melupakan satu hal iaitu menganggap manusia mempunyai kuasa ke atas diri sendiri sehingga melupakan dimensi lain yang turut membentuk diri sendiri iaitu eksistensi atau peranan Tuhan. Walaupun begitu Maslow

tidak mengenyakan agama yang juga dapat dijadikan sebagai landasan untuk mencapai aktualisasi diri.

Manakala Sri Mulyati (2020), melalui jurnal Bahasa dan Sastra telah membincangkan mengenai *Analisa Karakter Tokoh Andrea Dalam Filem The Devil Wears Prada Berdasarkan Pendekatan Humanistik*. Tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah untuk melihat penemuan keperluan humanistik terhadap watak Andrea dalam filem *The Devil Wears Prada*. Sehubungan dengan itu juga, pengkaji melihat penyelidikan ini dilaksanakan bagi menambah ilmu pengetahuan yang mempunyai hubungkait antara karya sastra serta melihat perkembangan watak dalam filem tersebut. Dalam penyelidikan ini Mulyati menggunakan metodologi yang bersifat kualitatif deskriptif kerana metodologi ini adalah sebuah pandangan manusia melalui pemerhatian untuk mendapatkan data yang diperlukan. Sepertimana yang dinyatakan di atas bahawa, penyelidikan ini mengambil pendekatan humanistik terhadap pengalaman serta tingkah laku manusia yang menumpukan kepada keunikan dan pencapaian aktualisasi diri manusia.

Dalam filem *The Devil Wears Prada* merupakan salah satu hasil proses adaptasi karya sastra yang berbentuk novel dan seterusnya diangkat kepada medium filem. Filem ini adalah sebuah karya yang bersifat komedi di Amerika pada tahun 2006. Sehubungan dengan itu filem ini diadaptasi melalui novel yang ditulis oleh Lauren Weisberger dengan tajuk yang sama. Filem ini mengisahkan watak Andrea, seorang pembantu kepada usahawan yang terkemuka di *Runway* Paris iaitu Miranda. Andrea Sachs merupakan seorang graduan jurnalis di Northwestern University. Beliau bercita cita tinggi untuk bekerja di syarikat yang besar di New York. Namun begitu Andrea berfikir untuk mengambil keputusan bekerja sebagai pembantu kepada Miranda Priestly yang memiliki syarikat majalah fesyen "*Runway*" yang terkenal. Dalam pada itu, Andrea tidak memiliki

pengetahuan serta pengalaman dalam bidang fesyen dan ini menyebabkan Andrea perlu menyesuaikan diri dengan perkara baru dalam hidupnya.

Jurnal penyelidikan ini juga menjelaskan perjuangan watak Andrea yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan fesyen sepertimana yang diperlukan di *Runway*. Hal ini menuntut beliau untuk bergerak pantas dan belajar dengan cepat mengenai fesyen. Selain daripada itu, penampilan Andrea sering diperlekehkan oleh Miranda serta pembantu utama yang lain. Oleh disebabkan itu Andrea memutuskan untuk berjumpa dengan Nigel bagi mendapatkan saranan mengenai apa yang perlu beliau lakukan. Pengkaji melihat perjuangan Andrea untuk berubah ke arah yang lebih baik adalah kerana timbul motivasi yang dimiliki Andrea untuk mengubah kehidupannya seiring dengan taraf tempat beliau bekerja. Hal ini menunjukkan bahawa Andrea memiliki pemikiran yang optimis dalam menempatkan diri beliau setanding dengan pembantu-pembantu yang lain. Dalam hal ini juga mendesak untuk beliau mempelajari sesuatu yang masih baru dalam hidupnya. Menurut pendekatan Maslow yang dinyatakan oleh Mulyati, manusia memiliki impian untuk mencapai aktualisasi diri iaitu kecenderungan untuk membesar dengan baik, memelihara kesihatan, menyesuaikan diri dalam masyarakat, realisasi diri, kebebasan serta autonomi.

Setelah melalui beberapa perkara-perkara baru dalam hidupnya, watak Andrea memperlihatkan kesungguhan untuk memahami budaya kerja di *Runway*. Sehubungan dengan itu juga, penampilan Andrea membuatkan Miranda mengubah tanggapannya selama ini pada Andrea. Hal ini menyebabkan keyakinan Andrea semakin tinggi dan bersemangat dalam melakukan tugas harian dengan sempurna. Hasil penyelidikan ke atas watak Andrea menunjukkan perubahan ke arah kebaikan telah dilaksanakan dengan baik. Dalam hal ini juga telah menampilkan keberanian dan kepercayaan watak Andrea pada diri sendiri.

2.4 Kajian perbandingan dan perbahasan mengenai teori humanistik Maslow sebagai mazhab ketiga

Internalisasi Nilai-nilai Pendidikan Perspektif Abraham Maslow (1908-1970)

penulisan jurnal ilmiah oleh Masbur (2015), adalah sebuah kajian yang menggunakan pendekatan analisis filosofi. Penyelidikan Masbur telah membincangkan kemunculan mazhab ketiga disebut humanistik yang memberi perkembangan besar dalam dunia psikologi dan juga nilai-nilai internalisasi dalam pendidikan hari ini. Humanistik disebut mazhab ketiga selepas dua teori yang paling berpengaruh iaitu psikoanalisis Sigmund Freud (1856-1939) dan behaviorisme John B. Watson (1878—1959). Teori aliran Sigmund Freud menerangkan tingkah laku manusia yang paling komprehensif dan aliran behaviorisme menjadikan kajian tentang manusia secara objektif.

Berdasarkan pada penelitian pengkaji aliran Sigmund Freud terlalu memberi penumpuan pada hal-hal yang bersifat intrinsik atau *internal* daripada tingkah laku manusia. Sedangkan mazhab kedua iaitu behaviorisme hanya menumpukan pada perkara *eksternal* atau ekstrinsik daripada tingkah laku manusia. Oleh yang demikian pada penelitian pengkaji, untuk memperolehi pengertian yang menyeluruh tentang tingkah laku manusia perlu dikaitkan dengan *internal* dan juga *eksternal*. Hal ini kerana manusia perlu memberi keseimbangan kepada keinginan, perasaan, harapan, aspirasi agar dapat memahami tingkah lakunya. Penyelidikan ini dikemukakan adalah untuk memperlihatkan bahawa nilai-nilai diperlukan sebagai pegangan hidup yang harus diwujudkan.

Penyelidikan ini menggunakan perspektif Maslow tentang internalisasi nilai pendidikan berbanding dua teori yang berpengaruh iaitu psikoanalisis serta behaviorisme. Ini kerana kedua teori yang paling berpengaruh hanya mengkaji dari satu sisi manusia sahaja. Sedangkan aliran humanistik ini lebih memerhatikan manusia dari pelbagai sisi yang dimiliki. Tidak hanya diberi fokus kepada *internal* atau *eksternal* semata mata. Walaubagaimana pun kedua-dua sisi itu tetap mempengaruhi pola tingkah laku manusia

sewajarnya. Dengan demikian penyelidikan ini telah merumuskan bahawa teori psikologi humanistik lebih tepat digunakan dalam melihat masalah perkembangan manusia.

Sebuah penyelidikan yang membahaskan perbandingan serta relevansi psikologi dalam pembelajaran khususnya melihat daripada pandangan Imam Al-Ghazali dan Abraham Maslow. Penyelidikan ini ditulis oleh Ihwan Fauzi (2019), yang membahaskan *Pembelajaran Perspektif Psikologi Sufistik Imam Al-Ghazali dan Psikologi Humanistik Abraham Maslow Dalam Pembentukan Kepribadian*. Penyelidikan ini telah mengemukakan perbandingan pemikiran Imam Al-Ghazali dan Abraham Maslow yang mempunyai persamaan. Kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini bersifat *library research* (penyelidikan perpustakaan) dan bagi menganalisis data penulis telah menggunakan pendekatan analisis kandungan bagi membahaskan isi kandungan yang terdapat dalam bahan bercetak dengan lebih mendalam. Oleh yang demikian, penyelidikan ini telah mengemukakan pandangan Imam Al-Ghazali dan Abraham Maslow memiliki konsep yang unik tentang kudrat manusia yang bersifat fitrah, baik dan positif.

Keunikan yang dapat dilihat ini berbeza dengan pandangan psikologi mazhab pertama dan mazhab kedua tentang kudrat manusia yang lebih cenderung kepada reduksionisme dan dehumanistik. Pernyataan ini memperlihatkan bahawa dua psikologi mazhab moden ini menyifatkan perilaku atau proses yang merendahkan seseorang. Ini merujuk sebagai pandangan atau pelakuan orang lain seperti kekurangan dalam kemampuan mental yang mereka miliki sebagai manusia. Sehubungan dengan itulah psikologi kedua mazhab ini menyebabkan manusia tidak mempunyai *will power* iaitu senantiasa pasif, tidak kreatif dan tidak sihat secara psikologis.

Oleh kerana itu penyelidikan ini muncul bagi memperlihatkan psikologi sufistik yang diasaskan oleh Imam Al-Ghazali dalam melihat perkembangan motivasi manusia. Di samping juga kedua psikologi ini memperlihatkan kecenderungan potensi manusia

dari segi rohani dan Maslow dalam *being value*. Keunikan pemikiran Al-Ghazali dan Maslow mengenai motivasi ini terletak pada dorongan fisiologi dan psikologi kerana ia berdasarkan kesedaran dalaman dan luaran manusia. Persamaan yang dapat dilihat adalah pada persepsi mengenai potensi jiwa yang lebih cenderung ke arah serta baik dan positif. Persamaan ini tergambar pada konsep mengenai psikologi dan nilai-nilai moral serta pengalaman yang bersifat subjektif. Perbezaan yang ketara terhadap dua tokoh ini ialah dari segi pegangan agama serta latar belakang sejarah.

Frank G.Goble (1987), menyatakan dalam buku beliau yang berjudul *The Third force : The Psychology of Abraham Maslow*, telah membahaskan kemunculan teori mazhab ketiga yang disebut psikologi humanistik. Buku ini bertujuan untuk membincangkan citra baru mengenai manusia. Buku ini juga menyajikan ringkasan pemikiran Abraham Maslow yang merupakan salah seorang tokoh psikologi yang terkemuka di Amerika Syarikat. Selain daripada itu buku ini juga adalah satu gagasan hasil daripada karya-karya Abraham Maslow. Beliau telah mengembangkan sebuah teori baru yang komprehensif mengenai motivasi manusia. Perkembangan ini juga telah menyentuh aspek perilaku manusia. Teori ini berhasil meruntuhkan sejumlah premis dasar yang selama ini telah mendominasi teori tingkah laku di Amerika. Psikologi mazhab ketiga ini diciptakan oleh Abraham Maslow untuk membezakan karya serta tokoh-tokoh daripada teori kedua terbesar tentang tingkah laku manusia (Freud dan behaviorisme).

Daripada hasil penelitian, pengkaji mendapati dua teori yang berpengaruh di kalangan para sarjana di Amerika adalah teori psikoanalisis yang diasaskan oleh Sigmund Freud dan teori behaviorisme oleh John B. Watson. Pemerhatian ini mendapati bahawa teori psikoanalisis dipengaruhi oleh pemikiran Darwin. Di sini pengkaji menemukan bahawa Freud mengatakan manusia hanyalah binatang . Ini kerana pendapat beliau menyatakan bahawa asalnya binatang itu adalah dorongan dasar yang bersifat keturunan

dan naluri. Hal ini dibuktikan dalam buku beliau yang berjudul *New Introductory Lectures on Psychoanalysis*. Oleh disebabkan itu Freud percaya kehidupan manusia ditentukan pada seawal usia lima tahun. Dalam pada itu juga Freud menyatakan penyakit mental merupakan akibat daripada super ego atau tingkah laku yang melampau dan tidak realistik.

Manakala behaviorisme mendapat sebutan mazhab kedua dalam bidang ilmu tingkah laku. Dalam behaviorisme, teori ini menekankan kekuatan luaran yang berasal daripada persekitaran. Pengkaji melihat perbezaan antara teori psikoanalisis Freud yang memberi tekanan pada dorongan dari dalam manusia. Manakala teori behaviorisme mendapat kekuatan daripada luar. Salah satu andaian dasarnya mengatakan bahawa keperibadian sama sekali tidak memiliki dasar ilmiah.

Pengkaji mendapati bahawa karya-karya Maslow bukanlah menolak secara mentah mengenai teori psikoanalisis dan behaviorisme. Namun penemuan baru beliau merupakan satu perkara yang bermanfaat dan dapat diterapkan untuk kemanusiaan. Dalam pada itu Maslow menyangkal sikap Freud yang terlalu menumpukan penyelidikan mengenai manusia yang mengalami gangguan mental. Ini kerana Maslow memiliki keyakinan serta percaya bahawa manusia tidak akan dapat memahami penyakit mental sebelum memahami mengenai kesihatan mental. Sehubungan dengan itu jugalah Maslow melihat pelbagai aspek positif dalam tingkah laku manusia seperti kebahagiaan, kesejahteraan serta kepuasan hati yang telah diabaikan oleh para ilmuwan. Menurut Maslow (1954), perhatian ilmiah hanya menjurus pada kelemahan manusia. Malah terlalu sedikit atau tidak sama sekali diberi perhatian pada kekuatan, kelebihan dan kemampuan manusia. Pernyataan ini ditemukan dalam buku beliau yang berjudul *Motivation and personality*.

Seperti pernyataan sebelumnya, Freud mengatakan bahawa tingkah laku binatang kelihatan buruk dan itulah yang membentuk keperibadian manusia. Namun Maslow

membantah dengan menyatakan bahawa binatang-binatang sering menunjukkan sikap kasih sayang serta kerjasama. Tidak seperti yang digambarkan oleh Freud mengenai binatang yang mempunyai tingkah laku jahat, mementingkan diri dan agresif. Hal ini jelas memperlihatkan terdapat tingkah laku binatang yang mempunyai sikap baik namun diabaikan oleh Freud. Sama ada pengikut Freudian mahupun behaviorisme yang terlampau menekankan pertalian manusia dengan dunia binatang. Kecenderungan mengabaikan atau menolak sifat-sifat utama yang membezakan manusia dan binatang. Sehubungan dengan itu penelitian ini mendapati Freud terpersona oleh unsur-unsur tidak sedar adalah penentu tingkah laku manusia. Sehingga tidak memberi perhatian kepada pesakitnya untuk menjelaskan sebab-sebab mengapa bersikap sedemikian.

Oleh yang demikian Maslow bertekad memperkenalkan humanistik dalam bidang ilmu psikologi. Ini kerana manusia akan belajar tentang kemanusiaan dan kemampuan dengan mempelajari manusia yang sihat dan matang. Seperti yang dinyatakan dalam bukunya berjudul *The Psychology of Science*. Humanistik adalah sebuah teori yang menyentuh keseluruhan tingkah laku manusia yang perlu mengambil peluang untuk menentukan ia bersifat intrinsik ataupun ekstrinsik serta persekitaran. Pengkaji mendapati pandangan Maslow mengenai manusia adalah dengan membawa sifat itu keluar dan meningkatkan keinginan daripada memberi tekanan. Oleh yang demikian dapat dilihat bahawa jika potensi yang ada dalam diri manusia itu diberi penekanan sama ada cepat atau lambat akan menimbulkan gangguan psikologi sehingga sukar untuk mencapai aktualisasi diri.

2.5 Rumusan

Melalui kajian yang lepas, teori psikologi humanistik yang dinyatakan dalam penjelasan di atas menggambarkan bahawa, keperluan tenaga setiap individu adalah

untuk perkembangan yang sihat dan mampu mencapai kesempurnaan. Pengkaji berpendapat pendekatan teori psikologi humanistik Maslow memandang manusia dengan penuh optimis. Hal ini terjadi kerana perkembangan personaliti atau sahsiah diri individu bergantung kepada keperluan yang paling dominan pada dirinya. Setiap individu memiliki kebebasan, kerana dengan kebebasan yang dimiliki akan menentukan individu itu mencapai kesempurnaan diri serta mencapai makna kehidupan. Kebebasan yang dimaksudkan adalah tanda seorang individu yang sempurna boleh memilih mana yang baik dan yang buruk bagi memenuhi keperluan serta memperkembangkan emosi. Keperluan adalah untuk diwarisi tetapi tingkah laku dan pemikiran adalah untuk dipelajari. Pendekatan teori ini juga menyatakan manusia sememangnya bersifat baik dan berpandangan positif. Jika wujud sifat negatif seperti agresif atau egoistik itu memperlihatkan tanda-tanda penyakit yang berpunca daripada rasa kecewa.

Pengkaji juga melihat teori ini dapat membongkar jiwa manusia dengan melihat potensi diri sendiri, kemampuan melihat tingkah laku orang lain serta alam sekeliling, mempunyai kecekapan berfikir yang tinggi serta mempunyai perasaan yang sentiasa menghargai dan dihargai. Hal yang mendorong perkara di atas adalah kerana terjadinya motivasi bagi mencapai matlamat serta keinginan. Matlamat dan keinginan adalah dianggap sebagai satu keperluan yang perlu dipenuhi tanpa mengambil kira perbezaan agama, budaya dan persekitaran. Sepertimana yang dinyatakan di atas mengenai mazhab ketiga, pernyataan ini jelas bahawa Abraham Maslow menentang keseluruhan pemikiran intelektual barat yang sudah berjaya mendapat tempat dikalangan para sarjana, penyelidik serta masyarakat setempat selama berdekad.


Sepertimana yang dinyatakan di atas, kajian ini mendekati manusia dengan keperluan-keperluan dasar yang mampu dimiliki manusia bagi melahirkan satu pandangan yang lebih sihat dan optimis. Justeru itu, pengkaji memilih pendekatan psikologi humanistik Maslow dalam kajian penyelidikan ini adalah kerana ia melibatkan

persekitaran yang merangsang ke arah perkembangan potensi manusia. Dengan itu, kajian penyelidikan ini telah menyambung kajian yang lama agar boleh mengisi jurang ilmu dalam mengkaji psikologi watak pada naskhah drama, filem mahupun pendidikan. Walaupun telah banyak kajian analisis watak dihasilkan melalui kajian lepas berkaitan dengan kaedah serta pendekatan yang digunakan, namun kekurangannya ialah masih belum terdapat analisis mengenai watak Mardiah dalam naskhah *Pokok* karya Johan Jaaffar. Oleh kerana itu pengkaji mengambil inisiatif ini, bagi menjalankan penyelidikan analisis watak Mardiah dengan menggunakan pendekatan teori psikologi humansitik Maslow berlandaskan psikologi sastera.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan



Rajah 3.1: Proses kajian kualitatif. (Sumber Bryman 2008)

Kajian ini telah menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan mengambil pendekatan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Penyelidikan kualitatif merujuk kepada kajian yang dijalankan memerlukan pemerhatian yang teliti. Menurut Cresswell dalam Hu dan Chang (2017), penyelidikan kualitatif sebagai proses ke arah pemahaman yang didasari kaedah pengumpulan data yang lazimnya digunakan apabila meninjau sesuatu permasalahan sosial. Proses kajian adalah seperti rajah 3.1 di atas. Sehubungan dengan itu kajian penyelidikan ini lebih menumpukan kepada perkataan berbanding daripada pengiraan data yang dikumpul dan kemudian dianalisis mengikut

kesesuaian keperluan yang dituntut. Proses ini bermula dengan mengemukakan persoalan kajian yang umum, kemudian disusuli dengan pemilihan subjek atau topik yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Peringkat yang seterusnya adalah pengumpulan data yang mempunyai perkaitan dengan topik kajian. Hasil daripada analisis data akan diikuti dengan interpretasi data bagi melihat keperluan watak Mardiah. Proses ini sentiasa berulang-ulang bagi mencapai persoalan kajian dan objektif kajian supaya ia jelas dan tepat. Bagi menjawab persoalan kajian serta objektif kajian, pengumpulan data lanjutan perlu dilakukan bagi menentukan lima prinsip keperluan Maslow agar dapat ditentukan dengan kukuh. Langkah yang seterusnya adalah penulisan tentang hasil penemuan atau kesimpulan yang telah diperolehi.

Dalam bahagian yang seterusnya akan dibincangkan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Aspek-aspek yang terkandung dalam kaedah penyelidikan adalah seperti reka bentuk kajian, kerangka konseptual, pengumpulan data, teknik analisis data serta rumusan.

3.2 Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah bersifat analisis kandungan. Analisis kandungan digunakan dalam kajian penyelidikan ini merupakan sebuah pendekatan yang mengkaji isi kandungan yang terdapat dalam naskhah *Pokok* karya Johan Jaaffar serta cerpen *Potret Seorang Anu Sebagai Anu* karya Johan Jaaffar. Ini bertujuan bagi membuat persampelan dokumen berdasarkan dialog-dialog yang terdapat dalam naskhah serta cerpen bagi menjawab persoalan kajian yang tertentu. Justeru itu pengkaji mendeskripsikan apa yang dibaca kepada setiap unit untuk diklasifikasikan, dianalisis serta diinterpretasi bagi mencapai objektif kajian. Penekanan analisis kandungan ini juga adalah untuk menjawab persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji.

3.2.1 Analisis kandungan

Pendekatan analisis kandungan dipilih kerana ia merupakan satu pendekatan yang sistematik bagi menganalisis data serta maklumat bersesuaian dengan kajian penyelidikan kualitatif. Sehubungan dengan itu juga, analisis kandungan didapati sesuai dengan jenis data yang dikumpul iaitu data yang berbentuk teks melalui naskhah dan cerpen serta data rakaman video yang memaparkan dialog menerusi pelakon dalam persembahan teater *Pokok* arahan Uwei Hj Saari dan temubual. Melalui analisis kandungan ini pengkaji menemui dialog Mardiah yang memperlihatkan gambaran watak Mardiah dalam proses mencapai aktualisasi diri.

Contoh dialog tersebut mengungkapkan “*Itu sekolah saya, universiti saya. Saya sekolah tak sampai ke mana. Penjara sekolah saya. Saya banyak belajar tentang kehidupan di penjara. Saya habiskan lebih banyak masa dewasa saya dalam penjara dari di luar. Awak tahu itu*”. (Babak 1: Hlm.8), ungkapan dialog Mardiah ini adalah salah satu contoh yang menggambarkan penyesalan terhadap dirinya. Namun begitu penyesalan itu tidak dapat membawanya kembali kepada masa lampunya. Hal ini menjadikan Mardiah mempunyai dorongan untuk memperbaiki sikapnya supaya menjadi lebih baik. Berdasarkan pengalaman Mardiah di penjara menjadi penyebab timbulnya kesedaran dalam diri Mardiah. Dalam pada itu, dialog ini juga menjelaskan bagaimana proses Mardiah membina motivasi untuk dirinya sendiri. Dorongan untuk mengubah kehidupannya adalah motivasi yang terbesar bagi Mardiah.

Justeru itulah data ini memberi kepentingan untuk membantu pengkaji meneliti aspek-aspek yang berkaitan dengan makna yang terdapat dalam dialog. Hal ini kerana secara khususnya penyelidikan kualitatif merupakan kaedah untuk mengeksplorasi dan memahami makna dalam konteks watak Mardiah yang memiliki konflik kejiwaan serta pencarian Mardiah dalam mencapai matlamat bagi mengaktualisasikan dirinya. Secara khususnya penyelidikan kajian ini berbentuk kualitatif. Hal ini kerana, kajian

penyelidikan ini merupakan kaedah untuk memahami makna dalam konteks watak Mardiah yang memiliki konflik kejiwaan serta kemanusiaan. Proses penyelidikan ini melibatkan keupayaan yang penting seperti mengumpulkan data yang spesifik daripada data sekunder iaitu naskhah drama *Pokok* karya Johan Jaaffar. Seterusnya data sekunder yang lain ialah daripada cerpen *Potret Seorang Anu Sebagai Anu* sebagai bahan sokongan untuk dilihat bagi mendapatkan hasil dapatan pada akhir penyelidikan ini. Manakala, rakaman video persembahan teater *Pokok* arahan Uwei Hj Saari juga adalah salah satu pemerolehan maklumat bagi tujuan penontonan terhadap watak Mardiah yang dilakonkan oleh Haliza Misbun. Sehubungan dengan itu disertakan temu bual bersama Haliza Misbun untuk dijadikan kaedah bagi mendapatkan data kajian.

Sehubungan dengan itu penyelidikan ini juga melibatkan penggunaan bahan yang dikaji dan pengumpulan pelbagai bahan kajian bersifat pengalaman pelakon yang terlibat dalam persembahan teater *Pokok*. Hal ini adalah kerana ia akan memperlihatkan perkara dan makna yang tersirat di sebalik pembinaan watak Mardiah. Oleh yang demikian pengkaji menggunakan reka bentuk kaedah penyelidikan kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan untuk menganalisis serta memberi interpretasi makna yang terkandung dalam objek kajian ini. Data ini bersifat data primer atau data utama kerana pengkaji memperolehi secara langsung daripada pelakon yang memainkan peranan Mardiah melalui kaedah temu bual semi struktur.

Metodologi kajian ini merangkumi cara serta kaedah pendekatan yang digunakan bagi melihat bagaimanakah watak Mardiah melalui proses bagi mencapai tahap aktualisasi diri. Oleh yang demikian bab ini juga bertujuan untuk memberi penjelasan mengenai reka bentuk kajian yang dilaksanakan, bagaimana kajian dijalankan, sumber-sumber data yang akan diperolehi, kaedah pengumpulan data serta teknik analisis data bagi mendapatkan maklumat yang tepat mengenai watak Mardiah dalam proses mencapai aktualisasi diri.

3.2.2 Kerangka konseptual


Kerangka konseptual ini dibentuk adalah bertujuan untuk melihat kajian psikologi watak Mardiah dalam naskah *Pokok* karya Johan Jaaffar bagi mengenalpasti objektif kajian yang diperlukan dalam penyelidikan ini. Selain daripada itu, kerangka konseptual ini diaplikasi untuk melihat psikologi watak Mardiah mengikut prinsip-prinsip yang terdapat dalam psikologi humanistik Maslow dan juga struktur psikologi manusia iaitu jiwa dan rohani yang telah disarankan oleh Maslow. Prinsip-prinsip tersebut adalah keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan sendiri dan aktualisasi diri. Keperluan ini adalah satu kepentingan dalam penyelidikan ini bagi memperlihatkan empat data yang terdapat dalam psikologi watak Mardiah. Data-data tersebut merangkumi emosi watak Mardiah, konflik watak Mardiah, simbol keunggulan watak Mardiah dan proses aktualisasi Mardiah.

Data-data tersebut akan diklasifikasikan mengikut prinsip-prinsip keperluan hierarki yang telah disarankan oleh Maslow. Keperluan hierarki tersebut akan melihat kesesuaian pada setiap data yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Data yang pertama iaitu aspek emosi watak Mardiah akan melihat keperluan fisiologi, keperluan keselamatan dan keperluan kasih sayang. Keperluan tersebut di beri perhatian dalam melihat emosi Mardiah kerana ia akan menunjukkan setiap kekurangan serta kekuatan Mardiah dalam menuju ke arah kebahagiaan. Data yang kedua pula akan melihat konflik watak Mardiah sepanjang tempoh perkembangannya dan data ini akan dilihat mengikut keperluan kasih sayang serta keperluan penghargaan sendiri. Manakala data yang ketiga bagi melihat simbol keunggulan watak Mardiah mengikut struktur psikologi manusia yang disarankan oleh Maslow iaitu berdasarkan kepada jiwa dan rohani Mardiah. Hal ini adalah bagi menggambarkan kekuatan dan ketabahan jiwa Mardiah dalam mencapai aktualisasi diri.

Seterusnya data yang terakhir iaitu proses aktualisasi Mardiah, sehubungan dengan itu, keperluan yang dituntut dalam melihat aspek ini adalah prinsip-prinsip yang

terdapat dalam aktualisasi diri. Keperluan ini penting kerana ia akan memberi gambaran bahawa watak Mardiah akan menuju ke arah aktualisasi diri. Melalui beberapa peringkat di atas, kerangka konseptual ini akan menghasilkan dapatan bahawa watak Mardiah memiliki potensi serta kemampuan dalam memperlihatkan ciri-ciri ke arah aktualisasi diri. Oleh itu perbincangan yang dapat disimpulkan oleh pengkaji ialah watak Mardiah mencapai aktualisasi diri melalui pengalaman yang sukar bagi meletakkan dirinya sebagai wanita yang bahagia dengan mengharungi setiap pengalaman-pengalaman tersebut dengan motivasi yang tinggi. Oleh yang demikian pengkaji telah menyediakan sebuah kerangka konseptual seperti di bawah.

Universiti Malaysia



Rajah 3.2: Kerangka konseptual

3.2.3 Instrumen kajian

Instrumen merupakan alat yang merujuk kepada sarana pengumpulan data. Penyelidikan yang bertajuk “*Kajian Psikologi Humanistik Watak Mardiah Dalam Naskhah Pokok Karya Johan Jaaffar*” menggunakan naskhah drama sebagai instrumen pengumpulan data. Instrumen yang digunakan adalah sebuah naskhah *Pokok* untuk dianalisis dan diinterpretasi watak Mardiah dalam proses mencapai aktualisasi diri. Oleh yang demikian ini akan memudahkan pengkaji untuk menganalisis serta menginterpretasikan data tersebut. Sehubungan dengan itu, dikemukakan instrumen yang digunakan pengkaji bagi melengkapkan penyelidikan ini seperti berikut.

1) Kajian Perpustakaan

Pengkaji memperolehi sumber data mengenai watak Mardiah melalui naskhah *Pokok* karya Johan Jaaffar daripada perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Naskhah ini telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam majalah Dewan Sastera keluaran bulan September 2017. Naskhah ini mempunyai tiga babak dan 42 halaman. Naskhah ini menjadi instrumen utama dalam kajian penyelidikan ini. Hal ini adalah kerana watak utama yang terdapat dalam naskhah ini menjadi objek atau bahan untuk penyelidikan. Watak Mardiah diambil sebagai bahan penyelidikan adalah untuk melihat dorongan, motivasi serta aspek aspek emosi Mardiah sebagai simbol keunggulan wanita yang sempurna dalam proses mencapai aktualisasi diri. Melalui watak Mardiah, pengkaji melihat lima prinsip hierarki Maslow yang diguna pakai dalam penyelidikan ini bagi mengenalpasti setiap keperluan yang menjadi tuntutan dalam watak Mardiah.

2) Naskhah

Seterusnya pengkaji juga mendapatkan bahan sokongan untuk melihat watak Ji menerusi cerpen yang bertajuk *Potret Seorang Anu Sebagai Anu* karya Johan Jaaffar dalam Majalah Dewan Sastera terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada keluaran bulan September 1983. Maklumat yang terkandung dalam data cerpen ini merupakan sebuah inspirasi untuk watak Mardiah yang sedang dijalankan oleh pengkaji. Secara khususnya data ini menyokong pembentukan serta perkembangan watak Mardiah. Sehubungan dengan itu juga pengkaji memperolehi artikel mengenai watak Mardiah menerusi laman sesawang Johan Jaaffar untuk melihat pemikiran penulis dalam menterjemahkan watak Mardiah. Data ini memberi kepentingan kepada pengkaji agar dapat melihat watak Mardiah melalui pelbagai perspektif secara jelas supaya watak ini dapat dianalisis dan juga diinterpretasi dengan logik dan baik berdasarkan daripada sumber yang diperolehi.

Selain daripada itu penelitian turut dibuat terhadap buku yang ditulis oleh Johan Jaaffar bertajuk *Jejak Seni Johan Jaaffar* yang diterbitkan oleh Balang Rimbun Sdn.Bhd dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur pada tahun 2017. Maklumat yang terdapat dalam buku tersebut membantu pengkaji untuk mengamati pengalaman Johan Jaaffar yang sering dijadikan inspirasi dalam setiap watak yang diterjemahkan dalam naskhah drama mahupun cerpen. Justeru itu ia menyokong setiap pengumpulan data yang dikutip oleh pengkaji. Pengkaji juga memperolehi maklumat melalui Perpustakaan Negara Malaysia dengan mendapatkan buku *Pelarian Sang Hero* karya Johan Jaaffar yang diterbitkan pada tahun 2018. Bahan ini mengandungi pelbagai cerpen daripada penulis yang dapat dijadikan sebagai rujukan dalam meneroka watak Mardiah.

3) Penontonan

Pengkaji memilih untuk melihat rakaman video pementasan teater *Pokok* bertujuan untuk menyokong maklumat supaya ia tampak lebih terperinci dan kemas. Melihat melalui video adalah salah satu alat yang kuat untuk meneliti peristiwa-peristiwa yang terjadi. Melalui video juga ia memiliki keunikan untuk menangkap fenomena yang terlihat secara objektif. Fenomena yang dinyatakan tersebut adalah perubahan emosi pada watak Mardiah yang boleh dilihat dalam babak pertama pada minit 12:57 hingga minit 13:27. Di mana berlakunya kekacauan emosi Mardiah yang membangkitkan sejarah silam hingga Mardiah meninggikan suara terhadap suaminya. Peristiwa ini dilihat sebagai satu hal yang menimbulkan persepsi negatif terhadap Mardiah sebagai seorang isteri. Namun begitu keunikan yang berlaku pada babak ini adalah Mardiah menyedari perubahan yang berlaku pada Darwis apabila Mardiah bersikap demikian. Tindakan Mardiah bergegas menghampiri suaminya memperlihatkan kesedaran atas ketelanjurannya.

Oleh yang demikian pengkaji menggunakan rakaman video dalam melaksanakan penyelidikan ini untuk memperkukuhkan data yang diperolehi daripada naskhah dan cerpen hasil karya Johan Jaaffar. Selain daripada itu maklumat visual tersebut akan meningkatkan unsur pemaknaan yang penting dalam catatan data. Secara khususnya video memiliki makna yang penting bagi penemuan yang tersirat serta tersurat mengenai watak Mardiah.

4) Temubual

Menurut Chua (2011: 130), pengkaji akan menyoal sebilangan soalan formal yang telah dibina sebelum sesi temu bual dijalankan, tetapi penemubual juga diberi kebebasan untuk menyoal setiap soalan yang telah ditanya. Secara khususnya pengkaji memilih temu bual ini adalah untuk menemubual tokoh yang terlibat


dalam pementasan teater *Pokok*. Tokoh yang terlibat adalah Haliza Misbun.

Transkrip temu bual ini telah disediakan pada senarai lampiran.

3.2.4 Justifikasi kajian

Pemilihan naskhah *Pokok* karya Johan Jaaffar dalam membentuk kajian penyelidikan ini adalah kerana kandungan naskhah ini memiliki keunikannya dalam melihat aspek kemanusiaan. Sehubungan dengan itu juga naskhah ini mempunyai ciri-ciri atau unsur psikologi dalam watak yang ditampilkan. Selain daripada itu, naskhah ini sangat relevan dengan situasi yang berlaku dalam persekitaran pengkaji. Oleh sebab itu hal ini menarik untuk pengkaji memahami secara mendalam unsur-unsur yang terdapat dalam naskhah tersebut. Maka dengan itu pengkaji membuat pilihan untuk mengkaji psikologi yang terdapat dalam watak Mardiah sahaja. Sepertimana yang telah dinyatakan dalam skop dan batasan kajian. Kelebihan watak yang terkandung dalam naskhah *Pokok* adalah kekuatan serta ketabahan Mardiah dalam melalui setiap rintangan serta konflik dalam kehidupannya. Kekuatan dan ketabahan Mardiah mencerminkan semangat seorang wanita untuk terus berjuang bagi mencapai kebahagiaan. Manakala kekurangan yang dilihat dalam watak Mardiah adalah kesusahan hidupnya kerana mempunyai sifat kejujuran yang menjadikan Mardiah terjebak dalam landasan yang salah kerana kurangnya pendidikan asas tentang kehidupan. Isu kejujuran membuatkan watak Mardiah tampil agresif sedangkan nilai kejujuran itu sendiri meletakkan seseorang manusia pada satu peringkat yang sewajarnya dipuji. Namun bertentangan dengan watak yang ditampilkan dalam naskhah *Pokok* ini yang memberontak kerana sifat kejujuran yang tersemat sejak kecil. Aspek inilah yang menjadi tarikan serta perhatian pengkaji untuk terus mencari dan menggali bagi memperlihatkan keistimewaan watak Mardiah dalam kajian penyelidikan ini.

3.3 Teknik Pengumpulan Data



Rajah 3.3: Proses pengumpulan data mengenai watak Mardiah dalam naskhah *Pokok* karya Johan Jaaffar.

Maklumat serta hasil dalam kajian ini bersifat kandungan yang mempunyai perkataan (data bertulis iaitu naskhah drama dan cerpen), rakaman video pementasan teater *Pokok* dan temu bual semi-struktur. Oleh yang demikian teknik pengumpulan data yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah membaca, mencatat serta mengklasifikasikan data yang diperolehi. Berdasarkan pada dokumen yang berupa teks serta dokumentasi persembahan teater dan temu bual tokoh. Proses pengumpulan data dapat diuraikan seperti berikut:

- i. Membaca secara kritikal serta memberi penumpuan terhadap skop kajian iaitu penelitian terhadap psikologi watak Mardiah, konflik yang dihadapi oleh watak serta proses Mardiah mencapai aktualisasi diri. Pembacaan dilakukan berulang kali bagi mendapat gambaran secara keseluruhan mengenai watak Mardiah.
- ii. Mencatat dialog-dialog serta perkataan berkaitan yang memperlihatkan psikologi watak Mardiah selaras dengan pendekatan yang digunakan

dalam penyelidikan ini. Seperti contoh “ *Dah berapa lama awak berhempas pulas, dari kampung ke bandar, pergi Singapura dan kerja dengan Tuk Kaya sepuluh tahun dulu. Awak nampak ada tanda-tanda perubahan atau harapan nak berubah*” (Babak 1: Hlm.7).

- iii. Mengklasifikasikan data berbentuk dialog mahu pun frasa yang mengandungi lima hierarki keperluan humanistik Maslow. Ini bertujuan untuk melihat keperluan yang dituntut oleh Mardiah dalam proses mencapai kesempurnaan. Melihat kepada contoh yang berikut memperlihatkan watak Mardiah menuntut keperluan keselamatan dalam dialognya iaitu “ *Apa awak cakap? Awak nak suruh saya ambil air kat kolam tu? Tangganya licin, hari tu nyaris saya jatuh saya. Kat dapur airnya tinggal sikit*” (Babak 1: Hlm.1).

Data-data kajian dalam penyelidikan ini bersifat kata-kata serta dialog-dialog dalam paragraf yang terdapat dalam naskhah drama *Pokok* seperti yang dinyatakan dalam (Babak 1: Hlm.7), “ *Kenapa tak cakap saya macam orang kena dadah saja? Awak tahu saya pernah jadi penagih dadah dan edar dadah dulu. Saya keluar masuk penjara kerana dadah dan kerana merompak. Ya, saya rasa high malam ni. Awak dah dua tahun kahwin dengan saya. Awak tahu saya cakap tak selindung-selindung. Tak berlapis. Saya tak tau berpura-pura*”. Manakala data tambahan dalam penyelidikan ini ialah cerpen *Potret Seorang Anu Sebagai Anu* karya Johan Jaaffar memaparkan watak Ji yang menjadi inspirasi untuk watak Mardiah.

Watak Ji dalam cerpen ini adalah sebagai pelayan kelab malam yang sentiasa menemani Anu jika Ji tidak mempunyai ramai pelanggan pada setiap kunjungan Anu. Ini diperlihatkan dalam paragraf (8: Hlm.66), *Anu senang di pub itu. Terutamanya dengan Ji. Ji juga senang dengan Anu. Hubungan itu sekadar di situ. Ji tidak pernah menemui Anu di luar pub itu. Malah dia tidak pernah tahu siapa Anu di luar pub. Apa kerjanya, di*

mana tinggalnya. Penulis mempunyai pengalaman dengan watak Ji dalam cerpen tersebut. Di mana sewaktu penulis sedang menyiapkan tugas yang diarahkan oleh pihak majikan maka penulis mula mengembara suasana malam di kota Kuala Lumpur. Penulis menyusuri setiap lorong dan Pub bagi mendapatkan cerita yang menarik untuk dikongsi dalam tugas beliau. Maka dengan itu, sewaktu penulis berkunjung di sebuah Pub di Jalan Pahang, Kuala Lumpur beliau menemui seorang pelayan *Bartender*. *Bartender* yang dimaksudkan adalah wanita bernama Ji dan bermula di sinilah hubungan antara penulis dan Ji terjalin.

Namun begitu pertemuan mereka tidak lama, selepas sebulan berkunjung ke Pub penulis tidak lagi menemui Ji. Semua rakan-rakan Ji tidak tahu ke mana Ji menghilang. Oleh disebabkan itu penulis menterjemahkan watak Ji dalam cerpen tersebut. Hal ini kerana penulis melihat Ji adalah seorang wanita yang prihatin, suka menolong serta mempunyai motivasi yang tinggi untuk mengubah kehidupan selepas keluar daripada penjara. Maka watak Mardiah dalam naskhah *Pokok* karya Johan Jaaffar adalah sebuah imaginasi dan inspirasi daripada watak Ji dalam cerpen *Potret Anu Sebagai Seorang Anu*.

Sehubungan dengan itu data sekunder tambahan adalah berbentuk rakaman dokumentasi persembahan teater *Pokok* di bawah arahan U-Wei Hj. Saari sebagai bahan sokongan untuk dijadikan rujukan berkaitan dengan tingkah laku watak Mardiah yang dilakukan oleh Haliza Misbun. Penelitian ini dilakukan dengan menganalisis dan menginterpretasi data yang sesuai dengan persoalan serta objektif kajian. Manakala data primer adalah temubual bersama pelakon yang memainkan peranan sebagai Mardiah dalam pementasan teater *Pokok* iaitu Haliza Misbun. Data primer ini diperolehi secara terus melalui Haliza Misbun sendiri melalui perbualan atas talian. Sehubungan dengan itu, data primer ini banyak membantu pengkaji dalam menghasilkan analisis serta interpretasi bagi melengkapkan penyelidikan ini. Oleh yang demikian pengkaji telah mengklasifikasikan data yang digunakan dalam penyelidikan ini dalam bentuk jadual.

Tujuan klasifikasi jadual data ini digunakan bagi mencatat pengumpulan data, dialog-dialog serta wacana yang sesuai dengan keperluan penelitian daripada hasil bacaan, menonton, analisis dan interpretasi. Hal ini merangkumi empat jadual klasifikasi data iaitu:

- 1) Aspek emosi watak Mardiah,
- 2) Konflik watak Mardiah,
- 3) Simbol keunggulan watak Mardiah
- 4) Proses aktualisasi Mardiah

Oleh yang demikian setiap data akan dicatat pada jadual yang sesuai serta dilampirkan pada bab empat iaitu analisis kajian. Sehubungan dengan itu jadual ini telah disarankan oleh Pearson and Gallagher (1982). Namun begitu pengkaji mengubah suai mengikut kesesuaian data yang digunakan dalam kajian ini.

3.4 Teknik analisis data



Rajah 3.4.: Aliran dalam pembacaan teliti. (Sumber David Schur 1998).

Dalam menganalisis watak Mardiah dalam naskhah drama *Pokok* adalah sangat penting untuk memahami keseluruhan isi kandungan teks terlebih dahulu. Kepentingan ini adalah bagi meletakkan hala tuju pengkaji untuk mencari watak Mardiah dalam proses mencapai aktualisasi diri. Oleh disebabkan itu analisis data dalam penyelidikan ini menggunakan analisis kandungan melalui kaedah pembacaan teliti. Pengkaji memilih pembacaan teliti secara khususnya dalam menentukan hala tuju kajian adalah kerana kaedah ini merupakan sebuah analisis yang teliti dan kritikal terhadap teks. Dalam pada

itu melalui pembacaan teliti, pengkaji akan mengenal pasti ciri-ciri psikologi watak Mardiah, emosi watak, tingkah laku, pemikiran serta konflik yang dihadapi oleh watak dalam mencapai proses aktualisasi diri. Di samping itu juga ia akan memperlihatkan simbol keunggulan yang dimiliki watak Mardiah sebagai gambaran watak yang sempurna.

3.4.1 Pembacaan teliti

Pengkaji mengaplikasikan pendekatan pembacaan teliti dalam kajian ini kerana ia merupakan satu analisis yang teliti dan kritikal terhadap watak Mardiah dalam naskhah drama *Pokok*. Pembacaan ini akan memberi penumpuan terhadap perincian atau corak penting dalam setiap dialog yang dipilih bagi melihat psikologi watak Mardiah. Ini adalah bagi mengembangkan pemahaman yang mendalam dan tepat mengenai bentuk, makna setiap frasa dialog di dalam teks. Perkara-perkara yang terlibat dalam pembacaan teliti ini adalah seperti berikut.

1. Membaca setiap dialog-dialog yang terdapat dalam naskhah sebagai fokus penelitian. Dalam penyelidikan ini pengkaji menumpukan kepada watak Mardiah dalam menghadapi konflik kejiwaan, aspek emosi, simbol keunggulan watak Mardiah yang memiliki potensi tertinggi dan proses watak Mardiah yang digambarkan sebagai watak wanita sempurna dalam mencapai aktualisasi diri. Melalui pembacaan pengkaji terdapat dialog yang mula memperlihatkan konflik Mardiah terhadap dirinya sendiri. Ini dibuktikan dalam ungkapan dialog Mardiah seperti contohnya “ *Saya bekas banduan Darwis. Saya takda mimpi. Saya hanya ada igauan. Selalunya igauan saya ngeri. Sebab saya tahu kenyataan hidup ini. Bukan manis selalu. Bukan macam cerita filem yang awak pernah tengok. Atau harapan dalam kepala orang baik macam awak. Bagi saya, semua tu dah takda. Dah mati*”. (Babak 1: Hlm.6)

Frasa dialog di atas membawa pengertian bahawa pengalaman lampau Mardiah menjadikan Mardiah berada dalam trauma psikologi. Ini kerana jelas perkataan ngeri membawa makna ketakutan terhadap sejarah silamnya. Apabila Mardiah berada dalam situasi trauma psikologi, ia seakan tidak mahu menyimpan harapan yang tinggi untuk mendapat kehidupan yang selesa. Pengalaman lampau meletakkan diri Mardiah dalam posisi penyesalan serta berusaha untuk meraih kebahagiaan melalui Darwis. Dalam masa yang sama, Mardiah sentiasa berusaha sedaya upayanya untuk meletakkan dirinya dalam posisi yang baik.

2. Mencatat dialog-dialog tertentu yang mempunyai perkaitan dengan skop kajian. Data ini adalah salah satu contoh daripada dialog Mardiah pada (Babak 1: Hlm.12), yang mengatakan “ *Kita hamba yang lemah pada mata Tuhan. Memang betul. Tapi pada mata manusia? Kita lemah juga? Siapa yang memberi kuasa menentukan seseorang itu lemah seorang lagi tidak?*”. Daripada contoh dialog tersebut dijelaskan bahawa watak Mardiah tidak mempertikaikan kelemahannya sebagai hamba Allah SWT dan sebagai hambaNYA Mardiah mempunyai kekuatan untuk mengubah kehidupannya. Dorongan serta kekuatan yang terbentuk dalam diri Mardiah akibat daripada pengalaman yang dilalui di penjara. Selain itu juga, keikhlasan dan kasih sayang Darwis membina semangat Mardiah untuk terus menuju aktualisasi diri. Oleh sebab itu Mardiah tidak mahu suaminya Darwis terus dipergunakan oleh kuasa yang dipegang manusia. Bagi Mardiah kekuasaan itu pernah menghancurkan kehidupan lampauya. Kekuasaan itu datang dari wang serta status yang membuatkan manusia lemah dan tidak berkeupayaan untuk menentang. Inilah yang menjadi punca Mardiah terjebak dalam masalah sosial sewaktu usia remaja. Dialog ini menjelaskan keberanian Mardiah untuk tidak lagi tunduk pada godaan dan kekuasaan manusia.

3. Mengklasifikasikan data yang telah dicatat kemudian dikategorikan mengikut kumpulan masing-masing. Kumpulan itu terdiri daripada aspek emosi watak Mardiah, konflik kejiwaan watak Mardiah, simbol keunggulan Mardiah dan proses aktualisasi Mardiah.
4. Menganalisis data yang telah diklasifikasikan mengikut kategori seperti melihat aspek emosi watak Mardiah, konflik kejiwaan watak Mardiah, simbol keunggulan Mardiah dalam memiliki potensi tertinggi menurut Maslow. Kemudian data ini dianalisis dengan menggunakan pendekatan kerangka teoritikal yang telah dipilih.
5. Menginterpretasikan proses aktualisasi Mardiah serta melihat keupayaan pengkaji dalam membuat tafsiran dan memberi pemahaman terhadap hasil dapatan kajian.

3.4.2 Prosedur analisis data



Rajah 3.5: Prosedur analisis data yang memperlihatkan peringkat dalam melaksanakan proses analisis data mengikut kaedah pendekatan psikologi sastera.

Sepertimana rajah 3.5 yang dikemukakan di atas mengenai prosedur analisis data. Prosedur ini melibatkan aktiviti penyelidikan yang bermula dari awal hingga ke peringkat akhir kajian. Prosedur penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji terdiri dari beberapa peringkat. Antara peringkat penyelidikan tersebut adalah seperti berikut.

- 1) Membaca secara ktitikal naskhah *Pokok* karya Johan Jaaffar secara berulang kali. Pengkaji memulakan pembacaan terhadap naskhah ini pada bulan Julai 2020. Pada sekitar bulan Ogos, pengkaji mendapati terdapat satu watak yang menarik untuk dijadikan bahan atau objek penyelidikan dalam kajian ini. Setelah membuat penelitian berulang kali melalui pembacaan, pengkaji mendapati terdapat watak yang mempunyai kriteria yang menarik serta unik untuk dijadikan bahan

penyelidikan. Watak tersebut adalah watak wanita yang dikenali sebagai Mardiah. Namun begitu pengkaji juga melihat watak-watak lain yang dirasakan mempunyai daya tarikan bagi menjalankan penyelidikan. Meskipun begitu pengkaji mengulang kembali pembacaan agar dapat membuat keputusan yang tepat bagi memberi pemahaman yang lebih jelas mengenai watak yang terdapat dalam naskhah *Pokok* karya Johan Jaaffar.

Sekitar bulan Oktober 2020 pengkaji telah membuat keputusan berdasarkan pembacaan yang teliti dengan memilih watak Mardiah sebagai bahan penyelidikan dalam konteks psikologi. Pemilihan ini dibuat kerana pengkaji melihat satu pendekatan teoritikal yang dapat memperlihatkan psikologi watak Mardiah dengan lebih mendalam. Sehubungan dengan itu juga pengkaji melihat sumber tambahan yang boleh menyokong kekuatan watak Mardiah adalah melalui cerpen *Potret Seorang Anu Sebagai Anu* karya Johan Jaaffar. Pengkaji memperolehi cerpen ini dalam bulan Januari 2021 daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Dalam cerpen ini terdapat satu watak wanita iaitu Ji yang dijadikan inspirasi penulis untuk melahirkan watak Mardiah dalam naskhah *Pokok*. Watak Ji dalam cerpen tersebut bukanlah satu watak utama namun tingkah laku watak Ji boleh dijadikan rujukan untuk membantu pengkaji mendapatkan sumber mengenai watak Mardiah.

- 2) Mengumpulkan data yang memperlihatkan aspek emosi watak Mardiah seperti kemarahan, kesedihan, keberanian, kejutan, kegembiraan, kesenangan serta seorang yang agresif dalam mempertahankan kehendak yang diinginkan. Selain daripada itu dalam pengumpulan data ini juga boleh dilihat Mardiah seorang bekas banduan yang ingin melakukan perubahan dalam kehidupan. Manakala data lain yang terdapat dalam watak Mardiah ialah konflik watak Mardiah, simbol keunggulan watak Mardiah dan proses Mardiah dalam mencapai aktualisasi diri

seperti contoh dalam dialog Mardiah pada (Babak 3: Hlm.37) “*Saya memilih untuk jadi huduh di sini Tuk Kaya. Sebab saya mahu jadi baik. Biarlah saya susah, asalkan saya menjadi lebih baik. Itulah pilihan saya Tuk Kaya. Saya mohon maaf. Hormatilah permintaan saya*”.

- 3) Pemilihan data. Mengumpulkan bahan-bahan yang membantu pengkaji dalam melaksanakan kajian penyelidikan ini. Bahan-bahan itu adalah naskhah *Pokok* yang menjadi data sekunder serta cerpen *Potret Anu Sebagai Anu* dan rakaman video pementasan teater *Pokok*. Pemilihan data tertentu yang bersesuaian dengan skop kajian adalah seperti dialog-dialog Mardiah, petikan daripada perenggan yang terkandung dalam cerpen serta emosi yang diperlihatkan oleh pelakon dalam membawa peranan sebagai Mardiah. Dialog yang dinyatakan di atas adalah seperti contoh “*Kalau awak tak ambil saya, mungkin saya masuk penjara lagi. Entah-entah sampai tua saya keluar masuk penjara*” (Babak 1: Hlm.4). Sehubungan dengan itu petikan daripada cerpen diambil bagi melihat inspirasi watak Ji yang digambarkan oleh penulis dalam pembinaan watak Mardiah. Seperti yang terdapat dalam petikan cerpen iaitu:

Mereka akan bertegang urat. Kadang-kadang riuh rendah pub itu. Ji tidak peduli. Ji tuang bir ke gelas kosong. Ji bawakan kacang atau keropok atau ashtray. Ji peduli apa kalau mereka cakap hal yang pelik-pelik. Petikan ini diperolehi pada perenggan (4: Hlm.65). Manakala data daripada rakaman video dikemukakan bagi melihat ekspresi secara nyata oleh pelakon iaitu Haliza Misbun yang memainkan peranan watak Mardiah. Contoh data tersebut ialah ungkapan dialog Mardiah pada babak kedua minit 32:08 iaitu “*Pandai Bang Mud. Tapi dia kacau saya juga. Sebab itu saya desak Darwis, ajak dia pindah. Saya kata, di sini bukan tempat membesarkan anak. Kita kena cari tempat lain. Kita kena besarkan anak kita di tempat lain. Apa nak jadi kalau anak kita besar di sini. Siang malam*

saya desak dia. Saya takut Bang Mud. Lepas ngandung ni Tuk Kaya akan kacau saya lagi. Kenapa dia kacau saya?”.

- 4) Menganalisis serta memberi interpretasi data dalam dokumen yang telah dipilih bersesuaian dengan teori psikologi humanistik Maslow yang berbentuk kata, frasa, perenggan dan wacana. Data tersebut merupakan tuntutan keperluan fisiologi yang diperlukan oleh Mardiah iaitu seperti contoh dialog yang dinyatakan pada (Babak 1: Hlm.8) “ *Biar saya habiskan! Saya tak tahu sama ada saya selamat melahirkan anak anak dengan keadaan saya begini. Dengan keadaan pemakanan saya. Kesihatan saya. Patutnya kita Di hospital, menunggu masa anak kita keluar. Tapi kita kat bawah pokok ni, dalam hutan, jauh dari orang. Kalau takda masalah, mungkin saya hidup, bayi selamat, kalau ada masalah, mungkin saya mati. Atau bayi hidup. Atau kedua-duanya sekali hidup atau mati”.*
- 5) Membuat kesimpulan hasil daripada analisa data dalam naskhah dengan menggunakan kerangka teoritikal psikologi humanistik Maslow dengan melihat lima keperluan hierarki. Keperluan itu merupakan keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan dan aktualisasi diri.

3.5 Rumusan

Bab ini telah membincangkan penjelasan yang terperinci mengenai metodologi kajian yang telah digunakan dalam penyelidikan ini. Ia merangkumi penjelasan mengenai reka bentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian psikologi watak Mardiah. Melalui reka bentuk kajian, pengkaji berhasil mengklasifikasikan setiap data untuk dianalisis serta diinterpretasi bagi menjawab persoalan dan objektif kajian yang telah dikemukakan, mengikut kesesuaian yang diperlukan dalam melihat watak Mardiah mencapai proses aktualisasi diri. Melalui bab ini juga, pengkaji memperolehi

setiap data menerusi teknik pengumpulan data yang menghasilkan setiap pengalaman watak Mardiah dalam menuju proses aktualisasi diri. Sehubungan dengan itu, hasil daripada pengumpulan data yang diperolehi pengkaji membuat pengesahan pada setiap data melalui teknik analisis serta prosedur analisis data agar dapat memahami keseluruhan keperluan yang dituntut oleh watak Mardiah. Oleh yang demikian setiap data yang telah diperolehi akan dibawa pada bab yang seterusnya bagi mendapatkan pengesahan melalui analisis dan dapatan kajian untuk melengkapi penyelidikan ini.

Universiti Malaya


BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab empat ini akan dikemukakan latar belakang watak dan perwatakan Mardiah mengikut *character bone structure* yang telah disarankan oleh Lajos Egri. Maka dengan itu pengkaji menjelaskan watak dan perwatakan Mardiah kepada tiga bahagian iaitu fisiologi, sosiologi dan psikologi. Penjelasan ini penting agar ia dapat memberi gambaran bagaimana watak Mardiah ini dianalisis serta diinterpretasi. Selain itu juga bab ini akan mengemukakan hasil analisis kajian serta dapatan kajian terhadap watak utama dalam naskhah *Pokok* karya Johan Jaaffar iaitu watak Mardiah.

4.1.1 Watak dan perwatakan Mardiah



Rajah 4.1: *Character Bone Structure* yang telah disarankan oleh Lajos Egri.

a) Kajian fisiologi watak Mardiah

Pengkaji memilih watak wanita yang bernama Mardiah dalam naskhah *Pokok* karya Johan Jaaffar untuk dijadikan bahan penyelidikan, bagi melihat secara mendalam mengenai keseluruhan keperibadian watak Mardiah. Mardiah merupakan seorang wanita muda yang sudah berumahtangga dengan seorang lelaki kudung bernama Darwis. Mardiah berumur 38 tahun. Mardiah juga seorang wanita yang memiliki rupa paras yang

cantik serta mempunyai ketinggian yang sesuai dengan bentuk badannya. Kecantikan Mardiah diakui kerana berdasarkan pada dialog yang dipetik daripada Amud iaitu, “*Aku cakap yang betul. Awak tu macam puteri bunian kat tengah hutan ni*” (Babak 2: Hlm.15). Walaupun Mardiah sedang sarat mengandung, namun Mardiah sentiasa menjaga penampilannya agar sentiasa kemas dan bersih. Hal ini mampu membina aura positif dalam diri Mardiah.

Manakala posisi tubuh badan Mardiah agak ke hadapan kerana berlaku perubahan hormon bagi wanita mengandung. Ini terjadi adalah untuk melembutkan dan melenturkan ligamen bagi melancarkan proses kelahiran. Kadangkala posisi tubuh Mardiah agak ke belakang akibat kesakitan pada bahagian belakang dan pinggul. Keadaan ini berlaku kerana penambahan berat badan, tekanan pada otot belakang juga akan meningkat dan ini menyebabkan ketidakselesaan pada diri Mardiah. Dalam pernyataan ini dapat dilihat melalui dialog Mardiah seperti “*Macam rasa nak beranak saya ni. Dah sampai masa agaknya. Budak dalam ni dah mengelupur nak keluar. Salah-salah hemat air tuban pecah malam ni*” (Babak 1: Hlm.3). Hal ini bersifat normal untuk wanita mengandung. Dalam keadaan yang tidak selesa itu mampu mempengaruhi penampilan serta emosi Mardiah. Oleh sebab itu Mardiah sering menitikberatkan penampilan yang kemas supaya aura positif menjadikan Mardiah seorang yang bersemangat dan berkeyakinan.

Penampilan Mardiah menjadi perhatian masyarakat setempat sejak meningkat remaja sehingga Mardiah mengahwini Darwis. Sejak Darwis membawanya pindah ke hutan tersebut, Mardiah sentiasa menjadi bualan masyarakat sekitar terutamanya Tuk Kaya iaitu majikan Darwis. Penampilan ini juga yang mengubah kehidupan Mardiah. Namun begitu Mardiah sentiasa menjaga maruah dirinya selepas menjadi isteri Darwis dan akan mengelak dari melakukan hal yang pernah dia lakukan pada masa lampau.

b) Kajian sosiologi watak Mardiah

Mardiah dilahirkan dan dibesarkan di kawasan setinggan. Sejak kecil Mardiah hidup dalam kemiskinan. Ayah Mardiah bekerja sebagai buruh kasar manakala ibunya hanya suri rumah sepenuh masa. Mardiah mempunyai seorang abang dan juga seorang adik lelaki. Mardiah adalah anak kedua daripada tiga beradik serta anak tunggal perempuan dalam keluarganya. Abang Mardiah tidak bekerja serta mempunyai masalah sosial iaitu merompak dan seorang yang tidak bertanggungjawab. Melalui kenyataan di atas, dapat dibuktikan bahawa Mardiah dibesarkan dalam persekitaran yang tidak sihat. Sepertimana yang terdapat dalam ungkapan dialog Mardiah yang berbunyi “ *Jujur tak bawa kita ke mana Darwis. Ayah saya orang jujur. Kerja jujur. Tak ambil rasuah. Kerja lurus. Kawan-kawan lain buat duit. Ayah saya pilih untuk hidup jujur. Biar hidup susah. Saya redha, katanya. Kami hidup susah. Bila dia meninggal, abang saya jadi perompak. Saya jadi penagih dadah dan pencopet kemudian merompak. Adik saya keluar masuk pusat pemulihan. Itulah harga kejujuran buat saya*” (Babak 1: Hlm.7).

Persekitaran setinggan antara salah satu punca Mardiah menjadi seorang yang liar dan mudah terpengaruh dengan anasir-anasir yang tidak sihat. Kebanyakan anak-anak setinggan di kawasan tersebut tidak mempunyai peluang untuk mendapatkan pendidikan secara formal akibat daripada masalah kewangan dan status ekonomi mereka. Apabila Mardiah tidak mendapat pendidikan yang sempurna, hal ini menjadi kesan ke atas tingkah laku, pemikiran serta caranya berinteraksi dengan masyarakat sekitar. Kesan ini menjadikan perkembangan pembesaran Mardiah tidak memberangsangkan. Hal ini berlanjutan terjadi pada Mardiah selepas kematian kedua ibu bapanya. Kehidupan Mardiah dan adiknya terabai kerana tidak mendapat perhatian yang baik dari abangnya. Kesan daripada itu juga, adiknya sering keluar masuk pusat pemulihan akibat ketagihan dadah. Kejadian ini memberi impak besar pada jiwa Mardiah.

Atas desakan ini Mardiah mengambil jalan pintas untuk menyara dirinya sendiri. Mardiah mula belajar mencuri, menjual ganja serta dadah untuk mendapatkan keperluan seharian. Disebabkan tindakan ini, Mardiah akhirnya terjebak dalam penyalahgunaan dadah. Perbuatan Mardiah bertujuan untuk menghilangkan kesedihan dan tekanan pada jiwanya. Maka dengan itu, Mardiah hidup berpelesenan di jalanan dan mula terdedah dengan pelbagai aktiviti yang tidak sihat. Tindakan yang diambil Mardiah adalah untuk mencari kepuasan dan melepaskan kekecewaan terhadap dirinya sendiri. Kekecewaan itu terjadi kerana Mardiah kurang mendapat kasih sayang serta didikan dari segi agama dan moral daripada kedua ibu bapanya semasa mereka masih hidup. Oleh kerana kesibukan ayahnya untuk memenuhi keperluan hidup bagi menyara keluarganya menyebabkan Mardiah dan adik beradiknya merasa terabai.

Sehubungan dengan itu juga tindakan serta perbuatan Mardiah berada dalam landasan yang salah kerana kurang kepercayaannya kepada Tuhan. Mardiah tidak mendapat pendidikan asas islam yang baik bagi melengkapi kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan. Disebabkan itu Mardiah juga terlibat dalam aktiviti seksual bagi melupakan kesedihan serta mencari kepuasan untuk dirinya sendiri. Perasaan seronok menyelubungi kehidupan Mardiah. Ditambah pula dengan kecantikan yang dimilikinya membuatkan ramai lelaki tertarik untuk melepaskan nafsu mereka pada Mardiah. Dalam masa yang sama, Mardiah menggunakan kecantikannya itu menggoda lelaki-lelaki kaya untuk kesenangan dirinya. Tindakan ini menjadikan Mardiah semakin hanyut dengan dunia gelapnya.

c) Kajian psikologi watak Mardiah

Kebebasan dalam pergaulan menjadikan Mardiah sering bertukar pasangan. Perkara ini berlaku pada watak Mardiah kerana ingin melupakan keperitan hidup yang dialami sejak kecil. Oleh kerana sering bertukar pasangan, Mardiah kerap kali mengandung anak luar nikah dan menggugurkan kandungan itu agar dia boleh bebas

melakukan aktiviti yang tidak bermoral serta tidak mahu terikat dengan komitmen. Pengguguran ini juga membawa kesan fizikal dan mental kepada Mardiah. Kesan ini telah menjadikan Mardiah seorang yang pemarah, sentiasa berpandangan negatif terhadap masyarakat persekitaran, rasa rendah diri serta gelisah yang tidak pernah padam.

Selepas Mardiah berumahtangga dengan Darwis, Mardiah dapat melihat matlamat hidupnya jelas iaitu untuk berubah serta menjadi orang yang baik. Mardiah ingin menjadi lebih baik dari sebelumnya walaupun hidup dalam serba kekurangan. Di sini pengkaji dapat melihat watak Mardiah mempunyai motivasi yang tinggi untuk berubah. Motivasi ini didorong oleh rasa keinginan untuk mencapai kesempurnaan dan kepuasan dalam hidupnya. Selain daripada itu, Mardiah juga perlu berhadapan dengan konflik masyarakat persekitaran yang sentiasa berpandangan buruk terhadap bekas banduan sepertinya. Namun begitu, Mardiah seorang wanita yang kuat untuk mengubah perilaku supaya kehidupannya menjadi lebih baik. Dorongan ini muncul disebabkan rasa bersalah dan penyesalan atas perbuatan masa lalunya.

Namun begitu pengalaman lampau telah membentuk sikap Mardiah yang sentiasa berada dalam keraguan serta curiga atas kebaikan orang disekelilingnya. Seperti yang terdapat dalam naskhah, Mardiah sering menganggap suaminya seorang yang tidak mempunyai masa depan. Ini disebabkan keengganan Darwis untuk berpindah ke tempat yang lebih selesa. Oleh kerana itulah Mardiah sering mendesak suaminya untuk mencari tempat tinggal yang baru dan memberi keselesaan kepadanya selepas melahirkan anak. Faktor ini terjadi disebabkan Tuk Kaya yang sering mengganggu Mardiah tanpa pengetahuan suaminya. Hal ini menyebabkan Mardiah merasa rendah diri dan tidak dihargai oleh orang sekeliling. Namun begitu Mardiah sentiasa bertahan dengan pendiriannya untuk berubah menjadi lebih baik agar keyakinan dirinya untuk berhadapan dengan masyarakat menjadi lebih tinggi. Oleh disebabkan itulah Mardiah memiliki

matlamat dan keinginan untuk mencapai aktualisasi diri dengan memenuhi keperluan-keperluan yang selama ini tidak mampu dipenuhi dengan sempurna.

Selain daripada itu watak Mardiah juga seorang yang mempunyai sifat *extrovert*. Hal ini boleh dilihat melalui naskhah *Pokok* yang memberi gambaran sikap Mardiah yang mudah berkomunikasi dan bersosial. Penampilan Mardiah juga memperlihatkan beliau sentiasa mempunyai keyakinan diri yang tinggi serta mudah didampingi. Namun begitu sikap ini juga boleh menyebabkan berlakunya gangguan psikologi terhadap watak. Hal ini berlaku pada Mardiah disebabkan sikapnya yang mudah terpengaruh dengan dunia luar serta pergaulan yang salah sehingga membinasakan kehidupannya. Walaupun begitu terdapat juga kelebihan dalam diri Mardiah. Mardiah digambarkan seorang yang bekerja keras untuk memberi penghidupan yang baik pada dirinya sendiri. Walaupun Mardiah terpaksa melakukan kerja yang menyalahi undang-undang bagi menyara kehidupannya. Berhubung itu juga, watak Mardiah mempunyai kemahiran sosial yang tinggi dalam pergaulan.

Kemahiran sosial inilah yang menjadikan Mardiah mampu bertahan hidup di kota besar tanpa mengharap belas ehsan orang lain. Sikap ini memperlihatkan watak Mardiah seorang yang berdikari dalam segala hal. Mardiah juga seorang pendengar yang baik. Oleh sebab itu Mardiah sering meluahkan masalah yang dihadapinya pada Amud, sahabat baik suaminya. Hal ini boleh dilihat dalam dialog Mardiah iaitu, “ *Mujur dia dapat kerja dengan Tuk Kaya. Tapi Bang mud tahulah Tuk Kaya tu. Selalu datang sini. Kacau saya masa Darwis tak ada. Macam-macam alasannya*” (Babak 2: Hlm.23).

Bahagian seterusnya akan mengemukakan data-data analisis watak Mardiah serta membincangkan hasil analisis serta dapatan kajian yang melibatkan watak Mardiah dalam menuju proses aktualisasi diri.

4.2 Data analisis watak Mardiah

Hasil analisis serta dapatan yang akan dikemukakan melibatkan empat data utama proses Mardiah mencapai aktualisasi diri. Data-data tersebut telah diklasifikasikan dalam bentuk jadual seperti yang dinyatakan pada setiap data analisis.

- 1) Aspek emosi watak Mardiah.
- 2) Konflik watak Mardiah.
- 3) Simbol keunggulan watak Mardiah.
- 4) Proses aktualisasi Mardiah

Analisis ini akan dilihat berdasarkan teori psikologi humanistik Maslow yang mengandungi lima prinsip keperluan hierarki Maslow. Melalui analisis ini, boleh dilihat terdapat beberapa keperluan yang mampu dipenuhi oleh Mardiah menjadi faktor utama watak ini berkembang, sesuai dengan keunikan serta potensi yang dimiliki Mardiah. Hal ini juga mempengaruhi keseluruhan keperibadian Mardiah untuk menuju ke arah aktualisasi dalam kehidupannya. Berikut adalah hasil analisis ke atas psikologi watak Mardiah dalam mencapai proses aktualisasi diri.

4.3 Aspek emosi watak Mardiah

Aspek emosi yang terkandung dalam watak Mardiah boleh menjadi salah satu penyebab emosi positif dan emosi negatif yang dialami oleh watak Mardiah. Menurut Maslow dalam Minderop (2018: 50), teori motivasi dengan pendekatan keperluan peningkatan menyatakan bahawa setiap individu perlu terlebih dahulu mencapai keperluan yang paling dasar iaitu keperluan paling bawah sebelum berkemampuan mencapai keperluan yang paling atas. Dalam hal ini Maslow juga menyatakan, setiap individu tidak boleh mencapai peningkatan yang paling atas sebelum memenuhi keperluan yang paling bawah iaitu keperluan fisiologi. Sehubungan dengan itu manusia diciptakan dengan adanya domain penting dalam diri iaitu emosi. Oleh sebab itu emosi

yang diperlihatkan Mardiah melalui bentuk dialog serta tindakan yang bertujuan untuk memenuhi kepuasan dirinya sendiri.

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2007: 388), emosi membawa maksud perasaan jiwa yang kuat seperti sedih, marah, kecewa, kasih sayang, ketakutan dan ketenangan jiwa. Melalui aspek emosi yang telah disarankan oleh Maslow terbahagi kepada dua aspek iaitu emosi positif dan emosi negatif. Spesifikasi yang mengandungi penjelasan aspek emosi turut dinyatakan pada jadual 4.2 iaitu data aspek emosi watak Mardiah. Aspek emosi ini mengandungi beberapa emosi yang telah diklasifikasikan mengikut pembacaan pengkaji melalui naskhah *Pokok*. Sehubungan dengan itu, antara emosi yang telah dihasilkan oleh Mardiah adalah kesedihan, kekecewaan, ketakutan, kemarahan, ketenangan jiwa dan kasih sayang. Oleh yang demikian pengkaji akan menjelaskan secara terperinci mengenai emosi yang diperolehi dalam watak Mardiah.

No. Data	Kutipan Data	Halaman / durasi masa	Aspek emosi watak Mardiah	Keterangan
1.	<i>Mardiah : Tak ada siapa mahukan saya! (ketawa) kalau awak tak ambil saya jadi bini takda siapa mahukan saya.</i>	Babak 1: Hlm.4	Kesedihan	Kutipan data tersebut menjelaskan terdapat penyesalan dalam diri watak Mardiah. Hal ini menggambarkan emosi Mardiah yang merasa kesal akibat daripada pengalaman lampaunya. Emosi ini adalah refleks daripada penerimaan Darwis terhadapnya. Faktor yang menjadi penyebab emosi negatif dialami oleh watak Mardiah adalah kekurangan dalam keperluan fisiologi. Punca ini berlaku adalah daripada pengalaman kanak-kanaknya yang tidak mendapat keperluan yang secukupnya untuk berkembang secara sihat.
2.	<i>Mardiah: Saya bekas banduan Darwis. Saya tak ada mimpi. Saya hanya ada igauan. Selalunya igauan saya ngeri. Sebab saya tahu kenyataan hidup ini. Bukan manis</i>	Babak 1: Hlm.6	Kekecewaan	Kutipan data tersebut mengarahkan kepada emosi yang bersifat negatif. Hal ini terjadi pada Mardiah adalah disebabkan kesilapan lampaunya yang merosakkan keinginan serta kehendaknya. Reaksi yang dinyatakan dalam

	<p><i>selalu. Bukan macam cerita filem yang awak pernah tengok. Atau harapan dalam kepala orang baik macam awak. Bagi saya, semua tu dah tak ada. Dah mati.</i></p>			<p>perbualan antara Mardiah dan Darwis memperlihatkan bagaimana Mardiah bertahan untuk hidup dalam penjara. Oleh sebab itu Mardiah mengalami trauma psikologi akibat kekecewaan dalam memenuhi keperluan hidup.</p>
3.	<p><i>Mardiah: Biar saya habiskan! Saya tak tahu sama ada saya selamat melahirkan anak dengan keadaan saya begini. Dengan keadaan pemakanan saya. Kesihatan saya. Patutnya kita di hospital, menunggu masa anak kita keluar. Tapi kita kat bawah pokok ni, dalam hutan, jauh dari orang. Kalau takda masalah, mungkin saya hidup, bayi selamat, kalau ada masalah, mungkin saya mati atau bayi hidup. Atau kedua-duanya sekali hidup atau mati.</i></p>	Babak 1: Hlm.8	Ketakutan	<p>Penyataan dialog Mardiah ini merupakan emosi negatif yang wujud sejak Mardiah lahir. Ini kerana kutipan dialog tersebut menggambarkan Mardiah takut kemiskinan keluarga akan terpalit kepada anak yang bakal lahir. Ketakutan ini berdasarkan pada pengalaman Mardiah dari zaman kanak sehingga dia memasuki penjara atas kesalahan merompak dan mengedar dadah.</p> <p>Terdapat banyak sebab yang menjadi penyebab emosi takut melingkari watak Mardiah seperti, takut jika sesuatu yang buruk berlaku pada anaknya. Pengaruh daripada emosi takut ini menjadikan tingkah laku Mardiah cenderung bersikap agresif kesan daripada keadaan Mardiah yang sedang sarat mengandung.</p>
4.	<p><i>Mardiah: Dia lahir dengan cap 'papa' pada dahinya. Dia akan papa selamanya. Macam ayahnya. Macam emaknya. Kalau nasibnya baik dia tidak jadi hamba macam ayahnya atau bekas banduan macam emaknya.</i></p>	Babak 1: Hlm.11	Kemarahan	<p>Kemarahan ini dipengaruhi oleh emosi yang dibawa daripada zaman remajanya. Mardiah melihat kemiskinan itu daripada ayahnya sendiri. Kesan kemarahan ini menjadi faktor Mardiah mendesak Darwis untuk berpindah daripada hutan dan mencari rezeki di tempat lain.</p>
5.	<p><i>Mardiah: Saya tak mahu jadi diri saya sendiri, Darwis. Untuk kita, saya tak mahu jadi diri saya sendiri lagi.</i></p>	Babak 1: Hlm.13	Ketenangan jiwa	<p>Kutipan data tersebut memperlihatkan bahawa Mardiah mempunyai keinginan untuk melakukan perubahan dalam hidupnya. Dialog tersebut menggambarkan Mardiah mengalami emosi positif untuk keluar daripada rasa kecewa akibat daripada lingkungan sosial sewaktu remaja.</p>

				<p>Tujuannya adalah untuk memenuhi keperluan yang selama ini tidak mampu dipenuhi. Namun setelah berkahwin dengan Darwis, Mardiah dapat melihat potensi yang dimilikinya.</p> <p>Selain daripada itu pernyataan Mardiah tersebut turut menjelaskan bahawa perubahan yang diusahakannya akan menjadikan dia terus bermotivasi untuk mencapai matlamat.</p>
6.	<i>Mardiah: Saya kadang-kadang rasa bersalah pada Darwis.</i>	Babak 2: Hlm.18	Kasih sayang	<p>Perbualan antara Mardiah dan Amud banyak menyedarkan Mardiah tentang kebaikan Darwis. Daripada itu wujud emosi yang positif apabila mendengar perjuangan Darwis demi memenuhi kelangsungan hidupnya. Walaupun Mardiah sering kali bertingkah laku kasar terhadap suaminya, perasaan sayang itu tersedia wujud apabila pertama kali Mardiah berjumpa dengan Darwis.</p>

Jadual 4.2: Aspek emosi watak Mardiah dilihat berdasarkan keperluan hierarki yang disarankan oleh Maslow

Penjelasan jadual 4.2 di atas adalah kutipan data yang mengandungi aspek emosi watak Mardiah. Kutipan data ini menjelaskan keseluruhan spesifikasi aspek emosi melalui tingkah laku, tindakan serta pemikiran watak Mardiah berdasarkan saranan Maslow dalam teori motivasi humanistik dengan pendekatan keperluan hierarki yang mempunyai lima peringkat. Di dalam saranan atau pandangan Maslow mengenai aspek emosi ini adalah terdiri daripada emosi positif dan emosi negatif. Pengkaji menemui dua aspek emosi yang dialami oleh watak Mardiah. Aspek emosi positif yang terdapat dalam watak Mardiah adalah terdiri daripada ketenangan jiwa dan kasih sayang. Ini boleh dilihat pada nombor data nombor lima (5) dan data nombor enam (6). Manakala emosi negatif merupakan kesedihan, kekecewaan, ketakutan dan kemarahan. Data ini boleh dilihat pada nombor data yang pertama (1), dua (2), tiga (3) dan empat (4).

Sehubungan dengan itu data ini akan dianalisis dengan melihat keperluan-keperluan yang disediakan Maslow bagi memperlihatkan penyebab emosi-emosi yang dialami Mardiah. Ini kerana aspek emosi positif dan negatif dapat mempengaruhi psikologi Mardiah dalam memenuhi setiap keperluan yang disarankan. Keperluan yang digunakan dalam data aspek emosi watak Mardiah berdasarkan keperluan fisiologi, keperluan keselamatan dan keperluan kasih sayang.

4.3.1 Kesedihan

Kesedihan yang dialami oleh watak Mardiah adalah mempunyai kaitan dengan kehilangan orang tuanya serta kehancuran masa depannya akibat tindakan yang dilakukan pada zaman remaja. Kesan daripada itu menyebabkan Mardiah terpaksa menjalani kehidupan yang panjang di penjara. Selain daripada itu, kesedihan yang dialami Mardiah dalam penjara menyebabkan Mardiah sukar untuk bergaul dengan rakan-rakannya yang lain. Kesedihan itu dipendam sendiri oleh Mardiah. Dalam masa yang sama, kehilangan ayah dan ibunya semasa remaja memberi implikasi yang besar pada Mardiah. Hal ini menyebabkan Mardiah hilang tempat bergantung selepas kematian kedua ibu bapanya, tidak ada sesiapa yang mengambil berat mengenai perihal dirinya lagi. Akibat daripada kesedihan yang mendalam, Mardiah memilih hala tuju yang bertentangan daripada landasan hidupnya. Oleh yang demikian, kesedihan itu semakin berlanjutan selepas Mardiah dikenakan hukuman penjara kerana merompak dan mengedar dadah. Dalam usia yang masih muda Mardiah perlu menghabiskan sisa remaja dalam lingkaran yang tidak sihat dan tertekan. Emosi kesedihan Mardiah dapat digambarkan melalui dialog Mardiah dalam kutipan seperti berikut.

“Tak ada siapa mahukan saya! Kalau awak tak ambil saya jadi bini takda siapa yang mahukan saya”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.4)

“ Kalau awak tak ambil saya, mungkin saya masuk penjara lagi. Entah-entah sampai tua saya keluar masuk penjara”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.4)

“ Saya harap saya boleh jadi isteri yang lebih baik”.

(Mardiah. Babak 2: Hlm.18)

“ Dia selamatkan saya. Kalau dia tak ambil saya, entah apa jadinya saya ni”.

(Mardiah. Babak 2: Hlm.18)

Kutipan pernyataan di atas menjelaskan bahawa Mardiah ingin menyatakan bahawa, tidak akan ada lelaki jujur seperti Darwis yang dapat menerimanya sebagai seorang bekas banduan. Selain daripada itu, dialog tersebut juga memperlihatkan bahawa Mardiah sudah tidak mempunyai sesiapa lagi dalam dunia melainkan suaminya. Oleh itu, salah satu faktor kesedihan Mardiah adalah akibat pengalaman buruk yang dilaluinya telah meletakkan harga dirinya rendah dalam masyarakat kerana kesalahan lampaunya. Namun begitu, Darwis banyak membantu Mardiah selepas keluar daripada penjara dan seterusnya mengambil Mardiah sebagai isteri. Dalam dialog tersebut juga menjelaskan keluhuran hati Darwis memperisterikan Mardiah tanpa memandang masa lalu Mardiah yang gelap. Hati Mardiah tersentuh dengan keikhlasan serta keluhuran Darwis tanpa mempersoalkan latar belakang hidupnya. Kesedihan yang dialami Mardiah juga mengakibatkan timbul penyesalan atas tindakan yang pernah dilakukan kerana menurut gerak hati tanpa menggunakan akal fikiran. Tujuannya adalah ingin melepaskan rasa kesedihan terhadap sikap ayahnya yang tidak mahu mengubah kehidupan mereka. Bermula dari situ Mardiah mencari jalan penyelesaian sendiri untuk menyesuaikan diri dengan mencari jalan lain untuk meneruskan hidup sehingga terkandas di landasan yang salah.

Manakala punca-punca lain yang mempengaruhi faktor kesedihan Mardiah adalah melibatkan peristiwa sewaktu tempoh pembesarannya. Hal tersebut mempengaruhi keseluruhan emosi Mardiah. Sehubungan dengan itu, emosi Mardiah mudah tersentuh melihat kebahagiaan rakan-rakan di persekitarannya. Perasaan ini bergelumang dalam diri Mardiah dan menuntut beliau untuk memenuhi keperluan itu dengan usahanya sendiri.

Namun begitu dalam konteks Haliza Misbun, beliau melihat watak Mardiah mengalami kesedihan kesan daripada peristiwa yang berlaku pada dirinya. Peristiwa itu meninggalkan titik hitam dalam hati Mardiah. Oleh yang demikian akibat kesan daripada tersalah membuat pilihan menyebabkan Mardiah perlu menghadapi hukuman dunia. Hal ini menyebabkan Mardiah tidak mampu melepaskan rasa kesedihan yang terbuku di hatinya sehingga emosi tersebut menjadi bebanan dalam jiwanya.

Maka dengan itulah Mardiah masih membawa perasaan sedih apabila sudah berkahwin dengan Darwis. Emosi ini berlaku kerana jiwa Mardiah mudah terkesan dengan sindiran mahupun kekasaran yang melibatkan dirinya dan Darwis. Berdasarkan pada kutipan dialog di atas, refleksi emosi ini berlaku pada Mardiah kerana Darwis sentiasa mengelak dan memberi alasan untuk tidak berbahas dengan Mardiah apabila isu untuk keluar dari hutan serta berpindah ke tempat yang lebih baik. Namun begitu kesedihan yang dialami Mardiah tidak diperlihatkan dihadapan Darwis. Mardiah mengungkapkan dialog tersebut adalah untuk berkongsi kesedihan dengan suaminya. Mardiah tidak mahu menyimpan kesedihan yang berpanjangan dalam hidupnya dan Mardiah ingin membebaskan rasa sedih yang terbuku di hatinya selama ini. Dengan membebaskan jiwanya dari kesedihan akan membolehkan Mardiah mencapai kebahagiaan yang diinginkan selama ini. Oleh sebab itu Mardiah berusaha untuk melakukan perubahan dalam hidupnya bagi meningkatkan perkembangan yang positif.

4.3.2 Kekecewaan

Perasaan kecewa sewajarnya dialami oleh setiap manusia kerana ini adalah lumrah dalam menjalani kehidupan seharian. Kekecewaan ini turut dialami oleh watak Mardiah dalam naskhah *Pokok*. Melihat pada kutipan dialog yang diungkapkan Mardiah seperti berikut.

“ Saya bekas banduan Darwis. Saya tak ada mimpi. Saya hanya ada igauan, selalunya igauan saya ngeri. Sebab saya tahu kenyataan hidup ini bukan manis selalu. Bukan macam cerita filem yang awak pernah tengok. Atau harapan dalam kepala orang baik macam awak. Bagi saya, semua tu dah tak ada. Dah mati ”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.6)

“ Itu sekolah saya, Universiti saya. Saya sekolah tak sampai kemana. Penjara sekolah saya. Saya banyak belajar tentang kehidupan di penjara. Saya habiskan lebih banyak masa dewasa saya dalam penjara dari di luar. Awak tahu itu”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.8)

“ Biar saya luahkan perasaan saya malam ni. Macam saya kata, bila saya beranak entah hidup entah tidak. Biar saya luahkan apa yang berbuku dalam hati saya. Kalau saya mati, awak akan ingat apa yang saya kata. Saya tak ada harta nak tinggalkan pada awak. Saya tak tahu saya isteri yang baik pada awak. Lagipun mulut saya ni belum tentu boleh jamin saya isteri yang mengiringi awak ke syurga”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.9-10)

“ Masa saya dalam penjara saya kenal seorang banduan, sama umur dengan mak saya. Masuk dalam sebab sabit kesalahan menyebabkan kematian. Di penjara 20 tahun. Dia ditakuti oleh semua orang. Macam ketua tak rasmi pada banduan. Saya benci dia. Bukan kerana dia besar dan ditakuti tapi kerana saya kecil dan lemah. Saya cemburu kerana dia dihormati. Warden pun perlukan bantuan dia. Saya sengaja cari jalan untuk menjauhkan dirinya. Tapi saya memerhatikan gerak lakunya. Sebetulnya saya mahu menjadi dirinya. Berkuasa, hebat, ditakuti malah dihormati”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.11-12)

“ Kita tak boleh jadi sesiapa Darwis”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.13)

Dialog di atas menggambarkan bahawa Mardiah ingin menjelaskan kepada Darwis mengenai latar belakang hidupnya yang sentiasa bermasalah. Secara tidak langsung kata-kata Mardiah mengarahkan kepada emosi yang bersifat negatif. Emosi kecewa yang dimiliki Mardiah tergambar apabila mengungkapkan dialog tersebut dan memperlihatkan kekecewaan Mardiah terhadap masa lalu yang telah meragut kebahagiaannya. Mardiah senantiasa terbayang setiap kesilapan yang pernah dia lakukan sewaktu remaja. Walaupun begitu, Mardiah telah menerima hukuman undang-undang atas kesalahan yang dilakukan. Namun rasa bersalah dan berdosa pada dirinya sendiri menjadikan Mardiah putus harapan untuk membina impian yang pernah menjadi matlamat dalam hidupnya. Apatah lagi apabila keluar dari penjara, Mardiah melihat masyarakat sekitar agak sukar menerimanya dengan perspektif yang positif. Ini

menimbulkan kurangnya rasa percaya pada diri sendiri dan mengakibatkan emosi negatif iaitu kekecewaan bersarang dalam diri Mardiah.

Penyebab atau faktor yang membuatkan Mardiah berada dalam emosi kecewa adalah kesan daripada kesusahan hidup, tidak mendapat pendidikan formal yang sempurna, kurang mendapat perhatian daripada keluarganya serta tekanan yang dialami sewaktu dalam penjara. Hal tersebut secara tidak langsung memberi kesan atau pengaruh kepada jiwa dan mental Mardiah untuk berhadapan dengan masyarakat. Kesan kehidupan dalam penjara antara faktor Mardiah mengalami kekecewaan tentang dunia luar dan terhadap diri sendiri. Hal ini menjadi penyebab Mardiah merasa jiwanya kosong dan tidak bermakna. Namun begitu Mardiah cuba melawan kekecewaan yang membelenggu hidupnya selama ini dengan aktiviti yang memberi manfaat kepada jiwanya. Mardiah bertekad untuk tidak terpengaruh dengan luaran yang kelihatan indah sahaja, kerana di sebalik keindahan itu belum tentu ada ketenangan dan kebahagiaan. Mardiah merasa puas menikmati kegemerlapan dan keindahan itu sehingga pada akhirnya Mardiah mengalami kekecewaan akibat terkandas di kemuncak keindahan tersebut.

Manakala kekecewaan yang paling terkesan dalam hidup Mardiah, apabila dia tidak mempunyai peluang untuk mendapat pendidikan formal yang sempurna sama seperti rakan sebayanya. Akibat daripada rasa kecewa, Mardiah mengheret dirinya sendiri ke landasan yang salah sehingga Mardiah terperangkap dalam dunia gelapnya sendiri. Oleh sebab itu apabila di penjara, Mardiah menjadi seorang yang pendiam serta kurang bergaul dengan banduan-banduan lain dan sering dimanipulasi oleh mereka yang ingin berkuasa dan berpengaruh. Mardiah hanya menjadi seorang pemerhati pada setiap kejadian dalam penjara. Tindakan Mardiah untuk berdiam diri serta tidak melawan, kerana Mardiah ingin mengubah kehidupannya untuk menjadi lebih baik. Namun kadangkala perasaan yang dipendam adakala meletus apabila berlaku perselisihan faham antara banduan-banduan lain. Sehubungan dengan itu juga, Mardiah dapat melihat ragam

manusia yang sentiasa tamak, ingin berkuasa serta menggunakan kelemahan orang sekeliling. Faktor itu menjadi penyebab jiwa Mardiah memberontak dengan suasana dan persekitaran yang berlaku. Namun Mardiah terpaksa akur dengan kehendak hatinya serta cuba melawan perasaan tersebut agar dia menjadi seorang yang sabar dan tabah. Hal ini kerana Mardiah menyimpan tekad serta meletakkan matlamat yang ingin dicapai bagi menuju kebahagiaan. Oleh sebab itu Mardiah ingin berkelakuan baik supaya dapat diberi pembebasan awal dan tidak lagi melihat keganasan yang menjadi mimpi ngerinya setiap malam.

Dalam pemahaman yang diterjemahkan oleh Haliza Misbun terhadap watak Mardiah, untuk menjadi orang yang baik adalah apabila Mardiah berupaya untuk melepaskan kekecewaan yang di alaminya dengan ikhlas hati. Oleh sebab itu apabila Mardiah keluar daripada penjara dia memilih untuk berhijrah ke tempat lain, kerana bagi Mardiah kota yang pernah menjadi tempat tinggalnya dahulu menjadikan dia manusia yang hipokrit. Sehubungan dengan itu, Mardiah ingin membuang rasa kecewa dan mengenggam satu matlamat yang baru agar dia dapat melupakan kekecewaan yang dialaminya. Kesan daripada kekecewaan yang dialaminya, Mardiah memiliki motivasi yang tinggi untuk mencapai kesempurnaan dalam hidupnya.

4.3.3 Ketakutan

Emosi ketakutan yang dialami Mardiah bersifat negatif serta kompleks. Ini kerana ketakutan yang dialami Mardiah merupakan satu keadaan yang sementara. Punca ketakutan Mardiah adalah satu perubahan emosi untuk wanita hamil dan juga kesan trauma dengan peristiwa lampau yang pernah dialaminya. Penyataan ini dijelaskan melalui dialog Mardiah seperti berikut.

“ Lepas tu kita nak ke mana? Besarkan anak kita dalam hutan ni? Bawah pokok besar ni. Anak kita akan jadi kita juga? Kalau lelaki akan kerja macam awak untuk Tuk Kaya. Kalau perempuan mungkin jadi macam saya, kerja di rumah Tuk Kaya. Basuh baju, bersih rumah, hidang makanan untuk tetamu? ”

(Mardiah. Babak 1: Hlm.5-6)

“ Biar saya habiskan! Saya tak tahu sama ada saya selamat melahirkan anak dengan keadaan saya begini. Dengan keadaan pemakanan saya. Kesihatan saya. Patutnya kita di hospital, menunggu masa anak kita keluar. Tapi kita kat bawah pokok ni, dalam hutan, jauh dari orang. Kalau tak ada masalah mungkin saya hidup, bayi selamat, kalau ada masalah, mungkin saya mati atau bayi hidup. Atau kedua-duanya sekali hidup atau mati”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.8)

“ Satu hari nanti pokok ini akan tua, akan tumbang bersama kita, dan mungkin anak kita”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.9)

Pernyataan dialog di atas menggambarkan ketakutan Mardiah untuk melahirkan anak dalam persekitaran yang tidak sempurna. Kesempurnaan yang diperlukan oleh Mardiah adalah kemudahan yang lengkap untuk melahirkan anak. Kesan ketakutan yang timbul pada watak Mardiah adalah akibat daripada pengguguran haram yang pernah dilakukan sewaktu terlibat dalam aktiviti seks bebas semasa remaja dan ini menimbulkan perasaan trauma dalam watak Mardiah. Oleh disebabkan itu muncul ancaman terhadap dirinya sendiri yang boleh mengganggu ketenteraman jiwa Mardiah yang sedang menunggu hari kelahiran anak pertamanya. Oleh yang demikian berlakunya kecelaruan dalam emosi Mardiah untuk mengendalikan fikiran yang bersifat negatif. Disebabkan itu Mardiah berfikir bahawa keadaan akan menjadi semakin buruk seperti ungkapan dialognya *‘Kalau ada masalah mungkin saya mati atau bayi hidup. Atau kedua-duanya sekali hidup atau mati’*. Pernyataan ini mencerminkan kebimbangan Mardiah terhadap bayi yang dikandungnya itu akan selamat melihat dunia atau sebaliknya. Perkara itu yang merungsingkan fikiran dan jiwa Mardiah sehingga muncul ketakutan pada dirinya sendiri.

Oleh yang demikian terdapat beberapa hal lain yang menimbulkan ketakutan pada watak Mardiah adalah mengenai kesihatan serta pemakanannya. Situasi ini adalah satu perkara yang normal untuk wanita hamil pada trimester terakhir, kerana kecelaruan emosi ini boleh berlaku akibat perubahan hormon dalam badan Mardiah. Menurut Evi Rinata dan Gita Ayu Andayani (2018), faktor ketabahan dalaman diri wanita hamil turut

memainkan peranan penting. Ini kerana beliau menyatakan bahawa setiap wanita mempunyai tindak balas berbeza terhadap tekanan hidup yang dihadapi ketika mereka hamil. Dalam tempoh itu, suami adalah individu paling penting yang perlu berkongsi susah senang dan melayani semua rungutan dan perubahan emosi itu. Menurut Evi dan Gita, wanita yang hamil biasanya mempunyai emosi bercampur baur kerana dapat menghadiahkan zuriat dalam perkahwinan yang dibina dan pada masa yang sama, mereka gusar mengenai proses kelahiran serta bimbang memikirkan masa depan anak yang bakal lahir.

Implikasi yang dapat dijelaskan pada pernyataan di atas memperlihatkan kegelisahan yang dialami Mardiah melalui tingkah laku yang ditunjukkan menerusi dialognya apabila Mardiah sering mempersoalkan kemampuan suaminya. Perdebatan Mardiah terhadap suaminya bukan semata-mata untuk memenuhi keperluan yang mewah tetapi sekadar memberi keselesaan serta perlindungan yang sihat untuk anak yang bakal dilahirkan.

Sepertimana yang dinyatakan oleh Maslow (1984: 75), keperluan keselamatan sangat penting pada peringkat kelahiran sehingga zaman kanak-kanak dan juga orang dewasa. Penegasan yang dinyatakan oleh Maslow adalah kerana kanak-kanak akan mengalami rasa ketakutan pada persekitaran atau pada orang tidak dikenali dan ini menimbulkan rasa kebimbangan jika ketiadaan ibunya. Penegasan Maslow adalah kerana bayi serta kanak-kanak memerlukan kestabilan dan persekitaran yang selamat. Sehubungan dengan itu ketakutan yang dialami oleh Mardiah dalam konteks Haliza Misbun ialah apabila Mardiah membayangkan jika dia berkahwin dengan orang yang mempunyai prinsip yang sama seperti ayahnya, kerana Mardiah tidak mahu hidup dalam kesusahan serta mengulangi perkara yang sama hingga terkandas dalam penjara. Namun begitu ketakutan yang menjadi igauan ngerinya menjadi kenyataan apabila Mardiah berjumpa dan jatuh cinta dengan Darwis. Ini bermakna prinsip hidup ayahnya masih

tersepat kukuh di hatinya sehingga mengembalikan figura ayahnya pada diri Darwis. Dalam ketakutan tersebut Mardiah dapat menemukan kebahagiaan dari seorang lelaki yang menjadi pelindung untuk dirinya.

4.3.4 Kemarahan

Aspek emosi negatif iaitu kemarahan merupakan hasil dari pengalaman Mardiah terhadap masa lalu bersama keluarganya serta terhadap situasi yang dihadapinya. Situasi ini berlaku kerana keadaan persekitaran Mardiah yang menimbulkan rasa amarah dalam jiwanya, kerana suaminya ingin terus bertahan untuk tinggal dalam hutan tersebut. Kadangkala kemarahan tersebut merupakan reaksi emosi yang wajar apabila Mardiah ingin melakukan perubahan yang positif dalam hidupnya. Namun begitu emosi yang dipamerkan oleh Mardiah memberi impak yang negatif kepada dirinya sendiri. Ini kerana emosi ini akan membawa kesakitan kepada jiwanya sendiri. Melihat kepada Emosi kemarahan yang dialami Mardiah, dapat digambarkan melalui ungkapan dialognya seperti berikut.

“ Tu saya kata awak bodoh. Hidup dengan saya. Kahwin dengan bekas banduan. Duduk pondok buruk ni. Bawah pokok besar yang entah bila nak tumbang”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.5)

“ Entah awak faham tak erti bahagia tu. Agaknya awak dah tak ada pilihan. Duduk dalam hutan ni. Kerjakan tanah orang. Tak ada apa yang kita ada. Waima tanah sejengkal. Awak bersihkan kebun Tuk Kaya ni. Dapatlah kita tempat berteduh”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.5)

“ Dia lahir dengan cap ‘papa’ pada dahinya. Dia akan papa selamanya. Macam ayahnya. Macam emaknya. Kalau nasibnya baik dia tidak jadi hamba macam ayahnya atau bekas banduan macam emaknya”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.11)

“ Dua puluh tahun dari sekarang, dia akan duduk kat tempat awak duduk tu, mungkin dia dah kahwin, akan cakap benda yang kita cakap malam ni pada isterinya. masa tu mungkin dia kesal kerana kita tak buat apa-apa untuk dirinya. Kita tak mengubah hidupnya. Kita tak merancang untuk dia”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.10-11)

“ Dia lahir dalam papa! Dia buka matanya pertama kali dan dunianya adalah dunia papa”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.11)

Penjelasan dialog di atas telah memperlihatkan bahawa kemarahan Mardiah terhadap kemiskinan yang mereka hadapi akan diwarisi oleh anaknya. Hal ini menjadikan psikologi Mardiah gelisah serta kalut dan ini antara salah satu faktor penyebab kemarahan yang dialami Mardiah. Hal tersebut membuatkan Mardiah merasa kesal atas sikap Darwis yang cenderung untuk memilih tinggal di hutan tersebut dan berserah kepada nasib. Kecenderungan yang dimiliki Darwis adalah sikap optimisnya terhadap masa depan. Namun begitu ini bertentangan dengan apa yang difikirkan oleh Mardiah. Situasi ini membangkitkan perasaan amarah Mardiah kerana bimbang anak dalam kandungannya akan mengalami nasib yang sama dengan dirinya serta persekitaran yang tidak sempurna sepertimana Mardiah pernah lalui sewaktu proses pembesarannya.

Selain daripada itu, antara faktor lain yang menjadi penyebab kemarahan dalam diri Mardiah berpunca daripada keinginan untuk memenuhi keperluan yang tidak mampu dimilikinya. Keinginan Mardiah yang utama adalah ingin keluar daripada hutan tersebut serta hidup bahagia tanpa gangguan daripada Tuk Kaya dan keluar dari kepompong kemiskinan. Namun apabila keinginan itu diambil mudah oleh Darwis kerana terhutang budi pada Tuk Kaya, Mardiah bersikap kurang sopan terhadap Darwis dengan mempertikaikan kekurangan suaminya dan memandang rendah pada dirinya sendiri. Melalui pendekatan yang digunakan oleh Haliza Misbun dalam menjelaskan kemarahan Mardiah, adalah perkara yang berkaitan dengan kejujuran. Kejujuran yang dimaksudkan oleh Mardiah ialah setiap manusia yang jujur dalam kehidupan tidak akan membawa seseorang manusia itu ke mana-mana, kerana orang yang jujur sentiasa hidup dalam kesusahan serta kesempitan. Dalam masa yang sama, Mardiah juga mempersoalkan mengenai kejujuran yang tidak boleh di ubah dan sentiasa melihat apabila manusia itu

jujur, bermakna manusia itu akan sentiasa ditindas oleh mereka yang mempunyai kuasa dan wang.

Namun begitu, apa yang boleh digambarkan dengan lebih lanjut mengenai penyebab kemarahan Mardiah adalah berpunca daripada Darwis yang terlalu menghormati serta mengenang budi dan jasa Tuk Kaya tanpa memikirkan perasaan Mardiah. Namun begitu Darwis tidak menyedari bahawa Tuk Kaya hanya menggunakan sifat rajin yang terdapat dalam diri Darwis untuk kepentingan peribadinya. Ini berlawanan dengan keinginan Mardiah, kerana Mardiah tidak menuntut keperluan yang berupa kemewahan. Keinginan Mardiah adalah hendak mencari ketenangan agar kemarahannya terhadap Tuk Kaya tidak berterusan. Selain daripada itu juga, kemarahan Mardiah dapat dilihat kerana Mardiah ingin melindungi Darwis daripada terus dipergunakan oleh orang seperti Tuk Kaya.

Sehubungan dengan itu, faktor kemarahan Mardiah adalah diikuti dengan rasa takut terhadap diri sendiri apabila dia tidak mampu untuk memberikan kehidupan yang lebih baik pada anak yang bakal lahir. Mardiah tidak mahu anaknya menjadi sepertinya sewaktu proses pembesaran. Perasaan takut bertukar menjadi marah kerana dia tidak mahu anaknya mewarisi kesusahan lampau sehingga tidak mampu untuk mendapat pendidikan formal serta kehidupan yang sempurna dan memiliki persekitaran yang sihat. Oleh sebab itu, Mardiah tidak mahu anak yang bakal dilahirkan akan menanggung perkara yang sama seperti dia dan Darwis. Oleh yang demikian, Mardiah sentiasa mendesak Darwis untuk mencari tempat tinggal yang sesuai bagi membesarkan anaknya. Disebabkan sikap Darwis yang tidak mengambil berat mengenai hal tersebut, Mardiah menjadi semakin marah dengan sikap bersahaja yang ditunjukkan oleh Darwis.

4.3.5 Ketenangan jiwa

Watak Mardiah dalam naskhah *Pokok* memerlukan ketenangan jiwa dalam mencapai kebahagiaan yang diinginkan. Namun begitu, sebelum Mardiah mencapai

ketenangan jiwa tersebut Mardiah terpaksa melalui pelbagai dugaan dan rintangan hidup. Banyak perkara yang menyebabkan Mardiah merasa sukar untuk memperolehi ketenangan jiwa adalah pandangan masyarakat terhadapnya, pengalaman masa lalunya, malah pengalaman dalam penjara juga memberi kesan pada dirinya serta gangguan daripada Tuk Kaya. Walaupun begitu, Mardiah sentiasa berusaha untuk memperolehi ketenangan jiwa agar kehidupan psikologinya berkembang dengan baik. Melalui kutipan dialog di bawah dapat dijelaskan aspek emosi ketenangan jiwa yang dituntut oleh Mardiah.

“Awak tak tahu banyak ilmu kehidupan yang saya belajar dari penjara”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.13)

“Saya tak mahu jadi diri saya sendiri, Darwis. Untuk kita, saya tak mahu jadi diri saya sendiri lagi”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.13)

“Saya harap Darwis bawa saya keluar dari sini”.

(Mardiah. Babak 2: Hlm.27)

Penjelasan data di atas mencerminkan bahawa Mardiah mempunyai dorongan untuk melakukan perubahan dalam hidupnya. Emosi ini muncul dalam watak Mardiah lebih terarah kepada emosi positif. Dalam kutipan ini juga dapat dilihat bahawa Mardiah tidak mahu menjadi dirinya lagi kerana itu akan mengembalikan ingatan kepada pengalaman buruk yang boleh merosakkan ketenangan jiwanya. Maksud kata-kata yang diungkapkan oleh Mardiah adalah, Mardiah tidak mahu menjadi dirinya sewaktu zaman remaja, kerana ini akan menyebabkan jiwa Mardiah tidak tenang. Mardiah berusaha sepenuh hati untuk melupakan peristiwa lampau dan berubah menjadi orang baru serta baik bagi memenuhi kebahagiaan dalam kehidupan. Apa yang boleh dilihat dalam watak Mardiah ialah, keazaman yang tinggi serta usaha-usaha Mardiah untuk mencapai kesempurnaan bersama suaminya, mengikut potensi serta kemampuannya dengan melupakan segala hal buruk dan jahat yang pernah dia lalui pada masa lampau. Apabila

Mardiah berkahwin dengan Darwis, Mardiah seperti mendapat satu penghidupan yang baru serta hala tuju yang memberi keyakinan pada dirinya.

Hal tersebut membuatkan Mardiah terdorong untuk belajar menerima kekurangan serta kelebihan dirinya secara positif. Apabila Mardiah belajar menerima dirinya sendiri bermakna Mardiah telah belajar untuk menerima setiap kekurangan yang ada pada Darwis. Bagi Mardiah, kejujuran Darwis mampu membuatkan jiwa Mardiah tenang. Oleh yang demikian, Mardiah merasakan dengan adanya dorongan serta motivasi daripada dirinya sendiri menjadikan hidupnya lebih bermakna. Gambaran psikologi watak Mardiah berdasarkan pada pernyataan dialog di atas mencerminkan bahawa Mardiah adalah seorang yang mempunyai motivasi untuk memiliki kebahagiaan dengan cara melupakan sifat dan sikap sewaktu dia remaja. Tindakan yang ingin dilakukan Mardiah adalah untuk berubah menjadi seorang yang lebih tenang serta berjaya mengikut kemampuan dan potensi yang ada pada dirinya.

4.3.6 Kasih sayang

Faktor kasih sayang merupakan emosi positif yang terdapat dalam watak Mardiah. Emosi ini juga mencerminkan tingkah laku Mardiah yang kadangkala berubah mengikut situasi yang dihadapi. Namun begitu kasih sayang dalam diri Mardiah wujud sejak zaman kanak-kanaknya lagi. Walaupun emosi ini tidak terserlah dalam tindakan serta tingkah lakunya, namun keprihatinan Mardiah terhadap ayahnya boleh dilihat apabila Mardiah tidak pernah lupa prinsip yang menjadi pegangan hidup ayahnya. Dengan prinsip itu juga, Mardiah mampu melihat apa yang berlaku di persekitaran ayahnya. Namun kerana kegagalan dalam mengawal keinginan nafsu mudanya, Mardiah terjebak dalam kancuh sosial. Penyebab yang menjadikan Mardiah memendam emosi ini kerana kesan daripada persekitaran sosial iaitu lingkungan keluarganya sendiri. Bebanan hidup menjadikan keluarga Mardiah tidak mengambil peduli kepentingan serta peranan memupuk perasaan kasih sayang menjadi satu keperluan bagi menuju perkembangan yang sihat.

Secara khususnya boleh digambarkan bahawa perilaku kedua ibu bapanya menjadi punca utama Mardiah bertingkah laku yang agresif. Perilaku ibu bapa Mardiah yang bersifat jujur menimbulkan keresahan pada jiwa Mardiah. Hal ini mempunyai perkaitan antara keperluan yang diperlukan untuk Mardiah serta adik beradiknya. Melalui konteks Haliza Misbun, keperluan kasih sayang tidak menjadi satu keutamaan pada ibu bapa Mardiah kerana mereka merasakan dengan menyediakan keperluan secara fisiologi sudah melengkapkan kehidupan mereka. Dalam masa yang sama, kedua ibu bapa Mardiah tidak didedahkan dengan psikologi yang berkaitan dengan kasih sayang serta tanggungjawab dalam mendidik anak-anak. Namun begitu ayah Mardiah mempunyai sikap jujur dalam melaksanakan tanggungjawab mencari keperluan hidup. Oleh itu, kesan daripada kejujuran ayahnya mereka hidup dalam kesusahan serta desakan berkehendakkan sesuatu yang tidak mampu dimiliki. Dalam kesempitan itu anak-anak mengambil kesempatan untuk mencari kepuasan di luar akibat faktor ekonomi keluarga yang tidak stabil, kurangnya kasih sayang, serta perhatian daripada kedua ibu bapa Mardiah. Oleh yang demikian, berlakunya gejala sosial pada watak Mardiah akibat kehilangan rasa tanggungjawab serta keprihatinan yang berbentuk sentuhan dan komunikasi daripada kedua ibu bapanya. Apabila ibu bapa Mardiah tidak mempunyai ketegasan dalam mendidik anak-anak, menjadikan Mardiah serta adik beradiknya hilang rasa tanggungjawab dan nilai-nilai murni dalam diri mereka, ini kerana menurut Maslow (1984: 51), keperibadian itu dipengaruhi oleh genetik atau keturunan dan juga persekitaran.

Namun begitu, apabila Mardiah sudah dewasa dan berkahwin dengan Darwis selama dua tahun, Mardiah mendapat kasih sayang dan cinta daripada Darwis tanpa syarat. Dalam kekerasan serta kekasaran tingkah laku Mardiah, masih terdapat emosi positif yang mendorong perkembangan mental dan jiwa Mardiah ke arah yang lebih baik dan teratur. Maslow (1984: 22), juga menekankan bahawa meskipun kita dipengaruhi

oleh pengalaman masa kanak-kanak yang malang, namun kita bukanlah mangsa tetap dari pengalaman-pengalaman tersebut. Menurut Maslow lagi, seseorang manusia dapat berubah, berkembang dan mencapai tahap motivasi yang baik adalah kerana memiliki kesihatan psikologi yang tinggi. Kesahan ini boleh dilihat melalui dialog Mardiah yang menggambarkan perasaan kasih sayang terhadap Dawris.

“Awak orang baik Darwis. Awak bukan macam saya. Awak tak pernah masuk penjara. Awak tak kahwin kerana kaki awak. Awak takut orang tak mahukan awak kerana kaki awak. Hati awak baik, macam kain putih yang dihampar. Tak ada cacat cela. Awak tak tinggal sembahyang. Awak buat baik pada orang. Orang miskin baik manapun orang tak ingat. Orang kaya jahat manapun orang sangka baik”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.9)

“Saya kadang-kadang rasa bersalah pada Darwis”.

(Mardiah. Babak 2: Hlm.18)

“Awak janji pada saya, awak akan lupakan salah saya, maafkan salah saya”.

(Mardiah. Babak 3: Hlm.39)

Kutipan pernyataan di atas menjelaskan bahawa timbul kekesalan dalam hatinya kerana sering mengejek serta memperlekehkan kemampuan serta potensi yang dimiliki Darwis. Mardiah sentiasa mendesak Darwis untuk berpindah dari hutan yang menjadi tempat tinggal mereka dengan kata-kata yang kasar. Mardiah juga sering memandang rendah akan kebolehan serta kemampuan Darwis. Namun begitu, tindakan ini jelas memperlihatkan kesungguhan Mardiah mempertahankan kesetiaanya terhadap Darwis, kerana Mardiah tidak mahu terpengaruh dengan godaan lelaki yang mendambakan kecantikannya. Bukti kasih sayang yang terdapat dalam watak Mardiah apabila dia tidak pernah memandang kecacatan Darwis sebagai satu kekurangan dalam hubungan perkahwinan mereka. Mardiah menyanyangi Darwis serta sifat-sifat yang dimiliki suaminya kerana hanya Darwis sahaja yang tidak pernah mempertikaikan atau merendahkan dirinya sebagai seorang bekas banduan. Itu yang menyebabkan timbul rasa kasih kerana keikhlasan Darwis menerimanya sebagai isteri.

Ini boleh dilihat melalui pandangan Maslow dalam Minderop (2016: 48-49), manusia berupaya memenuhi dan mengekspresikan potensi dan bakatnya yang sentiasa terhalang oleh situasi masyarakat yang sering memandang seseorang manusia dengan perspektif negatif serta buruk. Namun begitu untuk mencapai kepuasan diri sendiri Mardiah perlu mengharungi pelbagai konflik dan rintangan sebelum menemui kebahagiaan.

4.4 Aspek konflik jiwa watak Mardiah

Menurut pernyataan Amran Hassan dalam Nur Hanani (2018: 2), konflik jiwa membawa maksud satu keadaan yang berkait rapat dengan situasi yang tidak menyenangkan antara satu sama lain terhadap sesuatu perkara. Manakala Ganga Persaut dan Trevor Turner dalam Henry Iwansyah (2013: 13), juga telah menegaskan bahawa konflik jiwa adalah satu pergaduhan atau pertengkaran yang melibatkan dua pihak berlawanan serta diri sendiri. Maka dengan itu punca terjadinya konflik dalam diri watak Mardiah kesan daripada keperluan-keperluan yang tidak mampu dipenuhi. Ini merupakan satu faktor penyebab konflik jiwa yang dialami oleh watak Mardiah. Hal ini kerana Mardiah dilahirkan dan dibesarkan dalam sebuah keluarga yang mempunyai taraf kehidupan miskin tegar kota. Hal tersebut menjadi titik tolak bermulanya konflik dalam jiwa Mardiah. Oleh disebabkan ayahnya hanya berkemampuan menyediakan keperluan fisiologi yang asas sahaja. Namun terdapat keperluan lain yang diabaikan dalam tuntutan keperluan bagi mengisi jiwa Mardiah serta keluarganya. Seawal usia remaja Mardiah tidak berkeupayaan untuk mengenalpasti kekuatan mahu pun kelebihan yang dimiliki. Hal ini kerana pada peringkat remaja ibu bapa seharusnya memberi perhatian yang khusus kepada anak-anak agar tidak tersasar dari landasan agama serta undang-undang. Namun begitu, hal ini diabaikan akibat kekangan masa serta banyak bebanan yang ditanggung

oleh ibu bapa Mardiah. Maka terjadilah pemberontakan serta protes dalam diri watak Mardiah bagi mencari keperluan keselamatan dan kasih sayang untuk dirinya sendiri.

Secara biologi dan psikologi, manusia mempunyai potensi kekuatan yang tidak boleh diganti. Potensi ini bersifat semulajadi dan cenderung ke arah kebaikan. Oleh kerana itu dalam teori Maslow (1984: 11), untuk membawa konflik ini keluar dan memberi perkembangan yang baik kepada manusia agar tidak merasa tertekan. Maslow juga menegaskan bahawa jika potensi yang ada dalam diri manusia itu dipaksa secara cepat atau lambat akan menimbulkan gangguan psikologi sehingga sukar untuk mencapai atau menuju aktualisasi diri. Oleh yang demikian pada data yang berikut pengkaji memperlihatkan hasil analisis mengenai konflik jiwa yang dialami oleh watak Mardiah dalam naskhah *Pokok*.

No. Data	Kutipan Data	Halaman/durasi masa	Konflik jiwa watak Mardiah	Keterangan
1.	<i>Mardiah: Tak usah mimpi Darwis. Kita dalam lingkaran kehidupan yang sememangnya begini. Kita tak boleh keluar ke mana-mana. Anak kita pun tidak akan ke mana-mana melainkan dalam lingkaran kemiskinan ini juga. Dalam putaran ini. Dalam pusingan ini. Tak boleh keluar ke manapun. Percayalah cakap saya.</i>	Babak 1: Hlm.6	Konflik dalaman Mardiah	Dalam kutipan data ini memperlihatkan konflik Mardiah terhadap dirinya sendiri. Hal ini terjadi kerana Mardiah merasa putus asa dengan hidupnya sendiri. Namun begitu Mardiah sentiasa berusaha untuk mencari potensi yang dimilikinya.
2.	<i>Mardiah: Jujur tak bawa kita ke mana Darwis. Ayah saya orang jujur. Kerja jujur. Tak ambil rasuah. Kerja lurus. Kawan-kawan lain buat duit. Ayah saya pilih untuk hidup jujur. Biar hidup susah. "saya redha," katanya. Kami hidup susah. Bila dia meninggal, abang saya jadi perompak. Saya jadi penagih dadah dan pencopet kemudian merompak. Adik saya keluar masuk pusat pemulihan. Itulah harga kejujuran ayah saya.</i>	Babak 1: Hlm.7-8 (rakaman video pementasan teater <i>Pokok</i>) babak 1 masa 13:44	Konflik Mardiah dan keluarga	Kutipan ini memperlihatkan Mardiah mempunyai konflik dengan ayahnya. Konflik ini bersifat kekecewaan terhadap sikap ayahnya. Hal ini terjadi adalah disebabkan Mardiah tidak mendapat keperluan asas yang mencukupi bagi melengkapkan keperluan asas dalam hidupnya. Faktor ini terjadi kerana tiada dorongan daripada ayah dan ibunya menyebabkan Mardiah hilang motivasi untuk membesar dengan jiwa yang

				<p>sihat serta membentuk sikap ke arah yang positif.</p> <p>Melihat kepada rakaman video persembahan teater <i>Pokok</i>, Mardiah cuba menahan rasa amarah terhadap ayahnya kerana tidak mampu untuk mengubah nasib keluarganya. Boleh dilihat melalui rakaman video apabila Mardiah memukul-mukul belakang tubuh Darwis. Hal ini adalah mempamerkan bahawa Mardiah melepaskan rasa marahnya serta kecewa pada Darwis.</p> <p>Selain daripada itu situasi ini boleh dilihat melalui dialog “<i>Ayah saya orang jujur. Tak ambil rasuah. Kerja lurus. Kawan-kawan lain buat duit. Ayah saya pilih untuk hidup jujur</i>”. Konflik ini timbul disebabkan sikap jujur ayahnya dalam pekerjaannya.</p> <p>Kejujuran tidak penting apabila dikelilingi dengan manusia yang sentiasa bersaing dengan cara yang tidak sihat bagi mengisi perut mereka walaupun perlu melakukan hal yang salah.</p> <p>Mardiah melihat keadaan ini berlaku di kalangan kawan-kawan ayahnya. Hal ini juga membawa pengaruh yang besar dalam perkembangan psikologi watak Mardiah.</p>
3.	<p><i>Mardiah : Dia fikir saya bekas banduan, saya tak da harga diri. Tak ada maruah. Dia fikir saya ni siapa?</i></p>	Babak 2: Hlm.23	Konflik dengan Tuk Kaya	<p>Tuk Kaya adalah tuan tanah tempat mereka tinggal serta majikan kepada Darwis. Tuk Kaya juga adalah seorang yang mempunyai pengaruh besar kerana kekayaannya. Manakala Mardiah adalah isteri kepada seorang lelaki yang kudung kaki kirinya. Mardiah juga bekerja sebagai pembantu kepada Puan besar iaitu isteri Tuk Kaya.</p> <p>Berdasarkan kutipan data tersebut memperlihatkan terdapat dorongan dalam watak Mardiah untuk membina motivasi bagi mencapai aktualisasi diri. Pengalaman lampau yang dialaminya membentuk</p>
	<p><i>Mardiah: Ada masa saya tak larat juga. Sese kali dua dia mengusik saya, saya diamkan aja. Tapi kalau kerap susah saya. Saya desak lagi Darwis supaya pindah. Duduk mana pun tak apa.</i></p>	Babak 2: Hlm.23		

	<p><i>Mardiah: Pandai Bang Mud. Tapi dia kacau saya juga. Sebab itu saya desak Darwis, ajak dia pindah. Saya kata, di sini bukan tempat membesarkan anak. Kita kena cari tempat lain. Kita kena besarkan anak kita di tempat lain. Apa nak jadi kalau anak kita besar di sini. Siang malam saya desak dia. Saya takut Bang Mud. Lepas ngandung ni Tuk Kaya akan kacau saya lagi. Kenapa dia kacau saya?</i></p>	<p>Babak 2: Hlm.24</p>	<p>keberanian Mardiah untuk berhadapan dengan Tuk Kaya.</p>
--	---	------------------------	---

Jadual 4.3: Konflik jiwa watak Mardiah dengan melihat keperluan hierarki Maslow

Jadual 4.3 di atas mengandungi spesifikasi konflik jiwa yang terdapat dalam watak Mardiah. Oleh yang demikian pengkaji telah mengambil saranan daripada teori motivasi dan keperibadian yang mempunyai tiga jenis konflik iaitu pertama, konflik dalam diri sendiri. Konflik ini di sebut konflik kejiwaan di mana dalam kajian ini dapat memperlihatkan watak Mardiah yang mempunyai konflik dalam dirinya. Ini terjadi kerana perjuangan watak Mardiah dalam melawan dirinya sendiri sehingga dapat mengatasi dan menentukan apa yang akan dilakukan. Kedua adalah konflik sosial iaitu konflik yang melibatkan ayah Mardiah serta keluarga. Selain daripada itu watak Mardiah juga menghadapi konflik dengan masyarakat persekitaran iaitu Tuk Kaya. Di mana pelbagai masalah yang timbul antara Mardiah dan Tuk Kaya.

Penjelasan mengenai konflik watak Mardiah dilihat melalui keperluan hierarki Maslow. Keperluan hierarki atau peningkatan itu mempunyai lima peringkat iaitu keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang dan keperluan penghargaan atau harga diri dan keperluan aktualisasi diri. Namun pada kutipan data di

atas pengkaji menggunakan dua keperluan hierarki Maslow bagi mengenalpasti konflik jiwa watak Mardiah. Dua keperluan tersebut adalah keperluan kasih sayang serta keperluan penghargaan sendiri atau harga diri. Keperluan ini bagi melihat kekurangan yang tidak dapat dipenuhi sewaktu pembesarannya.

Menurut Maslow dalam Minderop (2013: 50), ialah seseorang individu itu perlu mencapai keperluan paling asas iaitu keperluan fisiologi sebelum menuju kepada keperluan yang seterusnya. Apabila keperluan paling asas ini tidak mampu dipenuhi maka akan terjadi pelbagai konflik dalam kehidupan manusia. Maka dengan itu pengkaji juga melihat keperluan hierarki Maslow dalam aspek konflik kerana ia akan membantu mengemukakan faktor penyebab konflik jiwa dalam kehidupan Mardiah.

4.4.1 Konflik dalaman watak Mardiah

Konflik dalaman yang dialami oleh watak Mardiah memberi satu impak yang besar dalam mempengaruhi psikologi Mardiah. Secara tidak langsung konflik ini menjadikan Mardiah memandang keadaan nyata dengan cara yang negatif. Hal ini kerana jiwa Mardiah dipenuhi dengan persoalan serta hujah yang mempunyai unsur penentangan terhadap nasib yang menimpa dirinya. Apabila timbul rasa ketidakpuasan yang berkait rapat dengan soal keperluan hidup, jiwa Mardiah memberontak dengan memperlihatkan tingkah laku yang tidak sihat. Tingkah laku tidak sihat yang mempengaruhi Mardiah ialah mencuri, merompak, mengedar dadah, menghisap dadah dan aktiviti seks bebas.

Perkara tersebut menjadi punca terjadinya konflik dalam diri Mardiah sehingga tindakan yang dilakukan telah menghancurkan masa depannya. Hal demikian adalah sebenarnya suatu konflik yang melibatkan diri sendiri kerana berlakunya pertembungan di antara sifat kelemahan diri dan juga pencarian Mardiah untuk tampil sempurna dan bahagia. Konflik dalaman yang berlaku terhadap watak Mardiah berkait rapat dengan teori Maslow dalam Rosnani (2018: 140), mengatakan bahawa manusia memerlukan

kasih sayang serta penghargaan sendiri atau harga diri kerana manusia juga perlukan status dalam hidup untuk meningkatkan keyakinan diri. Hal tersebut menjadikan Mardiah putus asa terhadap dirinya sendiri kerana terdapat kekurangan dalam kehidupan yang dilaluinya. Melalui pernyataan dialog di bawah dapat dilihat konflik yang dialami oleh Mardiah.

“ Tak usah mimpi Darwis. Kita dalam lingkaran kehidupan yang sememangnya begini. Kita tak boleh keluar ke mana-mana. Anak kita pun tidak akan ke mana-mana melainkan dalam lingkaran kemiskinan ini juga. Dalam putaran ini. Dalam pusingan ini. Tak boleh keluar ke manapun. Percayalah cakap saya”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.6)

“ Dalam kepapaan tak ada maruah dan harga diri. Darwis. Semua itu ada harga. Semua itu boleh dibeli. Kita tidak dihormati kerana papa Darwis.”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.13)

“ Kalau tak kerana Bang Mud, Darwis tak dapat tinggal sini. Masa kami kahwin, ada juga cadangan nak pindah tempat lain. Ni pondok monyet, tempat orang bujang, bukan tempat orang beranak pinak. Tapi dia berkeras nak duduk tempat ini”.

(Mardiah. Babak 2: Hlm.22-23)

Penjelasan kutipan data di atas memperlihatkan watak Mardiah bergelut dengan perasaannya sendiri antara mimpi serta impiannya selama ini hanya sebuah angan-angan yang tidak mampu dicapai. Mardiah telah meletakkan keadaan persekitaran yang mereka tinggal tidak akan mengubah nasib kehidupannya. Bagi Mardiah, kemiskinan akan terus menjadi satu warisan untuk mereka berdua serta anak yang bakal dilahirkan jika Darwis masih terus bertahan untuk tinggal di hutan tersebut. Perkara itulah yang bermain di fikiran Mardiah. Mardiah tidak berfikir secara optimis untuk melihat kemampuan serta usaha Darwis menyediakan kelengkapan yang sempurna, kerana bagi Mardiah peluang hanya ada pada orang yang mempunyai darjat, status dan juga kekuasaan. Hal tersebut berlaku pada Mardiah adalah kesan daripada kemiskinan keluarganya serta kesusahan yang dialami sewaktu kecil. Oleh yang demikian, Mardiah bertahan melawan keinginan dan kehendaknya. Oleh kerana itu juga Mardiah menyakinkan perkara itu kepada Darwis bahawa, mereka akan terus tinggal dalam persekitaran kemiskinan dan begitu juga anak

yang bakal dilahirkan, jika tidak berusaha untuk menuju pada perubahan hidup. Daripada dialog tersebut, dapat digambarkan bahawa konflik yang dialami Mardiah adalah kegusaran serta kebimbangan mengenai kehidupan masa depan mereka setelah anak yang dikandung Mardiah itu lahir. Secara khususnya yang ada dalam pemikiran Mardiah sehingga terjadinya konflik dalaman, adalah orang miskin akan terus miskin dan orang kaya akan sentiasa kaya.

Sehubungan dengan itu, pernyataan dialog di atas juga menjelaskan gambaran konflik dalam diri Mardiah adalah kerana gagal mencapai keinginan untuk hidup sempurna seperti orang lain. Apabila terdapat unsur perbandingan dalam diri Mardiah, maka muncul konflik yang boleh mencetuskan perasaan yang berbentuk negatif dalam dirinya. Hal ini disebabkan keinginan Mardiah untuk tampil sempurna sepertimana yang dilihat dalam pergaulan sosialnya. Kesempurnaan bagi Mardiah adalah kehidupan yang tidak ada gangguan seperti Tuk Kaya, kehidupan yang mempunyai persekitaran sosial yang sihat dan juga kemudahan untuk meneruskan kehidupan seharian. Berdasarkan kutipan di atas, ia menggambarkan bahawa Mardiah kadang kala berputus asa untuk mengubah nasibnya kerana stigma masyarakat mengenai dirinya sebagai seorang bekas banduan. Stigma ini mempengaruhi konflik dalaman Mardiah untuk bersikap kasar dan melepaskan segala kekecewaan yang membungkus di jiwanya. Kesan daripada konflik yang dialami, Mardiah sering menghamburkan kata-kata kasar serta merendahkan keupayaan Darwis. Pernyataan ini boleh dilihat melalui kutipan seperti berikut.

“ Dengan apa? Dengan kaki awak tu? Dengan kudrat tubuh saya? Saya tak mahu awak bermimpi siang hari. Kita tak boleh hidup dalam mimpi. Tengok sekeliling awak. Apa yang kita ada? Rumah ini cuma ada tiga mentol elektik saja, itupun kita tarik wayar dari luar. Curi dari tiang TNB kat simpang tu. Apa yang ada di rumah ni? Dengan ini awak nak beri yang lebih baik pada anak kita? ”

(Mardiah. Babak 1: Hlm.6)

“ Orang miskin kalau berjaya namanya nasib., orang kaya kalau tak berjaya namanya bodoh. Kita miskin Darwis. Dan nasib bukan di sebelah kita. Sampai bila pun begitu ”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.7)

Kutipan ini menggambarkan Mardiah mempunyai tekanan terhadap dirinya sendiri. Kegelisahan yang tidak pernah padam mengenai kesusahan. Hal ini bersesuaian dengan desakan Mardiah untuk berpindah dari hutan tersebut adalah hendak memenuhi keperluan keselamatan seperti kemudahan elektrik yang selamat serta kemudahan air. Berdasarkan pada pernyataan di atas, keperluan keselamatan menurut pandangan Maslow (1970: 39-43), ialah seperti keselamatan fizikal, kestabilan ekonomi, mendapat perlindungan undang-undang, bebas mengeluarkan pendapat, kedamaian, bebas dari rasa bersalah, tidak terjebak dalam ketakutan, kebimbangan dan perasaan tidak menentu dan bebas dari huru hara. Hal ini ditegaskan oleh Maslow adalah, bagi menjalani kehidupan sebagai manusia normal, setiap individu sentiasa ingin memastikan diri mereka berada dalam suasana persekitaran yang stabil, konsisten dan selamat. Oleh sebab itu Mardiah berkeras dengan Darwis agar berpindah daripada hutan dan mencari tempat tinggal baru yang mempunyai kemudahan lebih selamat seperti dinyatakan dalam keperluan hierarki Maslow yang dituntut oleh Mardiah.

Berdasarkan beberapa kutipan dialog di atas jelas menunjukkan Mardiah mengalami konflik dengan dirinya sendiri apabila Darwis tidak mahu berpindah dari hutan tersebut. Konflik dalam diri Mardiah juga merupakan pertentangan secara langsung dan sedar antaranya dan Darwis bagi mencapai matlamat dalam kehidupan. Namun begitu keinginan yang mendesak melampaui akal fikiran Mardiah. Maka berlakunya tingkah laku yang tidak sabar dalam diri Mardiah dengan memandang rendah keupayaan Darwis sebagai suami. Ini bermakna Mardiah perlu mempertingkatkan nilai sabar supaya dijauhkan daripada konflik yang boleh merosakkan jiwanya.

4.4.2 Konflik Mardiah dan keluarga

Perbincangan mengenai konflik watak Mardiah diperluaskan dengan menganalisis konflik sosial yang melibatkan kekeluargaan. Menurut Nur Zahidah (2011:

25), kebahagiaan dan kesejahteraan masyarakat secara khususnya bermula dari institusi kekeluargaan yang dapat mempamerkan ketenangan hidup serta kesefahaman berlandaskan hubungan yang baik dan dapat mewujudkan rasa kasih sayang antara satu sama lain. Berdasarkan penelitian menerusi watak Mardiah dalam naskhah *Pokok* telah memperlihatkan konflik yang wujud dalam keluarga Mardiah, disebabkan timbul pelbagai persepsi iaitu kenyataan yang ditafsirkan oleh Mardiah adalah berbeza dengan kenyataan yang disediakan oleh ayahnya. Hal ini berdasarkan kepada kutipan data seperti berikut.

“Jujur tak bawa kita ke mana Darwis. Ayah saya orang yang jujur. Kerja jujur. Tak ambil rasuah. Kerja lurus. Kawan-kawan lain buat duit. Ayah saya pilih untuk hidup jujur. Biar hidup susah. ‘saya redha,’ katanya. Kami hidup susah. Bila dia meninggal, abang saya jadi perompak. Saya jadi penagih dadah dan pencopet kemudian merompak. Adik saya keluar masuk pusat pemulihan. Itulah harga kejujuran ayah saya”.

(Mardiah. Babak 1: hlm. 7-8)

Penyataan dialog di atas menjelaskan bahawa konflik ini wujud disebabkan sikap jujur ayahnya yang menjadikan keluarganya hidup dalam kemiskinan. Fenomena yang boleh dianalisis dalam pernyataan tersebut adalah pemberontakan jiwa Mardiah untuk hidup dalam kesenangan kesan daripada pengaruh rakan-rakan ayahnya. Maka timbul persepsi negatif terhadap ayahnya kerana tidak berkemampuan melakukan hal yang sama seperti kawan-kawan ayahnya yang lain dengan cara mengambil rasuah. Hal ini menjadikan pertentangan antara Mardiah dan ayahnya tercetus. Selain daripada itu Mardiah juga melihat ayahnya tidak cuba untuk memperbaiki nasib keluarganya dengan mencari pekerjaan yang dapat memberi kesenangan pada keluarga. Namun begitu dalam masa yang sama, jiwa Mardiah sering berbolak balik antara benci dan kagum terhadap kejujuran ayahnya. Ini kerana dalam konteks Haliza Misbun, Mardiah juga seorang yang positif kerana prinsipal kejujuran ayahnya terlalu kuat tersemat dalam hatinya namun itu hanya bersifat sementara. Kesan daripada godaan serta faktor luaran untuk mengejar kemewahan menjadi satu matlamat atau pencapaian dalam hidupnya. Dalam pada itu

juga, didikan mengenai kejujuran daripada ayahnya menjadikan Mardiah tidak boleh berpura-pura serta hipokrasi dalam situasi apa pun. Oleh yang demikian Mardiah tidak mampu untuk pergi jauh dalam dunia gelapnya kerana Mardiah lebih memilih untuk bersikap jujur. Walaupun begitu kegelisahan Mardiah mengenai kejujuran menjadikan seseorang manusia itu terus hidup dalam kemiskinan merupakan satu isu besar dalam jiwanya. Persepsi ini timbul atas desakan untuk memenuhi keinginan Mardiah yang tinggi agar dapat hidup senang tanpa melalui kesusahan dan kemiskinan.

Oleh yang demikian apabila keperluan asas ini tidak dipenuhi sepenuhnya oleh Mardiah, maka terjadilah persepsi yang berbeza sehingga boleh menimbulkan konflik akibat suatu permasalahan. Seharusnya sebagai bapa, ayah Mardiah perlu menerapkan nilai-nilai murni pada anak-anaknya. Penerapan nilai-nilai murni ini adalah bertujuan bagi membina ketelusan dalam keluarga agar anak-anak tidak merasa diabaikan dalam semua perkara. Apabila hal ini timbul dalam diri anak-anak maka ketidakpuasan hati pada jiwa mereka akan terbentuk.

Kejujuran ayahnya yang dinyatakan oleh Mardiah dalam dialog di atas menggambarkan bahawa sikap jujur itu hanya mencakupi hal pekerjaan sahaja. Namun dalam soal tanggungjawab kepada keluarga kurang diberi perhatian yang sewajarnya. Menurut Maslow dalam Minderop (2018: 283), keperluan paling asas ini merupakan perkara yang penting dari semua keperluan. Penegasan yang dinyatakan Maslow adalah kerana keperluan asas atau keperluan fisiologi perlu dipenuhi dengan baik maka dengan itu akan muncul dorongan yang berbentuk keperluan keselamatan bagi menjamin kesejahteraan hidup. Sehubungan dengan itu juga, sebagai seorang ayah seharusnya menerapkan akhlak yang baik kepada anak-anaknya. Seperti mengambil hati anak-anak serta memberi perhatian sewajarnya. Selain daripada itu juga, ayah Mardiah perlu menjelaskan bahawa keadaan tidak selamanya susah jika kita tahu menghargainya nikmat

kesusahan itu. Namun itu tidak berlaku dalam keluarga Mardiah. Seperti mana dalam pernyataan dialog Mardiah.

“ Kadang-kadang terfikir juga saya, apakah dia akan diberi ganjaran di akhirat kerana jujurnya atau dihukum kerana kegagalan mendidik anak-anaknya”.

(Mardiah. Babak 1: hlm. 8)

“ Ayah saya pernah kata, biarlah kita jadi diri sendiri. Dia jadi dirinya sendiri. Hidup dengan pendapatan yang ada. Duduk bandar, bukan senang. Dugaan keliling pinggang. Tapi dia gagahkan juga”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.13)

“ Bangga? Anak-anaknya hidup susah kerana dia nak jadi dirinya sendiri. Anak-anaknya kemudian keluar masuk penjara”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.13)

Dialog di atas menjelaskan bahawa Mardiah mengakui kegagalan ayahnya dalam memberi pendidikan formal atau pembelajaran yang baik untuk anak-anaknya. Ini boleh di lihat cara Mardiah dibesarkan sehingga dia serta abang dan adiknya terjebak dalam kancah yang salah. Hal ini kerana tanggungjawab seorang bapa bukan setakat menyediakan keperluan asas, tetapi perlu menyuntik nilai keagamaan supaya mereka dapat mengimbangkan hal buruk dan baik. Orang tua memiliki tanggungjawab untuk membimbing anaknya dengan baik, kerana di tangan mereka anak yang tidak berdosa dan masih suci itu diserahkan agar ia menjadi manusia yang baik, apabila dididik dengan cara yang betul dan apabila dididik dengan salah dapat membahayakan orang lain serta diri sendiri.

Oleh yang demikian gambaran konflik yang berlaku antara Mardiah dan ayahnya berdasarkan kutipan data tersebut mengarahkan kepada konflik yang negatif. Ini kerana watak Mardiah mempunyai keinginan meringankan konflik yang ditanggungnya. Akibat daripada itu, Mardiah mencari kepuasan dengan mengikuti jalan yang salah agar dapat memenuhi tuntutan yang bersifat material dan keseronokan. Perkara ini terjadi akibat kesan daripada kurangnya perhatian serta dorongan daripada ibu bapanya. Selain daripada itu, Mardiah tidak mendapat pendidikan yang sewajarnya dari segi agama

mahupun pendidikan secara formal di sekolah, oleh sebab itu Mardiah tidak berupaya melihat konflik dia dan ayahnya dapat menuju ke arah yang positif. Maka apabila perasaan dan emosi yang tidak sihat dibiarkan berlarutan tanpa panduan daripada orang tua terjadinya protes dalam diri Mardiah. Dalam pada itu juga kekurangan dalam keperluan kasih sayang menyebabkan Mardiah merasa terpinggir dalam kehidupan ayahnya.

Secara psikologi dalam teori Maslow melalui Masbur (2015: 40), Maslow menegaskan bahawa teras dalaman manusia merupakan keupayaan positif yang akan membawa manusia menuju realisasi kemanusiaan dengan kekuatan jiwa dan mental hasil daripada dorongan dan motivasi yang sihat. Oleh demikian Maslow menyifatkan bahawa manusia sama seperti benih yang menolak ke dalam tanah agar kita boleh tumbuh menjadi pokok, kerana hakikatnya sifat dalaman manusia memainkan peranan penting dalam kehidupan ini. Namun begitu menurut Maslow, perkara yang melibatkan sosial dan pendidikan semestinya dinilai bukan berdasarkan kepada kecekapan mereka mengawal anak atau menjadikan anak itu sesuai dengan pandangan tertentu.

4.4.3 Konflik Mardiah dan Tuk Kaya

Tuk Kaya adalah seorang lelaki kaya yang mempunyai kuasa serta kekayaan di kawasan tempat tinggal mereka. Masyarakat sekitar itu menghormati dan menyanjungi Tuk Kaya. Dalam pada itu Tuk Kaya juga adalah majikan kepada Darwis dan Mardiah. Darwis sudah bekerja dengan Tuk Kaya selama 10 tahun. Kesetiaan Darwis pada Tuk Kaya sukar digugat walaupun oleh isterinya sendiri. Mardiah turut bekerja sebagai pembantu di rumah Tuk Kaya sejak berpindah di hutan tersebut. Tuk Kaya adalah pelindung kepada mereka berdua. Namun begitu Mardiah kurang senang dengan sikap Tuk Kaya yang sering mengambil kesempatan terhadapnya tanpa pengetahuan Darwis. Di sebalik kuasa melindungi mereka, Tuk Kaya mempunyai agenda lain iaitu untuk menggoda Mardiah. Pernyataan di atas boleh di lihat melalui kutipan data seperti berikut.

“ Dia fikir saya bekas banduan, saya tak ada harga diri. Tak ada maruah. Dia fikir saya ni siapa?.

(Mardiah. Babak 2: Hlm.23)

“ Sebab tu saya cakap dengan Darwis, pindah, cari tempat lain. Tapi saya tak cakap apa Tuk Kaya buat. Saya tahu Darwis terhutang budi pada Tuk Kaya. Masa dia tak ada tempat, Tuk Kaya bagi tempat”.

(Mardiah. Babak 2: Hlm.23)

“ Sampai saya cakap pada Darwis, cepat awak buntingkan saya. Biar saya huduh, biar orang tak mahukan saya”.

(Mardiah. Babak 2: Hlm.24)

Berdasarkan kepada kutipan di atas menjelaskan ketegangan yang berlaku antara Mardiah dan Tuk Kaya. Walaupun begitu konflik ini tidak diperlihatkan secara terang-terangan di hadapan Tuk Kaya kerana Mardiah masih lagi memiliki rasa hormat terhadap Majikan suaminya serta menjaga aib dan perasaan Darwis. Maka apabila Amud datang ke rumah semasa ketiadaan Darwis, Mardiah meluahkan ketidakpuasan hatinya mengenai Tuk Kaya pada Amud. Tujuan utama Mardiah adalah supaya Amud dapat membantunya dalam hal tersebut. Pernyataan tersebut juga menimbulkan ketidaksenangan pada Mardiah kerana cara Tuk Kaya memperlakukan dia seperti tidak menghormati Mardiah sebagai seorang wanita yang sudah berkahwin. Di sini jelas Mardiah menuntut keperluan penghargaan sendiri atau harga diri daripada Tuk Kaya sendiri supaya konflik antara Mardiah dan Tuk Kaya dapat diselesaikan dengan cara baik.

Sepertimana dalam konteks Haliza Misbun, penjara adalah sebuah dunia kecil yang banyak mengajar Mardiah tentang kehidupan. Dengan itu Mardiah mampu mengenalpasti sikap dan tindakan orang yang berada di persekitarannya dengan lebih baik. Dari situ Mardiah mula menghargai dirinya sendiri dengan berusaha untuk berubah dan mamandang kemampuan dirinya secara positif. Namun begitu, untuk memperolehi penghargaan daripada orang lain agak sukar untuk Mardiah, kerana seorang bekas banduan sepertinya sering diberi pandangan yang kurang baik. Oleh sebab itu Mardiah sentiasa berusaha untuk mencapai kebaikan dan tidak pernah berputus asa untuk berubah.

Walaupun begitu Mardiah juga sentiasa mendapat penghargaan daripada Darwis sendiri. Apabila keperluan itu di perolehi daripada suaminya sendiri, maka berlaku peningkatan motivasi dalam diri Mardiah. Peningkatan ini terjadi apabila Mardiah menyembunyikan tindakan serta sikap Tuk Kaya terhadap dirinya daripada pengetahuan Darwis. Mardiah masih menjaga air muka suaminya serta Tuk Kaya. Di sini boleh dilihat bahawa Mardiah mempunyai kesungguhan serta sikap tolenrasi untuk menyelesaikan konfliknya dengan Tuk Kaya agar tidak menyakiti mana-mana pihak.

Secara psikologinya konflik tersebut menyebabkan Mardiah merasa rendah diri serta kecil hati dengan sikap dan tindakan Tuk kaya. Maka konflik ini menjadikan Mardiah berada dalam situasi yang tidak menyenangkan. Oleh sebab itu, perasaan rendah diri akibat daripada konflik tersebut memberi kesan pada Mardiah. Kesan itu merupakan desakan terhadap Darwis agar berpindah dari hutan tersebut bagi mengelak daripada terjadi perkara yang tidak diingini. Pernyataan ini disokong melalui ungkapan dialog Mardiah.

“ Ada masa saya tak larat juga. Sekali dua dia mengusik saya, saya diam aja. Tapi kalau kerap, susah saya. Saya desak lagi Darwis supaya pindah. Duduk mana pun tak apa”.

(Mardiah. Babak 2: hlm. 23)

Kutipan di atas menggambarkan konflik yang dihadapi Mardiah dengan Tuk Kaya dan ini mendorong Mardiah untuk terus bersikap tegas dengan Darwis. Mardiah tidak mahu konfliknya dengan Tuk Kaya berpanjangan dalam jiwanya. Hal ini boleh merosakkan matlamatnya untuk mencapai kepuasan dalam hidup. Kutipan tersebut juga memperlihatkan rasa kurang senang serta kegelisahan dalam diri Mardiah dengan cara dan tindakan Tuk Kaya yang sering menggangunya dengan memuji kecantikan yang dimilikinya. Maka dengan demikian, Mardiah berulang kali mendesak Darwis untuk berpindah. Mardiah juga akur ke mana Darwis ingin membawanya tinggal, kerana Mardiah tidak mahu terus menerus hidup dalam kekacauan. Oleh yang demikian, kehendak Mardiah yang di paparkan dalam kutipan tersebut adalah mahu menyelesaikan

masalahnya dengan Tuk Kaya dengan cara yang baik. Oleh disebabkan itulah menjadi penyebab Mardiah sering mendesak Darwis, sepertimana dalam dialog di bawah:

“ Pandai Bang Mud. Tapi dia kacau saya juga. Sebab itu saya desak Darwis, ajak dia pindah. Saya kata, di sini bukan tempat membesarkan anak. Kita kena cari tempat lain. Kita kena besarkan anak kita di tempat lain. Apa nak jadi kalau anak kita besar di sini. Siang malam saya desak dia. Saya takut Bang Mud, lepas ngandung ni Tuk Kaya akan kacau saya lagi. Kenapa dia kacau saya? ”.

(Mardiah. Babak 2. Hlm.24)

“ Bila saya kerja kat rumah dia, saya rasa mata dia mengikut saya ke mana-mana. Dia takut isterinya. Tapi saya tahu matanya liar. Isterinya bagi tahu saya, ‘kau kacau laki aku, aku kelar-kelar kau!’ . Tapi Tuk Kaya buat juga, pandang saya, jeling saya, kalau dapat kesempatan, sengaja nak pegang saya. Saya takut Bang Mud ”.

(Mardiah. Babak 2: Hlm.26)

“ Ada sekali, dia tolak saya masuk bilik stor. Saya menjerit. Saya tak mahu dia fikir dia boleh buat apa saja. Ada masanya saya rasa nak mengadu pada Puan Besar. Tapi hati perempuan saya kata, jangan. Saya tak mahu lukakan hati Puan Besar.

(Mardiah. Babak 2: Hlm.26)

Dialog Mardiah di atas menyatakan bahawa keinginan untuk berpindah daripada hutan adalah kerana mahu membesarkan anaknya dalam persekitaran yang selamat dan sihat. Mardiah tidak mahu anaknya berterusan hidup susah sepertinya. Dalam masa yang sama, Mardiah ingin mengelak daripada Tuk Kaya. Tindakan yang dibuat oleh Mardiah atas dorongan diri sendiri. Penyelesaian itu sewajarnya muncul dalam bentuk yang positif supaya Mardiah dan Tuk Kaya dapat menjalani kehidupan dengan aman. Ini kerana bagi Mardiah menjauhi serta mengelak daripada Tuk Kaya adalah satu tindakan yang sewajarnya dia lakukan agar tidak terjerumus ke landasan yang salah lagi. Hanya kerana Mardiah sahaja yang mampu mengenali kelemahan dan kekuatan yang di milikinya. Oleh yang demikian Mardiah telah belajar banyak pengalaman hidup sebelum masuk penjara serta dalam penjara. Sebab itu apabila berhadapan dengan Tuk Kaya Mardiah akan mencari helah dan mengelak daripada melakukan perkara yang tidak sihat.

4.5 Simbol keunggulan watak Mardiah

Watak Mardiah dalam naskhah *Pokok* melambangkan seorang watak wanita yang berusaha untuk memiliki potensi tertinggi. Potensi ini juga bagi memperlihatkan simbol

keunggulan watak Mardiah dalam menuju aktualisasi diri. Melalui simbol keunggulan ini dapat diketahui secara psikologi mengenai watak Mardiah memperkembangkan motivasi yang terdapat dalam dirinya. Menurut Maslow (1984: 177), Maslow melihat sifat manusiawi sebagaimana yang diperlihatkan dan bukan menurut apa yang mereka harapkan serta mata mereka melihat apa yang ada di hadapan mereka tanpa dipaksa oleh pelbagai kacamata yang merosakkan atau membentuk serta mewarnai kenyataan. Maka dengan itu pada peringkat sebelumnya Mardiah sentiasa berusaha untuk mencapai matlamat hidupnya bagi menuju aktualisasi diri.

Simbol keunggulan ini dilihat pada watak Mardiah berdasarkan pada struktur psikologi Maslow yang mempunyai tiga dimensi iaitu raga, jiwa dan rohani. Namun begitu pengkaji memberi penumpuan kepada jiwa dan rohani bagi memaparkan simbol keunggulan dalam watak Mardiah. Penumpuan yang khusus terhadap jiwa kerana ia melibatkan fikiran Mardiah, kemahuan Mardiah dan perasaan Mardiah dalam mencapai matlamat menuju kesempurnaan. Manakala rohani melalui pemahaman Maslow merupakan hala tuju Mardiah untuk hidup yang lebih bermakna (*the will to meaning*), makna hidup (*the meaning of life*), dan kebebasan Mardiah dalam berkehendak (*the freedom of will*). Di dalam data simbol keunggulan watak Mardiah, pengkaji telah mengklasifikasikan beberapa bahagian untuk dianalisis seperti yang terdapat dalam jadual di bawah.

No. Data	Kutipan Data	Halaman	Simbol keunggulan watak Mardiah	Keterangan
1.	<i>Mardiah: Di manapun, kuasa penting Darwis. Kita dihormati kerana kuasa. Kerana kuasa memberikan kita penghormatan. Di penjara kuasa adalah segala-galanya. Di kalangan orang tidak berkuasa, kuasa yang sedikit membezakan seorang dengan yang lain!</i>	Babak 1: Hlm.12	Memiliki kemampuan melihat dunia nyata secara efisien	<p>Kutipan data yang mengandungi dialog Mardiah menjelaskan bahawa Mardiah memandang kekuasaan yang disalah gunakan itu akan merosakkan jiwa manusia. Hal ini berlaku pada Mardiah semasa zaman remajanya.</p> <p>Mardiah melihat hal ini dikalangan kawan-kawan ayahnya yang galak untuk mendapatkan kuasa demi mengisi perut mereka sehingga kejujuran dipandang sepi. Akibat daripada kejujuran ayahnya membuatkan Mardiah memberontak sehingga pernah tersasar dari landasan hidup semata-mata untuk mencapai matlamat agar dihormati dan dikagumi.</p> <p>Namun begitu apabila dia keluar penjara dan berkahwin dengan Darwis, Mardiah dapat melihat kenyataan dalam kehidupan berdasarkan pengalaman di penjara serta kebaikan Darwis. Melalui kebaikan itu Mardiah belajar untuk menggunakan potensi yang dimilikinya ke arah perkembangan yang positif.</p>
	<i>Mardiah: Saya mohon cukuplah tu Tuk Kaya. Tak usah diulang cakap begitu. Saya orang kecil Tuk Kaya. Macam timun pada Tuk Kaya. Tuk Kaya berkuasa. Tuk Kaya boleh buat apa saja. Saya cuma mohon, inilah yang tinggal pada saya, Darwis dan anak dalam perut saya ini. Saya tak ada apa lain Tuk Kaya. Hanya itu saja. Kalau saya hidup lagi itulah yang akan jadi milik saya. Saya tahu Tuk Kaya ada hati pada saya, saya sedar, saya bukan buta, saya dapat mengagak perasaan Tuk Kaya pada saya. Tapi inilah permintaan saya pada Tuk Kaya.</i>	Babak 3: Hlm.36-37		
2.	<i>Mardiah: Saya tak pernah menyesal dengan pilihan saya.</i>	Babak 2: Hlm. 25	Merasa tenang meskipun hidup dalam kesusahan	<p>Pernyataan tersebut memperlihatkan simbol keunggulan melalui dialog yang dilontarkan Mardiah menggambarkan bahawa keinginan Mardiah adalah untuk hidup tenang dan jauh dari gangguan orang seperti Tuk Kaya.</p> <p>Mardiah tidak mengharapkan kemewahan daripada Darwis tetapi kesejahteraan untuk anak yang bakal dilahirkan serta kebahagiaan bersama Darwis.</p>
	<i>Mardiah: Biarlah saya susah, asalkan saya menjadi lebih baik. Itulah pilihan saya Tuk Kaya. Saya mohon maaf. Hormatilah permintaan saya.</i>	Babak 3: Hlm.37		
3.	<i>Mardiah: Hari ini saya puas Darwis. Tadi Tuk</i>	Babak 3: Hlm.40	Kecekan jiwa.	Kutipan dialog tersebut menggambarkan bahawa

	<p><i>Kaya datang. Saya bercakap jujur pada Tuk Kaya. Supaya dia faham. Supaya dia beri saya dan awak peluang untuk memulakan hidup yang baru. Saya jadi berani hari ini. Berani yang luar biasa.</i></p>		<p>Mardiah seorang wanita yang kuat untuk melupakan kisah silamnya demi untuk mengubah kehidupan ke arah kebaikan. Dalam pada itu juga dialog tersebut memberi gambaran bahawa jati diri yang ada pada ayahnya kembali kepadanya. Selain daripada itu juga Mardiah mempunyai kecekalan jiwa yang besar untuk bertahan meneruskan kehidupan.</p>
--	---	--	---

Jadual 4.4: Simbol keunggulan watak Mardiah berdasarkan struktur psikologi manusia yang disarankan oleh Maslow

Penjelasan mengenai data simbol keunggulan watak Mardiah dalam jadual 4.4 dilihat berdasarkan struktur psikologi yang telah disarankan oleh Maslow. Ini kerana Maslow melihat manusia selalu berusaha untuk mempertahankan dan meningkatkan kualiti atau keunggulan diri agar dapat menuju ke arah aktualisasi diri. Spesifikasi yang terkandung dalam data simbol keunggulan ini adalah untuk menjelaskan peningkatan potensi yang dimiliki Mardiah. Kutipan data ini juga menunjukkan dorongan Mardiah dalam melihat kemampuan yang ada dalam dirinya bagi mencapai matlamat yang diinginkan. Untuk mencapai peningkatan itu watak Mardiah harus dilihat berdasarkan struktur psikologi manusia yang disarankan oleh Maslow. Struktur psikologi yang dilihat merangkumi tiga dimensi iaitu raga, jiwa dan rohani.

Bagi memenuhi dimensi ini Mardiah akan di dorong oleh motivasi yang bersifat psikologi iaitu keperluan keperluan kasih sayang serta keperluan penghargaan sendiri atau harga diri. Hal ini kerana psikologi humanistik memandang manusia sebagai satu kesatuan yang kuat antara raga, jiwa dan rohani. Dalam keperluan menganalisis data simbol keunggulan watak Mardiah ini diberi penekanan kepada aspek yang melibatkan jiwa dan rohani. Perkaitan antara dimensi jiwa dengan watak Mardiah adalah ia melibatkan dengan fikiran, perasaan dan kemahuan. Manakala dimensi rohani melalui pemahaman humanistik Maslow ialah merupakan satu aspirasi manusia untuk hidup

bermakna (*the will to meaning*), makna hidup (*the meaning of life*), kebebasan berkehendak (*the freedom of will*). Oleh yang demikian aspek jiwa ini diterapkan dalam mengkaji simbol keunggulan yang terdapat dalam watak Mardiah.

4.5.1 Memiliki kemampuan melihat dunia nyata secara efisien

Melalui pengalaman di penjara, Mardiah berkemampuan untuk melihat sesuatu perkara atau tindakan yang dengan lebih teliti. Berdasarkan pengalaman tersebut, Mardiah mampu mengenali dirinya sendiri dengan lebih jelas untuk sentiasa fokus dan berhati-hati dalam pergaulannya. Kesan daripada pengajaran serta ilmu yang diperolehi dalam penjara menyebabkan Mardiah matang dalam mengambil tindakan. Seperti mana yang dinyatakan dalam kutipan data di bawah.

“ Kat penjara dulu ada kawan saya kata, ada tiga perkara jangan buat, jadi orang baik, jadi orang jujur dan jadi orang mudah mengalah”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.8)

“ Kita bukan ulat Darwis. Kita manusia. Ulat tak cakap soal kaya miskin, tentang kuasa, tentang penghormatan”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.12)

“ Di manapun, kuasa penting Darwis. Kita di hormati kerana kuasa. Kerana kuasa memberikan kita penghormatan. Di penjara kuasa adalah segala-galanya. Di kalangan orang yang tidak berkuasa, kuasa yang sedikit membezakan seorang dengan yang lain!”.

(Mardiah. Babak 1: Hlm.12)

Pernyataan di atas memberi gambaran mengenai watak Mardiah dengan jelas iaitu, pemerhatian Mardiah pada persekitarannya sewaktu di penjara menjadikan Mardiah seorang yang dapat mengenalpasti tindakan orang di sekitarnya. Ini bermaksud Mardiah menjelaskan tentang kekuasaan menjadi satu kepentingan untuk orang yang mempunyai duit dan status, kerana apabila duit menguasai diri, maka kuasa akan muncul sebagai lambang kehormatan. Bagi Mardiah kehidupan mereka akan sering ditindas jika Darwis tidak bertindak untuk melakukan sesuatu perubahan yang positif. Mardiah dapat merasakan bahawa Tuk Kaya mempergunakan Darwis untuk kepentingan peribadinya

dan ini menjadikan Mardiah kurang senang dengan perlakuan Tuk Kaya. Pada pandangan masyarakat, Tuk Kaya seperti pelindung pada Darwis tetapi tidak pada Mardiah. Penglihatan Mardiah menjadi semakin tajam dan matang dalam menilai tindakan serta perilaku Tuk Kaya. Pengalaman hidup dalam kesusahan menjadikan Mardiah seorang yang dapat melihat serta menilai apabila berlaku tipu helah dan muslihat dalam persekitarannya.

Seperti mana dalam teori dan motivasi Maslow (1984: 177), menyatakan bahawa orang yang mewujudkan diri atau menzahirkan diri mampu melihat kenyataan hidup dengan lebih jelas. Seperti subjek-subjek yang dikemukakan, Maslow melihat sifat manusia itu sebagaimana adanya dan bukan seperti yang mereka harapkan, mata mereka melihat apa yang ada di hadapan mereka tanpa dipaksa oleh pelbagai pandangan yang merosakkan atau membentuk serta mewarnai kenyataan. Hal ini boleh dilihat dengan jelas pendirian Mardiah yang tidak menyukai sikap berselindung tentang kebenaran yang ternampak jelas. Oleh yang demikian Mardiah berkongsi pengalaman hidupnya supaya Darwis tidak mudah percaya dengan tipu daya manusia. Pernyataan Mardiah juga menjelaskan sikap orang kaya yang menggunakan status serta kedudukan bagi kepentingan diri mereka sendiri. Manakala orang miskin yang tidak mempunyai harta dan kuasa sering dijadikan alat kepentingan mereka malah tidak dihormati. Seperti mana yang dilihat dalam kutipan data berikut.

“ Saya mohon cukuplah tu Tuk Kaya. Tak usah diulang cakap begitu. Saya orang kecil Tuk Kaya. Macam timun pada Tuk kaya. Tuk Kaya berkuasa. Tuk Kaya boleh buat apa saja. Saya cuma mohon, inilah yang tinggal pada saya, Darwis dan anak dalam perut saya ini. Saya takda apa lain Tuk Kaya. Hanya itu saja. Kalau saya hidup lagi, itulah yang akan jadi milik saya. Saya tahu Tuk Kaya ada hati pada saya, saya sedar, saya bukan buta, saya dapat mengagak perasaan Tuk Kaya pada saya. Tapi inilah permintaan saya pada Tuk Kaya”.

(Mardiah. Babak 3: Hlm.36-37)

Berdasarkan kutipan di atas, menjelaskan tentang gambaran watak Mardiah yang bersikap jujur pada Tuk Kaya agar tidak mengganggu hidupnya. Hal ini dilakukan oleh

Mardiah agar Tuk Kaya menghormatinya sebagai wanita yang sudah berkahwin. Mardiah juga mengingatkan Tuk Kaya hal kedudukannya sebagai orang yang tidak mempunyai harta dan kuasa. Pernyataan yang diungkapkan Mardiah adalah sikap berterus terang tanpa berselindung supaya Tuk Kaya berhenti menggangunya. Mardiah sedar bahawa Tuk Kaya mempunyai perasaan terhadapnya. Namun Mardiah tetap berpegang pada prinsip untuk setia bersama Darwis. Hal yang mendorong Mardiah untuk berubah ke arah kebaikan adalah timbul rasa keinsafan dalam dirinya sendiri. Disebabkan itu, Mardiah membina motivasi untuk meningkatkan dirinya bagi menuju kesempurnaan sebagai makhluk Allah serta wanita yang bahagia.

Seperti mana menurut Maslow (1984: 179), motivasi orang biasa ialah berikhtiar untuk menepati hal yang memuaskan keperluan utama yang terasa kurang, tetapi pada hakikatnya orang-orang yang sedang menuju aktualisasi diri tidak merasa kekurangan tentang kepuasan yang dimiliki. Namun begitu mereka mempunyai gerak hati yang mendalam kerana Maslow menegaskan bahawa motivasi adalah pertumbuhan watak semata-mata, pengungkapan watak dan perkembangan watak.

4.5.2 Merasa tenang meskipun hidup dalam kesusahan

Walaupun pada awal pembesaran Mardiah sehingga remaja sering berlaku pemberontakan serta kegelisahan kerana hidup dalam kesempitan, namun begitu perkara itu berjaya mengubah matlamatnya kerana Mardiah telah belajar sesuatu yang bernilai dalam penjara. Berdasarkan pengalaman lepas membuatkan Mardiah sedar bahawa dalam dunia ini, duit, kuasa dan darjat tidak semestinya menjanjikan kebahagiaan yang hakiki. Perkara itu juga yang dilihat oleh Haliza Misbun dalam mengenalpasti psikologi Mardiah. Oleh yang demikian apabila Mardiah mengahwini Darwis adalah untuk mencari kembali jati diri ayahnya ,sebab itu Mardiah lebih memilih untuk tinggal di hutan daripada terus hidup di kota selepas keluar dari penjara. Pernyataan ini boleh dilihat dalam dialog Mardiah.

“ Saya tidak pernah menyesal dengan pilihan saya ”.

(Mardiah. Babak 2: Hlm.25)

“ Kami boleh pergi kalau Tuk Kaya kata pergi. Itupun yang selalu saya cakap pada Darwis. Kita pindah saja dari sini ”.

(Mardiah. Babak 3: Hlm.35)

Kenyataan dialog ini membuktikan bahawa Mardiah tidak menyesal dengan kesusahan yang dialaminya selepas berkahwin dengan Darwis. Mardiah merasa tenang kerana dia cukup sayang sikap kejujuran Dawis yang luhur itu. Melalui interpretasi Haliza Misbun sebagai pelakon yang memainkan peranan Mardiah, menganggap Darwis sebagai metafora dalam hidupnya. Dalam masa yang sama juga Mardiah merasakan figura ayahnya mempunyai persamaan dengan Darwis serta menjadi penyebab untuk Mardiah terus bertahan dalam meneruskan kehidupannya.

“ Biarlah saya susah, asalkan saya menjadi lebih baik. Itulah pilihan saya Tuk Kaya. Saya mohon maaf. Hormatilah permintaan saya ”.

(Mardiah. Babak 3: Hlm.37)

“ Awak ingat pertama kali kita jumpa? Dalam kedai runcit. Awak terjatuh bila tongkat awak tergelincir. Saya tolong awak. Awak ingat apa awak kata, ‘ terima kasih, orang tak pernah tolong saya. ’ Entah mengapa saya rasa sayu melihat awak. Saya tak pernah ada perasaan macam itu. Selalunya hati saya keras. Macam batu. Bila saya bangunkan awak, awak kata, ‘ saya ada adik perempuan sebaya dengan awak ’.

(Mardiah. Babak 3: Hlm.38)

Berdasarkan pada kutipan dialog di atas memperlihatkan kerendahan hatinya untuk memilih hidup susah daripada hidup dalam kegemerlapan seperti yang pernah dilalui sewaktu remaja. Hal ini menyakinkan bahawa Mardiah sangat mendambakan ketenangan bersama suaminya kerana Mardiah memilih untuk setia dalam perkahwinan yang dibina atas dasar cinta. Selain daripada itu Mardiah telah merasa puas dengan apa yang pernah dia miliki sebelum masuk penjara. Kegemilangan hidupnya sewaktu remaja telah memberi kesan yang mendalam pada keseluruhan hidupnya. Oleh sebab itu Mardiah tidak mahu mengejar perkara yang pada akhirnya tidak membawa makna yang besar dalam hidupnya.

4.5.3 Kecekalan jiwa

Kecekalan jiwa adalah salah simbol keunggulan yang terdapat dalam watak Mardiah melalui sikap dan tindakannya untuk terus bertahan bagi meneruskan kehidupan. Ini kerana dalam pemerhatian Haliza Misbun, dalam membina perwatakan Mardiah sebagai wanita yang unggul ialah, apabila Mardiah sanggup melupakan segala kesenangan yang pernah diperolehi dengan jalan yang salah. Mardiah sanggup memilih untuk hidup susah sedangkan dia masih cantik dan Mardiah boleh gunakan kecantikan yang dimiliki untuk hidup dalam dunia yang penuh dengan kemewahan. Namun begitu kerana timbulnya rasa keinsafan, Mardiah terus tekad untuk berjuang bagi melupakan dunia kelamnya, kerana penjara telah mengajar Mardiah semuanya tentang kehidupan. Walaupun Mardiah ada pilihan lain untuk menggunakan kemahiran yang dia ada. Namun begitu Mardiah menolak kerana dorongan untuk mencapai kesempurnaan menjadi matlamat utama hidupnya. Kecekalan jiwa Mardiah sangat besar untuk membina motivasi dirinya sendiri untuk berubah ke arah kebaikan. Ini boleh di lihat melalui pernyataan dialog Mardiah.

“ Pelik kan Bang Mud. Dulu saya hanya selamat rasa selamat di penjara. Di luar saya resah, gelisah, tak tentu arah. Saya rasa tak selamat. Saya rasa kekurangan. Tak diperlukan. Dipandang rendah. Dihina. Tak ada harga diri. Di penjara, saya jumpa diri saya. Saya rasa tenang. Selamat”.

(Mardiah. Babak 2: Hlm.25)

“ Saya hanya mengenal kebaikan bila saya kahwin dengan Darwis. Dan bila saya mendapat perlindungan dari Tuk Kaya. Saya boleh memilih untuk melayan Tuk Kaya, merelakan tindakan Tuk Kaya di rumah, menyerahkan diri saya pada Tuk Kaya. Mungkin saya hidup lebih senang dari sekarang. Tapi saya tahu perasaan Tuk Kaya pada saya sementara saja. Kecantikan saya akan hilang. Saya bukan lagi puteri bunian yang Tuk Kaya igaukan. Saya hanyalah Mardiah, perempuan bekas banduan yang menjelma dalam hidup Tuk Kaya. Kecantikan saya sementara Tuk Kaya”.

(Mardiah. Babak 3: Hlm.37)

“ Hari ini saya puas Darwis. Tadi Tuk Kaya datang. Saya bercakap jujur pada Tuk Kaya. Supaya dia faham. Supaya dia beri saya dan awak peluang untuk memulakan hidup yang baru. Saya jadi berani hari ini. Berani yang luar biasa”.

(Mardiah. Babak 3: Hlm.40)

Penjelasan dialog ini memperlihatkan kekuatan yang timbul dari dalaman sikap Mardiah iaitu keberanian serta kejujuran yang menjadi prinsip hidupnya. Mardiah menjadi seorang yang berani kerana ingin menjadi pelindung untuk suaminya. Sebab Mardiah tahu Darwis tidak mempunyai keupayaan dari segi fizikal dan sering dipergunakan oleh orang yang mempunyai kuasa. Kekurangan yang ada pada Darwis membuatkan Mardiah untuk terus cekal walaupun dia terpaksa hidup dalam kesusahan. Itu semua bukan menjadi satu hal utama dalam matlamat hidupnya kerana Mardiah hanya inginkan kebahagiaan bersama Darwis.

Melalui ungkapan dialog Mardiah di atas dapat digambarkan bahawa kecekalan jiwa yang diperolehi oleh Mardiah ialah apabila dia melalui pengalaman hidup dalam penjara. Pengalaman tersebut telah mematangkan pemikiran Mardiah untuk berkembang dengan sihat dan positif. Sehubungan dengan itu juga, jiwa Mardiah tetap teguh dengan semangat motivasi serta keyakinan untuk memperbaiki kesilapan lalu walaupun diuji dengan pelbagai rintangan. Tindakan ini diambil secara positif oleh Mardiah bagi mengenal setiap kelemahan dirinya selama ini. Mardiah juga bertindak secara rasional supaya dia dapat keluar daripada kelemahan tersebut dengan bertujuan untuk melupakan peristiwa hitam dalam hidupnya. Oleh sebab itu, gambaran ini jelas memperlihatkan watak Mardiah seorang yang tidak pernah putus asa untuk mencari jalan menuju kebaikan. Selain daripada itu juga keteguhan cinta Darwis terhadapnya, menjadikan Mardiah sentiasa menanam hasrat untuk menjadi pasangan yang baik kepada suaminya agar dia memperolehi kesempurnaan sebagai seorang isteri dan wanita.

Bagi Mardiah kasih sayang dan cinta menjadikan seseorang manusia itu lebih sempurna, namun begitu Mardiah tidak mendapat kasih sayang sepenuhnya dari ibu dan ayahnya kerana kemiskinan. Kemiskinan itu membuatkan ibu dan ayah Mardiah tidak mempunyai kesempatan bersama dengan Mardiah serta adik beradiknya akibat terlalu sibuk bekerja bagi memenuhi keperluan seharian. Sedangkan keperluan kasih sayang

adalah satu keperluan yang wajib diberi perhatian. Hal ini memperlihatkan kekuatan Mardiah untuk mencuba sesuatu perkara yang berlawanan dari sifat awalnya. Oleh sebab itu Mardiah ingin membebaskan kenangan silamnya agar psikologinya berkembang dengan baik. Dalam teori motivasi dan keperibadian, Maslow (1984: 305), menyatakan bahawa kekuatan jahat atau hal yang merosakkan terdapat dalam diri manusia itu adalah hasil dari persekitaran yang buruk dan bukan hasil daripada keperibadian asal seseorang manusia.

Pernyataan Maslow di atas menjelaskan bahawa persekitaran tempat tinggal yang padat dan tidak bersih menyebabkan Mardiah mempunyai kekuatan untuk bertindak di luar kawalannya bagi mendapat kepuasan yang selesa. Hal ini kerana Mardiah ingin mencapai kehidupan yang sempurna dengan mengejar sesuatu hal yang boleh merosakkan sikap dan pemikirannya. Selain daripada itu gambaran dari kutipan tersebut memperlihatkan Mardiah mempunyai tekad yang tinggi apabila membuat keputusan untuk terus menjadi baik. Ini kerana cinta suaminya mampu membuatkan Mardiah tetap bertahan dalam kejujuran itu. Dalam konteks Haliza Misbun, beliau memperlihatkan watak Mardiah melalui lakonan ialah, Mardiah tampil unggul kerana jiwanya yang cecal serta Mardiah terus memilih untuk meninggalkan dunia penuh kegemerlapan yang tidak menjanjikan apa-apa ketenangan padanya. Perkara ini bukan satu jalan yang mudah untuk Mardiah, ia memerlukan kekuatan, pengorbanan dan kecekalan yang sangat tinggi. Namun Mardiah berkemampuan meninggalkan hal dunia yang penuh dengan kuasa dan tipu daya manusia. Mardiah bertekad memilih untuk terus menjadi pelindung pada kejujuran dan cinta Darwis bagi menuju kebahagiaan yang hakiki.

4.6 Proses aktualisasi Mardiah

Pendedahan mengenai keperluan psikologi watak Mardiah adalah untuk memperlihatkan keyakinan diri dalam watak Mardiah. Sehubungan dengan itu juga

proses aktualisasi diri ini akan menjelaskan perkembangan serta melihat kemampuan Mardiah dalam berusaha untuk mencapai aktualisasi diri berdasarkan pengalaman hidupnya. Ini kerana Maslow (2013: 307), menjelaskan aktualisasi diri merupakan salah satu aspek penting tentang motivasi pada manusia. Perkara ini yang menjadi matlamat utama Mardiah setelah keluar daripada penjara dan berkahwin dengan Darwis. Oleh sebab itu Mardiah memilih untuk terus bertahan hidup dengan suaminya agar Mardiah mencapai kebahagiaan serta memperolehi kehidupan yang lebih tenang. Menurut Maslow dalam Goble (2010: 77), Maslow menggambarkan keperluan aktualisasi diri ini sebagai hasrat untuk menjadi diri sendiri sepenuhnya berdasarkan kemampuan diri sendiri dan menjadi apa saja menurut kemampuannya.

Proses aktualisasi diri ini dilihat dalam watak Mardiah berdasarkan pada proses-proses pengalaman hidupnya. Proses aktualisasi Mardiah ini dilihat melalui teori motivasi dan keperibadian Maslow iaitu prinsip-prinsip aktualisasi yang mengandungi beberapa aspek penting dalam mencapai kesempurnaan diri. Beberapa aspek yang dipilih adalah berdasarkan kepada keperluan serta kemampuan watak Mardiah. Aspek-aspek yang penting dalam membentuk keperluan aktualisasi diri Mardiah adalah seperti di bawah.

No. Data	Kutipan Data	Halaman	Proses aktualisasi Mardiah	Keterangan
1.	<i>Mardiah: Saya memilih untuk menolak dari merelakan, sebab saya mahu belajar jadi baik. Selama ini kecantikan saya menjadi beban pada saya. Saya menjadi jahat kerananya. Saya menggunakan kecantikan saya untuk menggoda, menyusahkan orang lain, melakukan maksiat dan akhirnya saya masuk ke penjara. Di penjara saya menggunakan kecantikan saya juga untuk mencapai matlamat saya. Saya tidak ragu-ragu menggunakannya. Saya memilih untuk jadi huduh di sini Tuk Kaya.</i>	Babak 3: Hlm.37	Mampu bertahan pada pendirian dan keputusan	Berdasarkan pernyataan dialog Mardiah tersebut menggambarkan bahawa Mardiah tegas dalam mempertahankan maruahnya sebagai wanita dan isteri. Di sini diperlihatkan Mardiah sudah memenuhi keperluan penghargaan sendiri. Mardiah sanggup hilang kecantikan yang dimiliki demi sebuah kepuasan yang membahagiakan dalam hidupnya. Ini kerana sebelum beliau masuk penjara, Mardiah cukup puas menikmati kenikmatan dunia tanpa landasan agama. Namun begitu motivasi ini wujud dalam watak Mardiah kerana beliau sudah melalui persekitaran yang sihat bersama Darwis. Walaupun dalam masa yang sama,

	<i>Sebab saya mahu jadi baik.</i>			Darwis hanya mampu menyediakan sebuah pondok buruk namun penghargaan Darwis terlalu tinggi buat Mardiah.
2.	<i>Mardiah: Percaya cakap saya. Saya tak mengkhianati kasih sayang awak pada saya.</i>	Babak 3: Hlm.41	Hubungan peribadi yang kuat	<p>Pada kutipan data ini menggambarkan bahawa Mardiah lebih menghargai kewujudan Darwis dalam kehidupannya. Mardiah mampu menjalin hubungan yang baik serta merasa tenang apabila berinteraksi dengan Darwis.</p> <p>Faktor yang mempengaruhi tindakan Mardiah dapat disimpulkan bahawa Mardiah meletakkan makna aktualisasi diri kerana dipengaruhi oleh kemampuan dirinya, potensi yang dimiliki serta keperluan diri yang dapat dipenuhi dengan baik.</p>
3.	<i>Mardiah: Dosa saya banyak pada Tuhan saya tahu. Saya pernah dua kali gugurkan anak. Masa saya nakal. Masa saya muda. Awak tahu semua itu Tuhan telah menghukum saya.</i>	Babak 3: Hlm.40	Kesempurnaan	<p>Kutipan data ini menjelaskan kesempurnaan Mardiah untuk bersikap jujur dengan suaminya mengenai kisah lampau. Pengakuan yang dibuat Mardiah adalah satu peningkatan motivasi kerana Mardiah memperoleh kepercayaan yang digambarkan sebagai keperluan harga diri sebagai isteri dan wanita.</p> <p>Kesempurnaan seorang isteri apabila suaminya menerima setiap kelemahan dan kelebihan nya tanpa syarat. Itulah kesempurnaan yang Mardiah capai sebelum dia meninggal dunia. Ini kerana Mardiah perlukan redha seorang suami sebelum dia pergi berjuang melahirkan anak. Maka dengan itu juga nama Mardiah sendiri membawa maksud mendapat keredhaan.</p>

Jadual 4.5: Proses aktualisasi Mardiah dilihat menerusi prinsip aktualisasi diri yang disarankan oleh Maslow

Penjelasan dalam jadual 4.5 yang telah disediakan seperti di atas menerangkan usaha watak Mardiah dalam proses mencapai aktualisasi diri berdasarkan aspek-aspek yang telah disarankan oleh Maslow. Pengkaji telah mengklasifikasikan setiap data kutipan mengikut dialog yang dipilih dengan melihat prinsip aktualisasi Maslow serta keperluan hierarki yang paling atas. Pengkaji telah mengklasifikasikan data kutipan melalui tiga aspek yang dipilih berdasarkan kesesuaian serta kehendak yang diperlukan oleh Mardiah. Dalam masa yang sama hal ini dilihat melalui pengalaman watak Mardiah sebagai sebuah watak yang sempurna sehingga akhirnya mencapai aktualisasi diri.

Aspek aktualisasi itu mengandungi tiga kategori. Pertama, mampu bertahan pada pendirian dan keputusan, kedua ialah hubungan peribadi yang kuat dan ketiga adalah kesempurnaan. Kesemua aspek-aspek ini memperlihatkan kewujudan makna dalam kehidupan Mardiah bagi mencapai aktualisasi diri. Data ini memperlihatkan watak Mardiah terdorong untuk mengaktualisasikan dirinya membawa makna bahawa Mardiah mampu melakukan tindakan yang sesuai dengan potensi yang dimiliki. Selain dari itu transformasi ke arah aktualisasi diri watak Mardiah tidak didesak atau dipengaruhi oleh orang lain. Pencapaian ini berlandaskan pengalaman-pengalaman lampau yang meletakkan Mardiah dalam proses yang sihat dan stabiliti dalam kehidupannya. Berikut di bawah adalah penjelasan terperinci mengenai proses serta pengalaman watak Mardiah dalam menuju proses aktualisasi diri.

4.6.1 Mampu bertahan pada pendirian

Watak Mardiah dilihat mampu bertahan pada pendirian adalah dengan melihat bagaimana sikap Mardiah yang tidak pernah berganjak daripada keputusannya untuk terus memilih hidup bersama kejujuran Darwis. Kejujuran itu adalah satu perkara yang telah disemai oleh ayahnya sejak kecil. Oleh sebab itu watak Mardiah digambarkan mempunyai ketegasan dalam mempertahankan maruah serta pendiriannya sebagai isteri

dan wanita. Ini kerana Darwis mencintai Mardiah tanpa meletakkan apa-apa syarat dalam membina hubungan.

Sehubungan dengan itu juga proses ini memperlihatkan bagaimana pengalaman Mardiah berhadapan dengan Tuk Kaya yang sering mengganggu hidupnya demi kepuasan yang sementara. Proses ini menjelaskan usaha serta sikap bertahan yang ada dalam diri Mardiah dan sekaligus menggambarkan kejujuran Mardiah pada dirinya sendiri. Ini boleh dilihat melalui kutipan dialog tersebut.

“ Saya memilih untuk menolak dari merelakan, sebab saya mahu belajar jadi baik. Selama ini kecantikan saya menjadi beban pada saya. Saya menjadi jahat kerananya. Saya menggunakan kecantikan saya untuk menggoda dan menyusahkan orang lain, melakukan maksiat dan akhirnya saya masuk ke penjara. Di penjara saya menggunakan kecantikan saya juga untuk mencapai matlamat saya. Saya tidak ragu-ragu menggunakannya. Saya memilih untuk jadi huduh di sini Tuk Kaya. Sebab saya mahu jadi baik”.

(Mardiah. Babak 3: Hlm.37)

“ Saya tak pernah ingat pada tuhan sebelum saya kahwin dengan awak Darwis. Tapi saya belajar sembahyang. Saya cuba dekatkan diri saya pada Tuhan”.

(Mardiah. Babak 3: Hlm.38)

“ Awak kena percaya pada saya. Awak tak perlu tahu apa yang saya cakap pada Tuk Kaya”.

(Mardiah. Babak 3: Hlm.40)

Pernyataan di atas menjelaskan Mardiah menolak permintaan Tuk Kaya. Mardiah tetap dengan pendiriannya untuk terus bertahan hidup susah tetapi tenang daripada segala hal dunia yang boleh melalaikan dirinya. Ini kerana Mardiah sudah merasa puas dengan dunia kegemerlapan yang tidak menjanjikan kebahagiaan yang hakiki. Haliza Misbun juga menyifatkan watak Mardiah yang di lakonkan olehnya, mempunyai ketegasan dalam setiap keputusan yang dibuat. Dalam konteks Haliza Misbun, Mardiah sudah puas mengecapi dunia fana dengan perkara yang tidak mengarahkan kepada kebaikan. Apabila dilihat melalui teori Maslow, sifat ketegasan ini dimiliki oleh Mardiah kerana dia telah memenuhi keperluan yang paling bawah serta keperluan harga diri. Keperluan tersebut

menjadikan Mardiah mempunyai keyakinan tinggi untuk berhadapan dengan Tuk Kaya. Tindakan ini dilakukan adalah kerana Mardiah memilih untuk bertahan dan tetap setia dengan suaminya. Hal ini mendorong Mardiah untuk mencapai peningkatan diri kerana Mardiah sudah mampu untuk melihat serta menilai perkara-perkara yang membolehkan watak Mardiah berfikir secara positif. Walaupun pada saat kehamilannya Mardiah tidak memperolehi nutrisi yang baik. Namun begitu dari segi keperluan asas seperti makanan, minuman, tempat tinggal juga sudah terpenuhi oleh Mardiah.

Berdasarkan kepada pernyataan dialog di atas juga, ia memberi gambaran bahawa watak Mardiah membuat keputusan nekad untuk berubah ke arah kebaikan kerana muncul rasa penyesalan atas perkara yang dia lakukan serta Mardiah juga memperolehi keyakinan diri yang tinggi. Di sebabkan itu, setiap keputusan yang diambil oleh Mardiah mengikut pemikiran yang positif dan hal ini tidak akan berubah sama sekali. Sepertimana yang ditegaskan dalam dialog Mardiah bahawa, kemunculan Darwis juga memberi pengertian yang besar dalam hidupnya. Hal ini kerana bermula dari pertemuan serta perkahwinan mereka, Mardiah mampu mengenal penciptanya serta menjalankan tanggungjawabnya sebagai makhluk Allah dan dari situ Mardiah berkemampuan mengenal dirinya sendiri secara rasional.

4.6.2 Hubungan peribadi yang kuat

Kemunculan Darwis dalam hidup Mardiah memberikan satu hal yang bermakna pada keseluruhan hidup Mardiah. Ini kerana apabila dibebaskan dari penjara Mardiah mengimbuai kembali ayahnya yang sudah lama meninggal dunia. Faktor ini menyebabkan Mardiah merasa terkilan dengan sikap serta tindakan yang pernah dia lakukan pada ayahnya dan ini menimbulkan penyesalan dalam diri Mardiah. Walaupun pada dasarnya dapat dilihat hubungan Mardiah dan ayahnya kurang baik. Namun begitu dalam pemerhatian Haliza Misbun semasa membina watak Mardiah ini, Haliza meletakkan ayah Mardiah sebagai figura yang boleh dikagumi kerana kejujuran yang dimiliki ayahnya.

Walaupun pada pandangan masyarakat ayahnya tidak bertanggungjawab, kerana tidak mampu memberi didikan yang sempurna kepadanya. Pendidikan yang dimaksudkan ialah, ayahnya terpaksa mengabaikan keperluan pendidikan formal kerana tidak berkemampuan untuk menyediakan kelengkapan persekolahan kesan daripada masalah status ekonomi ayahnya. Tetapi prinsip ayahnya tentang kejujuran menjadi penyebab atau motivasi untuk Mardiah berubah, kerana kejujuran itulah Mardiah terkandas hingga masuk penjara.

Oleh yang demikian selepas keluar penjara Mardiah berhijrah ke desa untuk mengubah kehidupan dan mencari sesuatu yang memberi makna dalam hidup. Dengan penghijrahan itulah Mardiah menemui Darwis. Mardiah melihat Darwis yang kudung sebelah kaki kirinya mempunyai keluhuran serta keikhlasan menerimanya sebagai isteri. Bermula dari situ Mardiah mampu memenuhi keperluan harga diri sebagai seorang wanita. Darwis telah melengkapinya keperluan yang selama ini menjadi matlamat hidupnya. Seperti mana dalam pernyataan dialog Mardiah.

“ Awak beri harga diri pada saya, awak kembalikan maruah saya. Itulah hadiah awak yang paling besar buat saya ”.

(Mardiah. Babak 3: Hlm.39)

“ Saya menemui dunia baru, dunia lembut, dunia penyanyang, dunia kasih sayang bila saya kenal awak. Saya desak awak untuk tinggalkan tempat ini bukan kerana saya nak mencabar awak. Saya ada alasan saya sendiri. Saya mahu kebaikan saya berterusan. Saya mahu kasih awak pada saya berterusan ”.

(Mardiah. Babak 3: Hlm.39)

“ Saya tak ada apa yang saya nak tinggalkan untuk awak atau dunia ini Darwis. Moga-moga anak kita selamat ”.

(Mardiah. Babak 3: Hlm.39)

“ Saya rasa saya disayangi. Untuk pertama kali saya rasa begitu Darwis.

(Mardiah. Babak 3: Hlm.39)

Pernyataan dialog tersebut menggambarkan kebahagiaan Mardiah dalam mencapai aktualisasi diri selepas melalui pengalaman hidup yang tragik. Oleh yang demikian hubungan Mardiah dan Darwis terbina dengan kekuatan yang muncul dari

motivasi untuk berubah ke arah kesempurnaan. Dalam konteks Haliza Misbun, perkara yang dilihat dalam hubungan Mardiah dan Darwis adalah cinta dan kasih sayang yang luhur serta jujur, kerana dengan kekayaan yang melimpah tidak bermakna apa-apa jika tiada kejujuran, cinta serta kasih sayang dalam hubungan. Bagi Haliza, watak Mardiah adalah sebuah entiti kejujuran yang perlu dipelihara pada masa akan datang bagi mengukuhkan sebuah perhubungan.

Faktor yang menjadikan hubungan perkahwinan mereka lebih bermakna apabila Mardiah menghargai kasih sayang, pengorbanan dan usaha yang dilakukan oleh Darwis. Kekuatan serta keyakinan Mardiah menjadi lebih teguh apabila dia sentiasa mendapat sokongan serta perhatian daripada suaminya. Hal ini mendorong Mardiah untuk mempertahankan hubungan mereka, kerana Mardiah yakin bahawa suami isteri adalah satu hal yang menuntut untuk saling melengkapi antara sama lain. Melalui perkahwinan itu juga Mardiah dapat memperbaiki setiap kelemahan yang ada pada diri mereka bagi menuju ketahap yang lebih baik. Secara khususnya, hal ini juga memperlihatkan kekuatan hubungan mereka dapat mengatasi kesunyian yang melingkari jiwa Mardiah.

Dalam Maslow (1984: 189), menegaskan bahawa manusia yang sedang menuju ke arah aktualisasi diri mempunyai ikatan yang mendalam dengan hanya beberapa orang sahaja, kerana kelompok sahabat mereka juga agak kecil dan orang yang mereka cintai juga sedikit. Dalam pada itu kekuatan hubungan Mardiah terhadap perkahwinan bukan dibina dalam masa yang singkat. Mardiah mengambil masa dua tahun untuk memperolehi kenikmatan menjadi orang yang baik. Hal itu menjadi penyebab untuk Mardiah menepis segala godaan dari luar supaya rasa cinta itu sentiasa kekal dalam jiwanya.

4.6.3 Kesempurnaan

Kesempurnaan watak Mardiah mencerminkan kemampuannya dalam proses mengaktualisasikan dirinya. Selain daripada itu, watak Mardiah dilihat mencapai peningkatan aktualisasi diri pada pengakhiran hidupnya kerana memiliki keinginan untuk

berkembang serta berkemampuan untuk bersikap spontan, keberanian untuk berterus terang serta memiliki sifat kerendahan hati. Peningkatan itu membawa maksud bahawa watak Mardiah mampu meletakkan dirinya sendiri dalam posisi yang sempurna, iaitu apabila Mardiah membuat pengakuan kepada suaminya tentang perkara yang menjadi kegelisahannya selama ini. Itulah gambaran yang dijelaskan pada watak Mardiah seperti dalam kutipan dialognya.

“ Saya tambah sayu. Saya nampak seorang lelaki yang tak berdaya di hadapan saya. Malam itu saya terfikir, bagaimanakah agaknya kehidupan lelaki ini? Saya perempuan yang sempurna, saya hidup sukar. Ini lelaki kurang upaya, bagaimana hidupnya? Saya tak pernah berfikiran begitu Darwis. Saya tidak pernah ada perasaan pada sesiapaupun. Satu ketika saya pukul kepala seorang kerani perempuan sewaktu merompak di sebuah bank. Saya tak ada belas kasihan. Asalkan saya dapat apa yang saya mahukan. Dunia saya ganas Darwis”.

(Mardiah. Babak 3: Hlm.38-39)

“ Dosa saya banyak pada Tuhan saya tahu. Saya pernah dua kali gugurkan anak. Masa saya nakal. Masa saya muda. Awak tahu itu semua itu. Tuhan dah menghukum saya”.

(Mardiah. Babak 3: Hlm.40)

Pernyataan kutipan dialog Mardiah di atas membawa maksud bahawa Mardiah telah menginsafi segala perbuatan yang pernah dia lakukan sewaktu remaja. Mardiah juga menganggap bahawa kesusahan serta rintangan yang dihadapi adalah ujian daripada Tuhan. Ini menjadi penyebab untuk Mardiah membina kehidupan baru dengan Darwis adalah untuk melupakan semua kisah silamnya serta membina kehidupan yang lebih baik. Walaupun bukan mudah untuk Mardiah lalui semua proses tersebut, namun dalam petikan dialog itu memperlihatkan usaha dan motivasi Mardiah sangat tinggi bagi meletakkan dirinya sendiri dalam kesempurnaan. Kekuatan yang terdapat dalam watak Mardiah mendorong untuk Mardiah berubah demi mencapai matlamat hidupnya. Hal ini kerana kekuatan serta keutuhan diri Mardiah muncul kerana timbulnya kepercayaan terhadap Tuhan dan kepercayaan pada dirinya sendiri. Peningkatan inilah yang menjelaskan bahawa watak Mardiah mampu menerima dirinya sendiri dengan penuh keinsafan dan penyesalan.

Dalam konteks Haliza Misbun pula ialah, Haliza merasakan watak Mardiah telah mencapai kesempurnaan dikaca matanya sendiri bukan dikaca mata orang lain, kerana bagi Mardiah, dia sudah puas melihat dunia ini serta Mardiah sudah tahu realiti kehidupan yang sebenar. Dalam pada itu juga, Haliza Misbun melihat cinta dan kasih sayang yang ada dalam jiwa Mardiah menggambarkan Mardiah sebagai seorang wanita sempurna. Ini kerana kesempurnaan Mardiah adalah apabila dia meninggal dunia dalam kejujuran.

4.7 Dapatan kajian

Berdasarkan pada hasil analisis data di atas, pengkaji menemukan beberapa perkara untuk dibincangkan dalam hasil dapatan kajian. Hasil dapatan ini melibatkan empat proses Mardiah mencapai aktualisasi diri yang telah di analisis dalam bab empat iaitu, emosi watak Mardiah, konflik watak Mardiah, simbol keunggulan watak Mardiah dan proses aktualisasi Mardiah.

4.7.1 Emosi watak Mardiah

1) Kesedihan

Melalui analisis kajian, pengkaji mendapati bahawa emosi kesedihan yang dialami Mardiah adalah disebabkan faktor sosial, ekonomi serta kurangnya keperluan kasih sayang daripada keluarganya. Selain daripada itu, hal yang menjadi penyebab kesedihan Mardiah adalah untuk memenuhi keperluan yang paling asas iaitu keperluan fisiologi. Keperluan ini merangkumi tempat tinggal yang selesa, makanan yang lazat, mempunyai masa rehat yang cukup, memiliki wang untuk membeli keinginan dan kehendak serta persekitaran yang sihat dan keperluan seksual. Sehubungan dengan itu, keperluan yang paling diinginkan Mardiah adalah memiliki tempat tinggal yang mewah sebagaimana yang dilihat pada rakan sebayanya. Namun hal ini tidak mampu dipenuhi kerana ayah Mardiah

tidak mempunyai kemampuan untuk menyediakan keperluan yang mewah. Keperluan yang disediakan oleh ayahnya sekadar memenuhi tuntutan hidup.

Justeru itu, keperluan tersebut berhasil dipenuhi oleh Mardiah mengikut peringkat demi peringkat sehingga Mardiah mendapat kepuasan yang menjamin beliau untuk memperolehi perkembangan yang sihat. Menurut Maslow (1984: 40), apabila tubuh kekurangan sesuatu zat kimia, manusia akan lebih cenderung untuk mengalami perkembangan yang tidak sempurna. Sebagaimana yang diperlihatkan dalam analisis kajian, watak Mardiah mampu mengenal potensi yang dimilikinya untuk berubah bagi mencapai perubahan yang sempurna dengan mengenyakan kesedihan lampaunya yang hidup dalam kesusahan. Namun begitu keperluan fisiologi Mardiah dipenuhi sewaktu dia meningkat remaja dengan memilih jalan yang salah untuk mengecapi kemewahan hidup. Oleh yang demikian, Mardiah menyedari bahawa keperluan yang diperolehi itu telah membinasakan dirinya sendiri. Dari situ Mardiah mula sedar bahawa keperluan tersebut yang disediakan oleh ayahnya telah mencukupi untuk Mardiah tumbuh dengan sihat jika dia menikmati keperluan tersebut dengan positif. Hasil dapatan ini memperlihatkan watak Mardiah memiliki potensi untuk berubah dengan cara menerima dirinya sendiri dengan sepenuh hati agar dapat melupakan kesedihan yang dialaminya.

2) Kekecewaan

Hasil dapatan ini melihat kekurangan dalam keperluan keselamatan atau rasa aman selepas Mardiah keluar daripada penjara. Hal ini didapati kerana Mardiah merasa rendah diri kesan daripada pengalaman lampaunya. Manakala kesan sampingan lain yang menyebabkan Mardiah mengalami kekecewaan adalah kerana dia tidak berjaya mencapai sesuatu yang diinginkan sewaktu remaja. Keinginan itu berupa pendidikan formal seperti kanak-kanak lain. Namun

kerana kemiskinan, Mardiah perlu mengabaikan keinginan tersebut demi menghormati kemampuan ayahnya.

Pada awal perkembangan, Mardiah mempunyai sifat yang baik dan berpandangan positif, namun wujud sifat negatif seperti agresif dan egoistik disebabkan persekitaran pembesarannya menjadi punca timbulnya emosi kecewa ini dalam watak Mardiah. Mardiah tidak mampu untuk mengawal sifat agresif sendiri tanpa panduan oleh kedua ibu bapanya. Sedangkan dalam had-had tertentu manusia mempunyai sifat yang bebas untuk membuat pilihan bersesuaian dengan kemampuan yang dimiliki. Kekecewaan ini terjadi pada watak Mardiah adalah disebabkan kurangnya keperluan keselamatan atau rasa aman yang tidak dipenuhi dengan baik sejak zaman kanak-kanak sehingga remaja. Keperluan keselamatan ini melibatkan kestabilan ekonomi keluarga Mardiah serta perlindungan daripada ibu bapanya. Oleh sebab itu emosi ini memberi pengaruh yang besar dalam pembentukan watak Mardiah.

Menurut pernyataan Maslow (1984: 5), kejahatan bukanlah sebahagian daripada kehidupan tetapi disebabkan oleh persekitaran yang tidak sempurna. Oleh disebabkan itu, Mardiah berusaha untuk mengubah kehidupannya agar menjadi lebih baik agar dapat meningkatkan potensi dalam dirinya. Dalam hasil dapatan ini juga dapat digambarkan bahawa Mardiah memiliki kemampuan untuk mengatasi rasa kecewa dengan melakukan tindakan yang sewajarnya, seiring dengan matlamat hidupnya.

3) Ketakutan

Hasil dapatan ini memperlihatkan watak Mardiah memerlukan persekitaran yang selamat serta dengan adanya kemudahan yang baik agar Mardiah dapat menepis rasa takut dalam dirinya. Mardiah merasa bimbang jika sesuatu yang buruk berlaku pada anaknya. Dalam hal ini juga pengkaji

menemukan bahawa Mardiah memerlukan sumber nutrisi seperti pemakanan yang sihat untuk dirinya serta anak dalam kandungannya. Perkara ini menjadi kebimbangan pada Mardiah sehingga menimbulkan rasa takut adalah kerana terlalu memikirkan kesihatan kandungannya. Mardiah percaya dan yakin bahawa melalui pemakanan yang sihat, anak dalam kandungan juga turut mengalami perkara yang sama.

Hal ini terjadi pada Mardiah akibat daripada kurangnya keperluan rasa aman semasa zaman kanak-kanaknya. Menurut Maslow (1987: 73), seorang anak menyukai konsistensi dan kerutinan sehingga batas-batas tertentu, jika unsur ini tidak dapat ditemukan, maka ia akan menjadi cemas dan merasa tidak aman. Kesan ini memberi impak besar kepada Mardiah kerana tekanan yang pernah dialaminya pada masa lampau muncul dalam fikirannya dan ini secara tidak langsung mempengaruhi tindakan Mardiah.

Mardiah memiliki satu dorongan untuk terus bertahan dalam kejujuran agar dapat membebaskan ketakutan yang dialaminya selama ini. Dapatan ini memperlihatkan rasa cemas akibat daripada emosi takut yang melingkari fikirannya. Hal ini muncul kerana Mardiah tidak dapat memenuhi keperluan rasa aman dengan baik. Pernyataan Maslow dalam Minderop (2018: 283), mengenai analisis data tersebut mendapati bahawa keperluan rasa aman meliputi keperluan akan jaminan, kestabilan, perlindungan, bebas dari rasa takut dan kecemasan. Ketidakpastian yang dihadapi oleh Mardiah membuatkan dia harus mencapai sebanyak mana perlindungan atau jaminan mengikut kemampuan dan juga potensi yang ada pada Mardiah. Keperluan tersebut menjadi satu kepentingan untuk menuju kepada keperluan yang seterusnya yang menjadi tuntutan dalam hidup Mardiah.

4) Kemarahan

Hasil daripada dapatan kajian ini menggambarkan emosi kemarahan yang berlaku pada Mardiah. Emosi ini juga merupakan keadaan emosional yang mempengaruhi perasaannya akibat tuntutan kepada keperluan fisiologi serta keselamatan atau rasa aman untuk dirinya dan anak dalam kandungan Mardiah. Mardiah seboleh mungkin tidak mahu berada dalam kemarahan yang panjang, kerana ini akan merosakkan motivasi pada dirinya sendiri. Hasil dapatan kajian ini mendapati, Mardiah berjaya mengatasi kemarahannya dengan berterus terang dihadapan Tuk Kaya agar menghormatinya sebagai wanita dan isteri Darwis. Apabila hal ini diluahkan kepada Tuk Kaya, Mardiah mampu mengawal kemarahannya daripada terus merebak. Rangsangan ini berlaku kerana Mardiah telah menanam matlamatnya untuk menjadi wanita yang sempurna.

5) Ketenangan jiwa

Berhubung dengan hasil dapatan ini memperlihatkan perjuangan keras Mardiah untuk mengenalpasti kemampuan serta potensinya supaya dia memperolehi kekuatan dari segi jasmani dan rohani. Keinginan yang diperlukan Mardiah dapat membentuk peningkatan kecil di mana keinginan untuk memahami keperluan untuk diri sendiri, suaminya dan anak dalam kandungannya. Berdasarkan pada pernyataan Maslow dalam Fiest (2017: 237), semakin tinggi keperluan individu, semakin berkurangan pergantungan pada persekitaran sosial. Ini kerana Maslow menegaskan bahawa, individu menggunakan pengalaman lampau bagi menentukan tingkah lakunya. Pada masa ini, motivasi bergantung kepada kemahuan dalaman, kemampuan, potensi, bakat dan kreativiti individu. Menurut Maslow lagi, persekitaran sosial adalah faktor desakan dalam mencapai kemahuan ini. Oleh kerana itu Maslow menamakan keperluan peringkat yang paling bawah sebagai keperluan kekurangan. Oleh yang demikian, Mardiah

berupaya untuk tidak menjadi diri sendiri kerana timbul kemahuan dalam dirinya untuk memiliki kedamaian hati agar dapat mencapai ketenangan jiwa.

Menerusi pandangan Maslow (1984: 54), semua manusia memiliki perjuangan atau kecenderungan yang dibawa sejak lahir untuk mengaktualisasikan diri. Sehubungan dengan itu, hasil dapatan ini menjelaskan bahawa Mardiah mencari kepuasan dirinya sendiri untuk berubah menjadi lebih baik agar mendapat ketenangan jiwa di dunia mahupun di akhirat. Pernyataan tersebut bukan bermakna Mardiah mahu mempertikaikan ciptaan Allah terhadapnya. Tetapi pemaknaan pada dialog tersebut membawa maksud Mardiah meletakkan keutamaan atau tujuannya adalah untuk melupakan tindakan yang melampaui batas undang-undang dan juga agama.

6) Kasih sayang

Dapatan yang ditemukan dalam aspek ini adalah proses perkembangan Mardiah menjadi positif kerana atas dorongan serta keikhlasan Darwis mengambilnya sebagai isteri. Dengan demikian kemunculan Darwis dalam kehidupan Mardiah setelah keluar daripada penjara menyebabkan Mardiah memenuhi keperluan kasih sayang seperti mana yang dituntut dalam keperluan hierarki Maslow. Berkat usaha dan kerja keras Mardiah dalam mengenalpasti kemampuan dirinya sendiri, Mardiah mampu untuk memberi penumpuan yang lebih baik bagi memenuhi keperluan yang lain.

4.7.2 Konflik watak Mardiah

1) Konflik dalaman watak Mardiah

Berdasarkan dapatan kajian yang ditemukan dalam konflik yang dihadapi oleh Mardiah ialah merupakan nilai sabar. Mardiah perlu meningkatkan nilai kesabaran dalam jiwanya agar dijauhi daripada perkara yang boleh merosakkan jiwanya. Sepertimana yang terdapat dalam pernyataan Maslow (1979: 77),

manusia boleh mengelak dan menghindari diri mereka dari terjebak dalam konflik tersebut dengan melakukan pelbagai cara iaitu, sabar, sentiasa bermotivasi dan mengadakan aktiviti yang memberi rangsangan positif kepada minda. Oleh yang demikian Mardiah berusaha untuk memiliki keyakinan terhadap dirinya sendiri agar dapat menyakinkan Darwis untuk mencapai perubahan dalam kehidupan. Walaupun desakan mardiah berunsur paksaan namun ini memberi kebaikan kepada Mardiah serta anak dalam kandungannya.

Oleh sebab itu, konflik yang dihadapi Mardiah boleh dilihat sebagai positif serta memberi kesan yang baik kepada Mardiah agar sentiasa mempunyai dorongan serta motivasi untuk menemukan hal yang membolehkan Mardiah mencapai kebahagiaan yang menuju ke arah aktualisasi diri. Secara khususnya konflik yang dihadapi Mardiah boleh menjadi sesuatu yang positif kerana ia akan memberi peluang kepada Mardiah dan Darwis memperbaiki kelemahan diri masing-masing. Walaubagaimana pun pengkaji mendapati konflik yang dialami Mardiah dapat diatasi apabila Mardiah menjalani hukuman di penjara dan ini membuatkan Mardiah dapat melihat kemampuan dirinya untuk mencapai kebahagiaan. Melalui pengalaman tersebut didapati Mardiah memiliki potensi untuk berfikir secara positif bagi melihat kehidupan pada masa hadapan dengan baik. Hal ini kerana Mardiah berhasil mengenalpasti kekuatan dirinya sendiri serta memiliki ketabahan untuk bertahan dengan hukuman yang dilaluinya.

2) Konflik Mardiah dan keluarga

Konflik yang dialami Mardiah dan ayahnya berlaku akibat kurangnya kepuasan dalam memenuhi keperluan fisiologi, keperluan kasih sayang serta keselamatan. Maka untuk menuju kepada keperluan seterusnya agak sukar untuk Mardiah. Ini kerana menurut Maslow (1984: 276), bahawa pemuasan keperluan asas iaitu keperluan fisiologi merupakan langkah yang paling penting menuju

tujuan dalam keperluan yang seterusnya secara positif dari semua aspek yakni manifestasi diri. Walaupun ayahnya telah menyediakan keperluan fisiologi untuk Mardiah dan keluarga seperti tempat tinggal, makanan, serta minuman demi kelangsungan hidup. Namun begitu keperluan tersebut masih belum dapat memuaskan kehendak Mardiah iaitu persekitaran atau udara sihat yang bebas daripada gejala-gejala yang boleh mendatangkan kemudaratan pada jiwanya. Namun begitu hal ini tidak berjaya dipenuhi watak Mardiah dengan cara yang baik.

Oleh sebab itu Mardiah tidak mempunyai kemampuan untuk melihat potensi yang dimilikinya. Oleh yang demikian, Mardiah mencari kepuasan dengan cara yang salah selepas kedua ibu bapanya meninggal dunia. Namun begitu, apabila Mardiah berkahwin dengan Darwis, pemikiran Mardiah berubah serta dia cuba sedaya upaya untuk menerima setiap kekurangan yang ada pada ayahnya. Hal ini di dapati kerana Mardiah berusaha sepenuhnya untuk meninggalkan kegemilangan yang pernah diperolehi semasa remaja. Oleh sebab itu, Mardiah memilih Darwis sebagai suaminya, kerana sifat kejujuran ayahnya ada pada diri Darwis. Sehubungan dengan itu, Mardiah mendapati dirinya tidak mampu untuk melupakan nasihat dan pesanan ayahnya untuk sentiasa menjadi baik walaupun hidup dalam kesusahan. Dapatan ini menjelaskan bahawa Mardiah memenuhi keperluan kasih sayang daripada Darwis bagi meningkatkan potensi positif dalam dirinya.

3) Konflik Mardiah dan Tuk Kaya

Melihat kepada keperluan penghargaan Mardiah terhadap diri sendiri, Mardiah memenuhi keperluan tersebut sewaktu menerima hukuman di penjara. Oleh sebab itu Mardiah dapat melihat potensi dirinya dengan jelas apabila dia bersikap jujur dengan Tuk Kaya. Kesan daripada konflik tersebut juga

menyebabkan Mardiah memiliki motivasi untuk mempertahankan harga dirinya daripada godaan Tuk Kaya. Ini kerana matlamat Mardiah adalah mencapai rasa aman dan tenang dalam kehidupan bersama Darwis. Mardiah juga berkeupayaan untuk tampil berani dalam menghadapi konfliknya dengan Tuk Kaya. Keberanian ini muncul secara spontan dalam diri Mardiah kerana dia memiliki kemampuan mengenalpasti kelemahan serta kekuatan dirinya apabila berhadapan dengan Tuk Kaya. Oleh sebab itu, pada akhirnya Mardiah berhasil mengatasi konflik dengan Tuk Kaya melalui penyelesaian yang baik. Ini memberi kepuasan untuk Mardiah dalam meneruskan kehidupan seterusnya.

Melalui hasil dapatan kajian ini memperlihatkan potensi Mardiah untuk menuju kepada matlamatnya iaitu mencapai aktualisasi diri. Hal tersebut meletakkan Mardiah sebagai watak wanita yang memiliki daya usaha yang tinggi untuk berubah ke arah perkembangan yang lebih positif. Hal tersebut jelas menggambarkan Mardiah sudah berupaya melihat kemampuan serta Mardiah juga sudah dapat menilai harga diri yang dimilikinya dengan positif. Seperti pernyataan Maslow dalam Minderop, Maslow (2011: 284), menyatakan manusia wajar memiliki perasaan harga diri sejati, manusia harus mengetahui dirinya dengan baik dan mampu melihat secara objektif kebaikan dan kelemahan kita.

4.7.3 Simbol keunggulan watak Mardiah

1) Memiliki kemampuan melihat dunia nyata secara efisien

Hasil dapatan ini menggambarkan Mardiah menggunakan pengalaman lampaunya dan ini memperlihatkan Mardiah seorang yang mempunyai pemikiran yang telus. Selain daripada itu juga Mardiah memiliki gerak hati mengenai perasaan Tuk Kaya padanya. Melihat kepada pernyataan Maslow dalam Minderop (2010: 95), Maslow telah mendefinisikan pengalaman puncak saat dunia kelihatan utuh dan orang itu merasa selaras dengannya dan pengalaman

itu selalu melekat dalam diri kita dan mengubah persepsi kita mengenai dunia agar menjadi lebih baik. Dalam masa yang sama hal tersebut juga memaparkan keunggulan watak Mardiah dalam melihat manusia yang mempunyai tipu daya serta muslihat berdasarkan pengalaman hidupnya. Menurut Maslow (1984: 184), kebebasan hubungannya terhadap persekitaran lahir daripada lingkaran sosialnya, kerana mereka didorong oleh motivasi untuk berkembang dan bukan kerana motivasi yang kurang sempurna. Mardiah tidak bergantung pada dunia luar, orang lain, kebudayaan orang lain atau cara orang lain untuk mencapai tujuan. Secara umum ia bukan daripada kepuasan luaran kerana kepuasan itu muncul dari Mardiah sendiri.

2) Merasa tenang meskipun hidup dalam kesusahan

Mardiah mempunyai dorongan berfikir bagi membebaskan hal yang buruk dalam merealisasikan sesuatu yang baik. Pada hasil dapatan ini menjelaskan bahawa, Mardiah telah mencapai satu peningkatan diri kerana Mardiah mampu menerima dirinya sendiri serta Darwis dan hakikat kehidupannya.

3) Kecekalan jiwa

Mardiah mempunyai kecekalan jiwa apabila dia menerima hukuman sewaktu dalam penjara. Keganasan dalam penjara menyebabkan Mardiah mengambil langkah untuk berubah menjadi manusia yang berguna untuk dirinya sendiri. Kecekalan Mardiah ini merupakan kesan daripada pengalaman buruknya dan ini memperlihatkan watak Mardiah telah menerima kelemahan dirinya sendiri dan berupaya untuk melakukan yang terbaik. Hasil dapatan ini, mencerminkan bahawa kecekalan jiwa watak Mardiah memberi manfaat kepada dirinya sendiri dalam menuju ke arah kebahagiaan yang diperlukan. Sepertimana yang terdapat dalam analisis data pada bahagian 4.5.3 yang menunjukkan sikap konsisten Mardiah untuk terus bertahan hidup dalam serba kekurangan.

Kecekalan ini membawa makna yang besar dalam jiwa Mardiah kerana bersedia serta bertanggungjawab untuk mengubah pemikiran dan tindakannya ke arah yang lebih positif. Perkembangan ini adalah memperlihatkan kebebasan Mardiah untuk menjadi apa yang diinginkan.

4.7.4 Proses aktualisasi Mardiah

1) Mampu bertahan pada pendirian

Melalui dapatan kajian ini menjelaskan bahawa Mardiah telah melengkap keperluan harga diri bagi menuju ke arah aktualisasi diri. Penghargaan itu datangnya dari diri Mardiah sendiri iaitu Mardiah mula menghargai kenikmatan hidupnya dalam penjara serta menyesali segala kesilapan yang dia lakukan. Oleh sebab itu, apabila Mardiah keluar dari penjara dia memilih untuk meninggalkan tempat yang pernah menjadikan hidupnya musnah. Disebabkan itu Mardiah menerima untuk hidup bersama Darwis walaupun dalam kesusahan.

Dalam humanistik Maslow juga menjelaskan bahawa harga diri manusia yang paling stabil adalah mendapat penghargaan daripada orang lain. Penghargaan ini muncul daripada suaminya sendiri iaitu yang melengkap keinginan Mardiah dalam memenuhi keperluan kasih sayang. Walaupun keperluan ini lambat dipenuhi Mardiah namun itu sudah memberikan kebahagiaan untuk Mardiah mempertahankan kesetiaanya terhadap Darwis. Ini kerana dalam pemahaman Maslow juga menyatakan bahawa, setiap keperluan yang disediakan tidak semestinya dipenuhi secara serentak. Namun begitu untuk mencapai proses aktualisasi diri, Mardiah telah memenuhi beberapa peringkat keperluan tersebut. Walaupun pada dasarnya Mardiah tidak memperolehi keperluan itu dengan sempurna pada peringkat keperluan paling asas, namun Mardiah melihat dirinya mampu mengamati setiap keperluan itu. Peringkat yang diperlukan tidak semestinya dipenuhi mengikut tahap yang terdapat dalam keperluan Maslow.

Perkara ini adalah kerana setiap manusia menerima perkembangan atau pembesaran yang berbeza mengikut kemampuan diri masing-masing. Oleh disebabkan itu, Mardiah berupaya memenuhi setiap keperluan yang telah dituntut Maslow bagi mencapai aktualisasi diri dengan memperolehnya mengikut peringkat demi peringkat serta potensi yang terdapat dalam diri Mardiah. Dalam dapatan ini Mardiah berkemampuan untuk bersikap rendah hati serta mampu mengetahui tahap pendiriannya terhadap keputusan serta tindakan yang diambil.

2) Hubungan peribadi yang kuat

Daripada dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa motivasi yang muncul dalam diri Mardiah untuk mengaktualisasikan diri adalah kerana Mardiah merasa satu kepuasan dengan mendapat penghargaan yang diberikan oleh Darwis. Dalam hasil dapatan kajian ini juga telah mengemukakan bahawa watak Mardiah menemui jati dirinya selama ini. Disebabkan itu Mardiah mampu menerima setiap kekurangan Darwis kerana atas dasar cinta dan tanggungjawab. Selain daripada itu Mardiah juga menemui makna dari kehidupan setelah melalui proses kehidupan yang gelap.

Hasil dapatan ini juga memperlihatkan kematangan Mardiah dalam membuat keputusan untuk mempertahankan rumahtangganya. Hal ini menjelaskan bahawa keperluan penghargaan sendiri yang dipenuhinya membantu Mardiah untuk tampil sebagai wanita yang sempurna. Menurut Maslow (1984: 190), menyatakan kesetiaan bukan satu hal yang dapat diperolehi dalam waktu yang singkat kerana, kesetiaan yang eksklusif ini memang ada dan berdampingan dengan perasaan ramah masyarakat yang meluas, kebajikan, rasa kasih sayang sehingga terbentuk perhubungan yang utuh antara satu sama lain.

3) Kesempurnaan

Hasil dapatan kajian ini memperlihatkan watak Mardiah berupaya bersikap spontan dan tidak menyembunyikan perasaannya terhadap Darwis, kerana dalam Maslow (1984: 191), orang yang berkemampuan dalam mengaktualisasikan diri adalah orang yang mempunyai gerak hati yang spontan, sederhana dan wajar. Maslow juga ada menyatakan bahawa kehidupan manusia ini dihadapkan dengan dua pilihan iaitu pilihan untuk maju dan pilihan untuk mundur. Dengan kekuatan yang terbina dari motivasi yang meningkatkan kemampuannya, Mardiah memilih untuk terus maju walaupun Mardiah perlu menghadapi banyak rintangan yang sukar, kerana pilihan-pilihan itulah yang akan mendekatkan dirinya untuk mencapai aktualisasi diri.

Dapatan kajian ini turut menjelaskan bahawa Mardiah akhirnya menerima dirinya sendiri serta situasi yang berlaku tanpa rasa penyesalan dan malu untuk meminta maaf daripada Darwis. Pengkaji juga mendapati watak Mardiah memperolehi kecenderungan untuk memandang orang sekelilingnya dengan menguatkan jiwanya menerima hakikat sebenar tujuan kehidupannya. Oleh itu, pada pengakhiran hidupnya, Mardiah mencapai kepuasan kerana dia tidak perlu lagi untuk menjadi orang yang hipokrit bagi mencapai kebahagiaan dan kesempurnaan yang diimpikan. Dapatan kajian ini melihat Mardiah mencapai peningkatan diri melalui pengalaman-pengalaman hidupnya serta menjadi seorang wanita yang bebas dari rasa takut, gelisah dan sebagainya. Dapatan ini memperlihatkan Mardiah mampu mengeksplorasi dan mengejar hal yang membuat kehidupannya tenang dan bahagia.

4.8 Rumusan

Daripada keseluruhan dapatan data yang diperolehi, dapat disimpulkan secara khususnya, terdapat beberapa keperluan hierarki Maslow yang dapat dicapai oleh watak Mardiah dalam naskhah *Pokok* karya Johan Jaaffar. Keperluan yang perlu dituntut Mardiah untuk mencapai kesempurnaan diri ialah, Mardiah perlu memuaskan keempat-empat keperluan hierarki Maslow yang paling rendah sebelum menuju ke peringkat yang lebih tinggi iaitu aktualisasi diri. Antara keempat-empat keperluan yang perlu dipenuhi Mardiah adalah keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang dan keperluan penghargaan sendiri. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini berhasil memperlihatkan watak Mardiah mencapai aktualisasi diri dengan melalui pengalaman-pengalaman yang menunjukkan usaha dan keupayaan Mardiah mempamerkan simbol keunggulan melalui proses tersebut. Justeru itu pengkaji akan membuat kesimpulan mengenai watak Mardiah berdasarkan teori psikologi humanistik Maslow dengan pendekatan keperluan hierarki yang telah dikemukakan dalam bab satu iaitu kerangka teoritikal.

Dengan penggunaan keperluan hierarki Maslow dalam teori psikologi humanistik, dapat dikenalpasti bahawa Mardiah memiliki potensi untuk berkembang dengan sihat seiring dengan keperluan-keperluan yang dipenuhi bagi mencapai perubahan sempurna. Potensi ini dapat dilihat melalui hasil dapatan kajian adalah, Mardiah berhasil mengatasi dan mengawal kesedihan, kekecewaan, kemarahan serta ketakutan yang dialami sewaktu zaman kanak-kanak dan remaja. Mardiah berhasil memiliki potensi ini ketika menjalani hukuman di penjara atas kesalahan yang dilakukan. Penderitaan yang dihadapi Mardiah ketika dalam penjara merupakan beban yang berat untuknya. Namun demikian, ketika dalam penjara Mardiah sentiasa didedahkan dengan pelbagai aktiviti kerohanian serta motivasi bagi meningkatkan jati dirinya sebagai seorang manusia. Oleh itu Maslow (2013: 270), membuat kesimpulan bahawa semua manusia dilahirkan dengan keperluan-

keperluan universal yang mendorong manusia untuk tumbuh dan berkembang bagi mengaktualisasikan diri bergantung sejauh mana kemampuan kita. Jadi potensi inilah yang didapati dalam watak Mardiah untuk berkembang mengikut potensi dan kemampuan yang dimilikinya. Sehubungan dengan itu, dapatan ini berhasil memperlihatkan potensi serta kekuatan Mardiah dipenuhi melalui tindakan serta pemikiran yang dibentuk oleh Mardiah sendiri hasil usahanya dalam meningkatkan motivasi terhadap dirinya sendiri.

Hasil dapatan di atas memperlihatkan keperluan keselamatan dan keperluan kasih sayang yang diperlukan oleh Mardiah tercapai kerana Mardiah dapat mengawal serta mengatasi konflik terhadap diri sendiri, konflik dengan keluarga dan konflik dengan Tuk Kaya. Hal ini diperolehi daripada hasil dapatan kajian yang menunjukkan dengan jelas bahawa Mardiah berhasil mengatasi konflik yang dihadapinya kerana dia telah memenuhi keperluan kasih sayang daripada Darwis. Kasih sayang serta keprihatinan yang luhur daripada Darwis memenuhi keinginannya selama ini. Maka dengan itu, jati diri Mardiah semakin meningkat untuk berhadapan dengan permasalahan dalam persekitaran yang tenang. Bagi Maslow (1987: 75), cinta menyangkut suatu hubungan sihat dan penuh kasih mesra antara dua orang, termasuk sikap saling percaya antara satu sama lain. Oleh kerana itu Mardiah berhasil melawan setiap konflik yang dialaminya mengikut peringkat kemampuannya setelah memenuhi keperluan keselamatan dan keperluan kasih sayang daripada Darwis serta Tuk Kaya. Melalui pernyataan hasil dapatan tersebut dapat dibuktikan melalui pandangan Maslow (1987: 78), memenuhi rasa ingin tahu ternyata dapat belajar dan menemukan sesuatu yang menimbulkan rasa puas dan bahagia.

Selain itu, perlu ditegaskan bahawa kesemua keperluan yang dicapai oleh Mardiah merupakan kekuatan serta kemampuannya dalam mengenalpasti kekurangan dan kelebihan yang dimilikinya dengan tindakan yang rasional. Ini boleh dilihat apabila Mardiah mampu melihat dunia nyata secara efisien, merasa tenang meskipun hidup

dalam kesusahan dan memperlihatkan kecekalan jiwa Mardiah. Dapatan ini mampu menghasilkan perubahan yang besar dalam kehidupan Mardiah apabila keperluan penghargaan sendiri dipenuhi oleh Mardiah, walaupun Mardiah perlu mengambil masa yang panjang untuk memenuhinya. Menurut kajian Maslow (1970), sesuatu keperluan itu tidak semestinya dipenuhi dengan sepenuhnya sebelum sesuatu keperluan lain dalam hierarki menjadi penting atau dipenuhi.

Melalui hasil dapatan ini pengkaji dapat merumuskan bahawa watak Mardiah memahami setiap keperluan hierarki Maslow yang merupakan jalan penting untuk menuju aktualisasi diri. Dengan demikian, Mardiah berhasil memahami serta mengenali dirinya sendiri. Maka dengan itu Mardiah mampu mengenali keperluan-keperluan dasar serta motivasi yang mempengaruhi tingkah lakunya dengan cara memuaskan beberapa keperluan dalam hierarki Maslow. Dengan kata lain, Mardiah mampu mengendalikan keperluan tersebut menuju ke arah aktualisasi diri. Menurut pandangan Maslow (1987: 79), seseorang yang mengaktualisasikan diri tidak lagi dibelenggu oleh keperluan duniawi, yang diperlukan adalah mencapai kebenaran. Justeru itu, bab seterusnya akan membincangkan hasil dan perbincangan kajian penyelidikan ini.

BAB 5

HASIL DAN PERBINCANGAN

5.1 Pengenalan

Dalam bab lima ini, beberapa penemuan penting telah diperolehi berdasarkan kajian dan analisis yang telah dilaksanakan terhadap watak Mardiah dalam naskhah *Pokok* karya Johan Jaaffar (2017). Penemuan ini menunjukkan bahawa watak Mardiah yang dikaji bersesuaian dengan teori psikologi humanistik dengan melihat lima keperluan hierarki yang disarankan oleh Maslow. Kajian ke atas watak Mardiah mempamerkan keseimbangan dalam memenuhi keperluan hierarki dan prinsip aktualisasi diri mengikut fitrah normal sebagai seorang manusia. Walaupun begitu secara keseluruhan, psikologi watak Mardiah dalam naskhah *Pokok* ini cenderung berhadapan dengan pelbagai konflik, rintangan serta masalah dalam menuju proses aktualisasi diri.

5.2 Hasil kajian

Bagi sub topik di bawah akan mengemukakan proses yang berlangsung sepanjang penyelidikan ini berhasil menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan pada awal penulisan.

5.2.1 Persoalan kajian 1

Bagaimanakah watak Mardiah dipaparkan sebagai simbol wanita unggul yang memiliki potensi tertinggi?

Hasil daripada analisis yang dijalankan sepanjang penyelidikan ini, pengkaji berhasil memaparkan watak Mardiah sebagai simbol wanita unggul yang memiliki potensi tertinggi. Paparan yang diperolehi melalui watak Mardiah yang dianggap

memiliki potensi tertinggi mengandungi tiga aspek penting iaitu, aspek emosi watak Mardiah, konflik watak Mardiah dan simbol keunggulan watak Mardiah. Hasil kajian mendapati ketiga-tiga aspek tersebut berhasil memenuhi beberapa keperluan hierarki yang telah disarankan oleh Maslow bagi memperlihatkan keunggulan serta kemampuan yang dimiliki oleh Mardiah. Sepertimana yang didapati daripada aspek pertama iaitu emosi watak Mardiah yang terdiri daripada kesedihan, kemarahan, ketakutan, kekecewaan, ketenangan jiwa serta kasih sayang berhasil memenuhi beberapa keperluan Maslow iaitu keperluan fisiologi, keperluan keselamatan dan keperluan kasih sayang. Seperti yang dinyatakan dalam bab empat bahagian 4.2 telah memperlihatkan keupayaan Mardiah sebagai wanita unggul kerana memiliki motivasi dan dorongan untuk mencapai keperluan tersebut.

Hasil kajian ini juga mendapati watak Mardiah dilihat mempunyai potensi tertinggi kerana kekuatan serta keunikan sifat dalaman yang tinggi dalam membina motivasi untuk melakukan perubahan ke arah yang lebih baik. Selain daripada itu juga, hasil kajian ini mendapati watak mardiah berhasil menyelesaikan setiap konflik sebagaimana yang telah dianalisis pada bab empat, bahagian 4.4 yang mengandungi tiga konflik yang dihadapi Mardiah iaitu konflik dalaman Mardiah, konflik Mardiah dan keluarga serta konflik Mardiah dan Tuk Kaya. Sehubungan dengan itu, hasil kajian ini juga berhasil memperlihatkan kekuatan jiwa Mardiah berhadapan dengan ancaman serta konflik jiwa kerana dipengaruhi oleh faktor budaya, faktor sosial, faktor peribadi serta faktor ekonomi demi memenuhi keperluan dasar untuk dilihat sebagai simbol wanita unggul. Namun begitu, daripada tiga konflik yang dihadapi Mardiah dalam memenuhi keperluan hierarki Maslow, terdapat satu konflik yang kurang berhasil dipenuhi oleh Mardiah ialah konflik dengan keluarga iaitu ayahnya sendiri. Namun begitu, konflik tersebut dapat di atasi oleh Mardiah dengan cara menerima kekurangan Darwis dengan sepenuh hati. Oleh yang demikian, Mardiah berhasil merungkaikan konflik tersebut

apabila memperoleh keperluan kasih sayang melalui perkahwinannya dengan Darwis untuk melengkapi keperluan dasar yang dituntut oleh Mardiah sebelum ini. Hal ini boleh dilihat dalam analisis yang terdapat dalam bab empat, bahagian 4.4.2 telah menjelaskan bahawa tuntutan keperluan kasih sayang tidak mampu dipenuhi oleh Mardiah ketika remaja akibat daripada kesan kemiskinan dan kesibukan ayahnya mencari keperluan asas untuk keluarganya. Namun begitu, melalui dapatan kajian boleh dilihat dalam bab empat, bahagian 4.7.2 iaitu konflik Mardiah dan keluarga berjaya menemukan jalan penyelesaian walaupun Mardiah perlu mengambil tempoh yang panjang. Dalam konteks ini dapat diperlihatkan bahawa watak Mardiah menggunakan sepenuhnya kemampuan yang dimiliki dan ini secara tidak langsung, telah menampilkan potensi tertinggi yang memperlihatkan simbol keunggulan Mardiah dalam mempertahankan emosi serta konflik yang dialami sepanjang kehidupannya.

5.2.2 Persoalan kajian 2

Apakah proses yang berlaku dalam watak Mardiah untuk mencapai aktualisasi diri?

Bagi hasil kajian ini telah menemukan pengalaman-pengalaman watak Mardiah dalam mencapai aktualisasi diri. Proses pengalaman tersebut adalah merupakan ketegasan Mardiah dalam mempertahankan prinsipnya untuk bertahan dalam kesusahan bagi memelihara kejujuran yang dimilikinya agar tidak terkandas lagi. Hal ini kerana muncul semangat yang nekad untuk menuju ke arah aktualisasi diri. Seperti mana yang dilihat dalam bab empat, bahagian 4.6.1, Mardiah tidak goyah dengan prinsip yang dipegang selepas keluar dari penjara kerana, dorongan untuk melakukan perubahan menjadi kekuatan untuk Mardiah berhijrah daripada peristiwa lampau. Hasil dari analisis data juga mendapati bahawa watak Mardiah berhasil memenuhi keperluan penghargaan sendiri kerana dalam bab empat bahagian 4.6.2 memperlihatkan watak Mardiah mendapat penghargaan daripada Darwis dan ini telah meletakkan keyakinan diri

yang tinggi untuk Mardiah merasa aman dan tenang bagi menghadapi kehidupan yang seterusnya.

Sehubungan dengan itu, Mardiah dapat mengetahui dirinya sendiri dengan baik dan mampu menilai secara objektif kebaikan dan kelemahan dirinya. Oleh yang demikian, hasil kajian ini menggambarkan bahawa Mardiah menerima dirinya dengan sepenuh hati mengikut kemampuannya sendiri. Hal tersebut dibuktikan dalam bab empat bahagian 4.6.3 di mana watak Mardiah berupaya bersikap spontan dengan berterus terang tentang perasaannya pada Tuk Kaya. Mardiah menjadi seorang yang berani untuk tampil kerana dia ingin melepaskan semua beban yang ditanggung dalam hidupnya. Hasil kajian ini telah memperlihatkan kerendahan hati yang dimiliki Mardiah untuk menuju ke arah aktualisasi diri. Faktor yang menjadi penyebab untuk Mardiah terus memilih dan bertahan dengan kesusahan adalah muncul penyesalan serta kepercayaannya kepada Tuhan. Melalui proses pengalaman tersebut, Mardiah berhasil menuju ke arah aktualisasi pada pengakhiran hidupnya kerana dia mampu melalui masa-masa sukar yang berpunca dari dirinya sendiri mahupun dari pengaruh persekitaran. Pada hasil kajian ini juga menunjukkan watak Mardiah menikmati kebahagiaan yang diperlukan selama ini dengan sempurna. Maka dengan itu, hasil kajian ini memperlihatkan usaha Mardiah dalam melalui proses-proses yang telah dinyatakan dalam bab empat telah berhasil menempatkan dirinya untuk mencapai aktualisasi diri.

5.3 Diskusi

Penyelidikan ini telah memperlihatkan keseimbangan watak manusia dalam memenuhi keperluan tingkat hierarki Maslow serta prinsip aktualisasi diri. Walaubagaimana pun, bagi memenuhi peringkat keperluan hierarki ini, potensi manusia perlu dinilai bagi mengenalpasti kemampuan yang dimiliki. Peringkat ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu peringkat keperluan kekurangan dan keperluan perkembangan.

Keperluan kekurangan merangkumi keperluan fisiologi, keselamatan, kasih sayang dan penghargaan yang perlu dicapai agar manusia terus bermotivasi. Manakala keperluan perkembangan mencakupi pencapaian intelek, estetika dan penyempurnaan sendiri yang akan tercapai apabila keperluan kekurangan berhasil dipenuhi. Oleh yang demikian penemuan ini berhasil melihat secara teoritikal peranan psikologi humanistik Maslow sebagai alat bantu untuk mengkaji psikologi, potensi serta kemampuan yang dimiliki oleh watak manusia. Peranan teori sastera dan naskhah yang telah digunakan dalam penyelidikan ini juga menemukan keperibadian watak sebagai alat bantu bagi mengungkapkan fikiran dan perasaan watak manusia. Sehubungan dengan itu, penyelidikan ini berhasil membuktikan bahawa watak fiksiyen dan manusia di alam nyata menampilkan kesamaan dari sudut tingkah laku yang terkait dengan hal kejiwaan dan pengalaman psikologi serta konflik.

5.4 Cadangan penyelidikan masa hadapan

Berdasarkan hasil kajian di atas, terdapat beberapa perkara yang ingin dicadangkan oleh pengkaji. Cadangan-cadangan ini dianggap dapat membantu serta memperkemaskan kaedah atau pendekatan psikologi humanistik pada masa akan datang. Berikut dinyatakan cadangan untuk penyelidikan masa hadapan:

- 1) Psikologi humanistik Maslow boleh dijadikan sebagai kaedah dalam pembinaan watak agar dapat membantu pelajar-pelajar seni persembahan drama untuk mengenalpasti keperluan yang seharusnya diperlukan oleh seorang pelakon untuk menguasai setiap watak dengan baik dan berkesan.
- 2) Pendekatan psikologi humanistik Maslow boleh diaplikasikan kepada guru-guru dan pensyarah sebagai satu cara untuk mengenalpasti potensi serta kemampuan setiap pelajar. Ini kerana pendekatan psikologi humanistik

Maslow dapat membantu warga pendidik untuk melihat perkembangan psikologi pelajar secara positif mengikut peringkat keperluan.

- 3) Diharap agar psikologi humanistik Maslow ini dapat pendedahan sewajarnya dikalangan ibu bapa supaya dapat meningkatkan motivasi yang konsisten dalam membentuk keperibadian anak-anak serta membantu mereka untuk memperolehi kehidupan yang baik dengan melihat kepada keperluan hierarki yang disarankan oleh Maslow.
- 4) Diharap juga penyelidikan yang seterusnya dapat melengkapkan kekurangan terhadap penyelidikan watak Mardiah dalam naskhah *Pokok* dengan mengangkat watak-watak lain yang juga memberi perlambangan kepada psikologi manusia hari ini dengan menggunakan teori yang sama ataupun teori serta pendekatan yang berbeza.

5.4 Penutup

Kesempurnaan merupakan satu keinginan yang menjadi dambaan setiap manusia dalam dunia ini untuk mencapai kebahagiaan. Pelbagai usaha dan motivasi yang dilakukan untuk mengatasi setiap halangan bagi memperolehi kesempurnaan dalam kehidupan. Dengan demikian kajian psikologi humanistik watak Mardiah dalam naskhah *Pokok* telah dianalisis serta diinterpretasi dengan menumpukan pelbagai aspek yang memperlihatkan permasalahan yang berlaku dalam kehidupan manusia. Maslow memiliki penjelasan yang sangat komprehensif dalam menjelaskan kepentingan bagi memenuhi lima prinsip keperluan hierarki. Sehubungan dengan itu kajian ini telah membantu pengkaji untuk mengetahui sejauhmana keberkesanan keperluan hierarki dalam psikologi humanistik Maslow. Hal ini mendorong pengkaji untuk meneroka secara mendalam mengenai watak dalam sesebuah naskhah mahupun watak manusia secara nyata. Dalam pada itu juga, kajian penyelidikan ini menyokong

bahawa psikologi humanitik Maslow memiliki kecenderungan untuk menjadikan seseorang manusia itu bersikap optimis dan positif. Pengkaji juga mengharapkan, kajian penyelidikan ini dapat memberi pemahaman yang mendalam dan realiti tentang potensi serta motivasi yang diperlukan oleh manusia dalam kehidupan.

Universiti Malaya

Bibliografi

- Aam Amalia. (2019). *Aplikasi teori kebutuhan Maslow dalam pembelajaran Bahasa Arab: Implementasi pendekatan humanistik*. E-ISSN: 2527-7200.
- Abu lutfi.(2008, Jun). Perbezaan psikologi islam dan psikologi barat. *Personaliti unggul: Membentuk generasi bersahsiah mulia*. Retrieved from personaliti.wordpress.com.
- Ahmad Faiz. (2016). *Analisis psikologi wanita dalam Novel Sujud Nisa Dikaki Tahajud-Subuh karya Kartini Nainggolan*. Digital Repository Universitas Jember.
- Anke, Aisha. (2016). *Maslow's Hierarchy of Needs: An Islamic Critique*. Vol 24(1), No 59-81.
- Ardiansyah Lukman. (2018). *Kondisi hierarki bertingkat pada tiga tokoh dalam Novel Bulan di langit Athena karya Zhaenal Fanani: Kalian teori keperibadian humanistik Abraham Maslow*. Vol 5, no 2.
- Azrina Nurwatie, Rahmi, Sukma. (2014). *Perspektif Psikologi Humanistik Abraham Maslow dalam Meninjau Motif Pelaku Pembunuhan*. Vol 1, no 4.
- Brummet, Barry. (1951). *Techniques of close reading*. SAGE Publication, Inc. USA.
- Bryman, A. , G.Burgess, R. (1994). *Analzing qualitative data*. USA and Canada, Routledge.
- Burke B. (2017). A close look at close reading. *Scaffolding student with complex text*. 1-13.
- Che zarina. (2001). Penyakit gelisah (*Anxiety / Al-Halu*) dalam masyarakat islam dan penyelesaiannya menurut psiko-spritual islam. *Jurnal usuluddin*. 14, 1-22.
- Chih, P.H & Yan, Y.C. (2017). *John Creswell, Research design: Qualitative, quantitative and mixed method approaches*. Journal of social and administrive sciences. Vol (4), 2, 205-207.
- Dila Rahmawati. (2016). *Teori humanistik Abraham Maslow*. Fakultas Ilmu Pendidikan Universitas Pendidikan Indonesia.
- Dwi, Gunawan. (2016). *Nasionalisme Utuy Tatang Sontani dalam Naskhah Drama Bunga Rumah Makan yang bertema Roman Picisan: Hermeneutik Sastra*. Vol 1, No 5.
- Endraswara, Suwardi. (2011). *Metodologi penelitian sastra bandingan*. BUKUPOP. Yogyakarta.
- Evi Rinata & Gita Ayu Andayani. (2018). Karakteristik ibu (usia, paritas, pendidikan) dan dukungan keluarga dengan kecemasan ibu hamil trimester iii. *Jurnal imliah ilmu kesehatan*. Vol 1, no (1). April 2018. 14-20
- Fang Hsleh, sarah E.S. (2005). Qualitative health research: Three approach to qualitative content analysis. *Journal education*. 15.

- Freud, S. (1933). Strachey, J. (1995). *New introductory lectures on psychoanalysis*. (Original work from 1933). New York, US. WW Norton & Co.
- Gallagher, M, & Pearson, P.D. (1982). *The role of reading in content area intruction. Paper presented at the National reading conference*. Florida
- Giaimo, G. (2013). Psychological diffusions: The cognitive turn in Alison Bechdel's *Are You My Mother? A comic drama*. *The european journal of life writing*, II (35-58).
- Goble, G. F. (1987). *Mazhab Ketiga. Psikologi humanistik Abraham Maslow*. Kanisium Yogyakarta.
- Henry Iwansyah. (2013). Segresasi sosial dan relevansinya dengan konflik kamunal berbasis sara. *Percetakan Osa 2013*, 13.
- Hoe, L.C, Chong Beng, P.G, Ratna Roshida(2009). *Pemikiran Kritis*. Mc Graw Hill Education, Malaysia.
- HM Tuah. (2010). *Membina imaginasi cemerlang*. Karya Bestari Sdn.Bhd. Shah Alam, Selangor.
- Ihwan Fauzi. (2019). Pembelajaran perspektif psikologi sufistik Imam Al-Ghazali dan psikologi humanistik Abraham Maslow dalam pembentukan peribadi. *Journal of teaching and learning research*. 1(2), 77-100.
- Johan Jaaffar (2017). *Pokok*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johan Jaaffar(2017). *Jejak Seni Johan Jaaffar*. Kuala Lumpur. Balang Rimbun Sdn.Bhd.
- Johan Jaaffar. (2018). *Pelarian sang hero*. Balang Rimbun Sdn.Bhd. Petaling Jaya, Selangor.
- Johan Jaaffar. (1989). *Potret seorang anu sebagai anu*. Dewan Sastera, Febuari 1989. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Johan Jaaffar. (6 Oktober 2019). Cerita disebalik pokok. Retrieved from <http://www.lanangsejagat53.blogspot.com>.
- Katie Home. (2021). Maslow's hierarchy of needs: Why is still matter in 2021. *Digital.com*.
- Khaidzir Ismail & Khairil Anwar. (2011). Psikologi islam: *Suatu pendekatan psikometrik remaja berisiko*. *Jurnal e-Bangi*, 1,77-89.
- Krippendorff, K. (1989). Content analysis. In E. Barnouw, G. Gerbner, W. Schramn. *International encylopedia of comunication*. 1, 403-407. New York, NY: Oxford University Press. Retrieved from http://repository.upenn.edu/asc_papers/226.
- Ku Seman. (23 November 2018). Kenapa teater pokok mesti ditonton?. Retrieved from <http://www.kuseman.com>

- Lajos Egri. (1946). *The art of dramatic writing*. Simon & Schuster, INC. New York, NY.
- Mana Sikana,(2008). *Teori Sastra Kontemporer*. Pustaka Karya.
- Masbur. (2015). Internalisasi nilai-nilai pendidikan perspektif Abraham Maslow (1908-1970): Analisis filosofi. *Jurnal ilmiah edukasi*. 1(1), 29-47.
- Mashlahatul Wahidah. (2016). Konflik batin tokoh utama dalam film *My Beloved* karya Chen Guochun Hui : Kajian psikologi Kurt Lewin. *Mandarin Unesa*. Vol 1(1).
- Maslow, A.H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological review*, 50(4), 370-396.
- Maslow, A.H. (1996). *Psychology of science*. US. Joana Cotler Books.
- Maslow, A.H. (1998). *Toward a psychology of being*. (3rd edition). New York, US. John Willey & Sons Inc.
- Mayring, P. (2000). Qualitative content analysis. *Qualitative social research*. 1(2).Ang, K. H. (2016). Mengenai penyelidikan dan kajian kes: Satu tinjauan literatur. *Malaysian journal of society and space*. 12(10), 49-55.
- Marzita Puteh & Sadiyah Baharom (2011). *Penulisan tugas & tesis*. (Anderson J & Poole M.) *Academic and thesis writing*, Milton Qld, Australia (Karya asal diterbitkan 2001).
- Minderop, A. (2011). *Psikologi sastra*. Yayasan Pustaka Obor, Indonesia. Jakarta.
- Minderop, A. (2013). *Metode karakterisasi telaah fiksi*. Jakarta. Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Misty, M. , Bicking, Collins, B. , Fernet, L. , Taylor, B. , Sutton, K. (2008). *Perspective in theory: Anthology of theorists affecting the educational world*. Shepherd University.
- Mobley, J.P.(1998). *Theatre and Drama Terms*. California, Drama Department Cuesta College. NTC Publishing Group.
- Monica Bednarek. (2011). Expression and televisual characterization. *Journal language and literature*. 20 (1), 3-21.
- M.N. Rashidi, R. Ara Begum, M. Mokhtar & J.J Pereira. (2014). Implementation of content analysis as research methodology for identifying criteria for sustainable construction. *Journal of advanced research design*. 1(1), 18-27.
- Muhammad Imam Turmudzi. (2014). *Watak dan perilaku Tokoh Jumena Martawangsa dalam naskah drama Sumur tanpa dasar karya Arifin C. Noer*. JSI 3 (1).
- Newman, B.M. (2015). *Theories of human development*. USA. Psychology Press.
- Noresah Baharom. (2007). *Kamus dewan edisi keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Dawama Sdn.Bhd

- Norhashimah, Syed Hadzurullah & Mohd Shahril. (2017). Konsep kepuasan diri menurut Al-Ghazali dan Maslow: Satu kajian perbandingan. *Proceeding of international conference of empowering islamic civilation*. 70-1.
- Noorbaksh Hooti. (2011). Quest for identity in Tennessee William *The Streercar Named Desire*. *Literature and language*. 2(3), 18-29.
- Noermanzah.(2016). *Kajian Teori Dan Penerapan Pendekatan Psikologi Sastra Dalam Penelitian Sastra*, 978-602-60539-0-9.
- Nurul Iman (1984). *Motivasi dan keperibadian*. PT Pustaka Binaman Pressindo. (Abraham H.Maslow) *Motivation and personality*. Harper and Row Publication, USA (Original work published 1970)
- Nur Farahkhanna Rusli. (2015). Konflik kejiwaan dalam novel Interlok karya Abdullah Hussain (1996). *International journal of the malay world and civilisation (IMAN)*. Vol 3 (1), 59-66.
- Nur Halifah. (2013). *Kalian Humanistik psikologis Tokoh Protagonis dalam Novel Bumi karya Habiburrahman El Shirazy*. No 1, vol 2.
- Nur Hanani Najwa, Che Abdullah. (2018). *Analisis Konflik Dalam Lara: Satu Pendekatan Psikologi*. Jurnal wacana sarjana, Jilid 2(1)1- 18.
- Nur Hikma. (2015). Aspek psikologi tokoh utama dalam Novel Sepatu Dahlan karya KhrisnaPabichara: kajian psikologi humanistic Abraham Maslow. No 15, vol 3.
- Nur Zahidah Jaapar. (2011). *The model of wellbeing in family life from islamic perspective*. Jurnal fiqh, no (8) 25-44.
- Nurul Iman (1984). *Motivasi dan keperibadian*. (Abraham Maslow.) *Motivation and personality*, USA (Karya asal diterbitkan 1970).
- Ooi, B.K. (2003). *Penggunaan teori psikologi individu sebagai panduan memahami tingkah laku penagih dadah (Universiti Putra Malaysia)*, (Master's thesis). <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/9352>
- Piaw, C.Y(2011). *Kaedah Penyelidikan*. Mc Graw Hill Education, Malaysia
- Pearson, P.D. (1981). A decade of research in reading comprehension. Universiti Press,
- Poston, B. (2009). An exercise in personal exploration: Maslow's hierarchy of needs. *Association of surgical technologist*. 347-353.
- Puspa Martono & Agus. (2016). Pengaruh konflik terhadap watak tokoh dalam novel *Bumi Ayu* karya Restina Purwaningrum. *Artikel pendidikan bahasa Indonesia*, 1-13.
- Ratna, Nyoman. (2008). *Teori, metode dan teknik penelitian sastra*. Yogyakarta. Pustaka pelajar.

- Robert, J.Z., Richard, R. (2006). *Maslow's Hierarchy of Needs: A frame work for Archeiving Human Potential in Hospice*. Vol 9, no 5.
- Rohidi, T.R.(2011). *Metodologi Penelitian*. Cipta Prima Nusantara, Semarang.
- Rosanita Hussin. (2018). *Psikologi kanak-kanak dalam cerpen Zaharah Nawawi (Universiti Sains Malaysia)*, (Ijazah sarjana sastera). <http://eprints.usm.my>
- R.L. Marlise. (2017). *A Practical Approach To Counseling Refuges: Applying Maslow's Hierarchy of Needs*. Vol 8(2) no 61-82.
- Rumini, S. (1993). *Psikologi pendidikan*. Yogyakarta. Fakultas ilmu pendidikan Universitas Negeri Yogyakarta.
- Satu Elo & Kyngas, H. (2008). The qualitative content analysis. *Journal of advanced*, 62 (1), 107-115.
- Schur, D. (1998). An introduction to close reading. *Havard University*. 2/99, 3-27.
- Septi Guamiandari. (2011). *Keperibadian manusia dalam perspektif psikologi (Telaah kritisatas psikologi modern)*. Holistik Vol 12 No 01.
- Sidek Mohd(2002). *Reka Bentuk Penyelidikan. Falsafah, Teori dan praktis*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Siti Asmaya. (2018). *Kebutuhan bertingkat tokoh Fajar dalam Novel Kabut Kota karya Ichsan Saif (Kajian psikologi humanistic Abraham Maslow)*. No 2, vol 5.
- Siswantoro. (2011). *Metode dan penelitian sastra*. Yogyakarta. Pustaka Pelajar.
- Sri Mulyati. (2020). *Analisa Karakter Andrea dalam Film The Devil Wears Prada Berdasarkan Pendekatan Humanistik*. Jurnal Bahasa dan Sastra. Vol 12. No 1.
- Syamsu yusuf. (2011). *Penerapan psikologi humanistik dalam kisah Al-Quran. Doctoral dissertation*.
- Sylvan B & William Cain. (1979). *A short guide to writing about literature*. Little, Brown. Boston.
- Tri Mulyaninginsih. (2017). *Kritik Sosial dalam Naskah Drama TIK, karya Budi YasinMisbach: Suatu pendekatan hermeneutik.. AKSIS 010207*
- Wanti Nur Cahyani. (2019). *Analisis keperibadian dan konflik batin tokoh utama dalam novel Critical Eleven karya Ika Natassa. Retrieved from eprints.undip.ac.id*.
- Wicaksono, Ani Rakhmawati, Raheni Suhita. (2018). *Naskah drama Senja Dengan Dua Kelelawar karya Kridjomulyo: kajian psikologi sastra dan relevansinya sebagai Bahan ajar apresiasi drama Di Sekolah Menengah Atas*. Vol 6, No 1, ISSN 123026405

Zalenski, R. , Raspa,R. (2006). *Maslow's hierarchy of needs: A framework for achieving human potential in hospice*. Jurnal of palliative medicine. 9(5) 1120-1127.

Universiti Malaya